

PENYATA RASMI

PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA MESYUARAT KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUA BELAS

Hari : **2 DISEMBER 2009 (Rabu)**
Tempat : **(Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang)**
Jam : **9.30 Pagi.**

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain	Speaker
2.	Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
3.	Y.B. Dato' Zainal Rahim bin Seman	Setiausaha Kerajaan Negeri
4.	Y.B. Dato' Faiza bt. Zulkifli	Penasihat Undang-undang Negeri
5.	Y.B. Dato' Haji Farizan bin Darus	Pegawai Kewangan Negeri
6.	Y.B. Tuan Mansor bin Othman	Timbalan Ketua Menteri I / Penanti
7.	Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
8.	Y.B. Tuan Chow Kon Yeow	Padang Kota
9.	Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim	Batu Maung
10.	Y.B. Tuan Lim Hock Seng	Bagan Jermal
11.	Y.B. Tuan Law Heng Kiang	Batu Lancang
12.	Y.B. Tuan Phee Boon Poh	Sungai Puyu
13.	Y.B. Tuan Law Choo Kiang	Bukit Tambun
14.	Y.B. Tuan Wong Hon Wai	Air Itam
15.	Y.B. Puan Ong Kok Fooi	Berapit
16.	Y.B. Tuan Tan Hock Leong	Timbalan Speaker/Machang Bubuk
17.	Y.B. Tuan Koay Teng Hai	Pulau Tikus
18.	Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN	Sungai Bakap
19.	Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady	Bagan Dalam

20.	Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man	Permatang Pasir
21.	Y.B. Tuan Ng Wei Aik	Komtar
22.	Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
23.	Y.B. Tuan Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
24.	Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Datok Keramat
25.	Y.B. Tuan Tan Cheong Heng	Padang Lalang
26.	Y.B. Tuan Ong Khan Lee	Kebun Bunga
27.	Y.B. Tuan Ong Chin Wen	Bukit Tengah
28.	Y.B. Tuan Sim Tze Tzin	Pantai Jerejak
29.	Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji	Seri Delima
30.	Y.B. Tuan Koid Teng Guan	Sungai Pinang
31.	Y.B. Tuan Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
32.	Y.B. Tuan Tan Beng Huat	Jawi
33.	Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam	Batu Uban
34.	Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim	Penaga
35.	Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya	Telok Bahang
36.	Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid	Telok Ayer Tawar
37.	Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed	Sungai Dua
38.	Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin	Pinang Tunggai
39.	Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah	Seberang Jaya
40.	Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya	Permatang Berangan
41.	Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad	Pulau Betong
42.	Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria	Sungai Acheh
43.	Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab	Bertam

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad	Bayan Lepas
--	-------------

TURUT HADIR

Encik Baharuddin bin Ahmad Suri	Setiausaha Dewan Undangan Negeri.
---------------------------------	-----------------------------------

Dewan Mula Bersidang Pada Jam 9.40 Pagi

Setiausaha:

Doa

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan bersidang semula, kita masih lagi dalam perbahasan Rang Undang-undang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker, semalam semasa usul yang dibawa oleh Ahli Kawasan Seri Delima telah dimaklumkan kepada Dewan bahawa satu notis secara bertulis akan diedarkan kepada semua Ahli-ahli Dewan, tetapi sampai sekarang kita belum terima notis berkenaan.

Y.B. Dato' Speaker:

Belum lagi, saya akan minta Pejabat Setiausaha Dewan untuk edarkan sebentar lagi, terima kasih. Jadi kita masih dalam sesi Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2010 dan Usul Anggaran Pembangunan 2010 dipersilakan Ahli Kawasan Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):

Y.B. Dato' Speaker,(dengan izin),, saya ingin mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan bajet 2010. Masa berlalu tanpa ku menyedari, tahun 2009 akan berakhir dalam tempoh masa kurang daripada satu (1) bulan. Sungguhpun tahun 2009 merupakan tahun yang amat mencabar dengan umbang-ambing, Kerajaan Negeri PR (Pakatan Rakyat) tetap berjaya mengharunginya dengan penuh ketabahan dan keyakinan. Ada beberapa perkara penting yang saya ingin mengulas seperti berikut :-

- (1) Pendidikan
- (2) Industri Kecil Sederhana (IKS) dan Pelaburan Asing
- (3) Pengagihan Kekayaan Yang Lebih Seimbang(dengan izin), *More Balanced Distribution of Wealth*
- (4) Konsep Hijau ataupun dikenali sebagai *Green Concept*
- (5) Pembangunan Wanita dan Kesamaan Gender

Pendidikan, Y.B. Dato' Speaker, dalam usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memupuk dan mewujudkan satu masyarakat yang berpendidikan, saya amat bersetuju dan menyokong penuh hasrat dan usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mendirikan satu Hub Pendidikan Cemerlang di Pondok Upeh, Balik Pulau di mana RM121 juta telah diperuntukkan untuk tujuan pengambilan tanah. Sehubungan itu, saya ingin mencadangkan supaya Hub Pendidikan Cemerlang ini juga merangkumi Kolej Komuniti dan Klinik Komuniti supaya anak-anak dan para penduduk tempatan di Balik

Pulau boleh mendapatkan manfaat daripada kemudahan-kemudahan tersebut. Justeru itu, saya ingin mencadangkan supaya peruntukan tambahan diberikan untuk pembinaan kolej dan klinik komuniti tersebut. Oleh kerana pendidikan berada dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, maka adalah baiknya peruntukan tambahan tersebut diberikan oleh Kerajaan Pusat demi memperkasa dan menjayakan projek Hub Pendidikan Cemerlang ini di mana Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dan langkah yang pertama dalam memperuntukkan RM121 juta iaitu lebih kurang 33% daripada belanjawan Negeri Pulau Pinang yang berjumlah RM404,019,795.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang bukan sahaja berjiwa rakyat malahan juga amat prihatin dan mengambil berat tentang perkembangan pendidikan di kalangan anak-anak kita dengan memperuntukkan sejumlah RM11.3 juta untuk Program Bantuan Pendidikan yang akan dimanfaatkan oleh 172 buah sekolah yang meliputi Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan India serta Sekolah Mubaligh. Selain daripada aktiviti-aktiviti Majlis Perundingan Pendidikan Pulau Pinang atau dikenali sebagai (PECC) dan Biro Mengenai Kesukaran Pembelajaran atau pendek kata (BOLD) yang sedia ada untuk pelajar yang menghadapi kesukaran pembelajaran, saya ingin mencadangkan supaya satu tabung khas ditubuhkan untuk membimbing pelajar yang lemah, mengalami kesukaran pembelajaran dan miskin melalui kelas bimbingan atau tuisyen demi memperkasakan daya pembelajaran bersama daya persaingan mereka di masyarakat nanti.

Antara cara atau modul pengajaran kelas bimbingan tersebut harus menumpu lebih kepada pembelajaran empirikal *empirical studies, presentation*, penulisan tesis termasuk aktiviti dan program yang tidak bersifat sekadar penghafalan(dengan izin), *memorising*. Dalam keadaan ini, pemikiran dan minda anak-anak kita bukan sahaja akan menjadi lebih terbuka malahan lebih bebas dan boleh *think outside the box* dan dalam lain kata lebih kompetitif dan *critical in thinking* yang konstruktif.

Y.B. Dato' Speaker, Pulau Pinang merupakan salah satu Negeri yang mempunyai banyak Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di mana mereka telah memainkan peranan yang penting selama ini sebagai *supporting industry* kepada banyak syarikat gergasi antarabangsa. Dalam menangani krisis kewangan sedunia dan usaha memperkasakan (IKS) kita, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti penubuhan *Smart Centre*, mewujudkan laman web maklumat (IKS) oleh InvestPenang dan sebagainya demi membantu (IKS) kita dan pada masa yang sama memudahkan pelabur asing melabur di Negeri Pulau Pinang. Dalam keadaan ini, saya mencadangkan supaya satu badan atau majlis ekonomi ditubuhkan untuk bertindak sebagai *one-stop centre* dalam memantau, menyelaras serta membantu (IKS) kita dan pelabur asing dalam *out sourcing*, pembekalan, promosi dan sebagainya yang dapat membantu *sustain* serta memperluaskan pasaran mereka di dunia dan tempatan terutamanya dalam mengatasi segala birokrasi, meringkaskan dan mempercepatkan prosedur yang sedia ada seperti pendaftaran syarikat, pelesenan, kelulusan dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker,(dengan izin), yang lebih penting untuk Negara kita ialah Kerajaan Negeri bersama-sama Kerajaan Pusat perlu bekerjasama untuk membantu (IKS) kita mempertingkatkan daya persaingan dan lalu memperluaskan pasaran mereka di dunia melalui pemberian dana atau geran kajian dan kemajuan(dengan izin), *research and development* secara telus dan tidak berbelah bagi kepada syarikat yang betul-betul memerlukannya.

Dalam membantu (IKS) dan lalu menggalakkan pelabur asing untuk melabur di Negara kita, Kerajaan kita harus sentiasa membina perhubungan yang baik dengan Negara-negara lain bermula dengan Negara-negara jiran. Penglibatan Negara kita sebagai ahli dalam pertubuhan seperti ASEAN(dengan izin), *Association of South East Asian Nations*, (NAM) *Non-Aligned Movement*, (OIC) *Organisation Of the Islamic Conference*, (OPEC) *Organisation of Petroleum Exporting Countries*, (WTO) *World Trade Organisation* dan pelbagai jawatankuasa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) adalah sangat membantu dalam perdagangan antarabangsa khususnya dalam memperkenalkan produk, sumber semula jadi, sumber manusia, alam sekitar dan khasnya kelebihan kita kepada Negara-negara yang berminat untuk melabur.

Untuk *complement* Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kita dalam penggalakan pelaburan asing, ianya adalah perlu untuk Negeri Pulau Pinang membina satu pusat konvensyen yang seharusnya dibina 20 tahun yang lepas memandangkan pada akhir tahun 80-an, ekonomi kita mulai pulih dari resesi dan berkembang dengan pesat sehingga tahun 1998 di mana pada seketika itu Negeri Pulau Pinang telah dihujani dengan banyak pelaburan asing yang boleh mewartakan serta meng *complement* pembinaan sebuah pusat konvensyen di Pulau Pinang. Seperti bak kata, biar lambat asalkan selamat. Pusat konvensyen yang tengah dirancang dan dipertimbangkan untuk dibina itu akan menjadi satu Hub atau pusat pemasaran produk tempatan dan luar Negara termasuk pameran produk-produk domestik dan antarabangsa. Tambahan pula, pusat konvensyen ini juga akan menjadi satu saluran yang utama bagi mempergiatkan lagi aktiviti perdagangan di antara syarikat-syarikat kita dengan syarikat-syarikat dari luar Negara. Setiap keuntungan yang diperolehi oleh syarikat kita adalah keuntungan Negara kita.

Sebagaimana yang diketahui umum bahawa kebanyakan Negara-negara Asia Tenggara mempunyai banyak persamaan dari segi budaya, adat resam, agama dan sebagainya. Mungkin sekarang(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker, adalah masa yang sesuai untuk Negara-negara Asia mempertimbangkan untuk mempersatukan atau *standardize* Bahasa Melayu. Ini bermakna seseorang yang mempelajari Bahasa Melayu yang *standardize* boleh menggunakannya di Negara-negara ASEAN seperti Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina dan Singapura. Dengan adanya Bahasa Melayu yang *standardize* saya percayai secara langsung dan tidak langsung akan memudahkan komunikasi, menjalin perhubungan luar Negeri(dengan izin), *foster foreign relations* dan mewujudkan persefahaman di kalangan Negara Asia Tenggara seperti Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina dan Singapura termasuk hal-ehwal budaya, adat resam, agama, pelancongan, pertahanan dan politik di mana ia juga akan membantu mempergiatkan lagi perdagangan dan pelaburan dua hala. Kononnya Bahasa Inggeris sejak banyak tahun yang lalu sehingga masa kini telah menjadi bahasa perantaraan dalam perdagangan dan pelaburan di seluruh dunia.

Oleh yang demikian, ekonomi dunia ini sememangnya adalah dikuasai oleh mereka yang boleh bertutur Bahasa Inggeris. Nampaknya sesuatu bahasa memang mempunyai pengaruh yang begitu meluas. Saya berharap suatu hari nanti saya boleh menggunakan Bahasa Melayu yang dipersatukan di kelima-lima Negara Melayu tersebut tanpa salah mengerti. Contohnya di Malaysia kita panggil tandas tetapi di Indonesia dipanggil kamar kecil.

Y.B. Dato' Speaker, pertama sekali untuk mencapai matlamat pengagihan kekayaan yang lebih seimbang, Kerajaan Malaysia harus memastikan gejala rasuah dibasmi dengan secepat mungkin bermula dari peringkat yang teratas sehingga ke bawah. Dalam pada itu, SPRM (Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia) mesti dijadikan satu entiti yang bebas dan menjawab kepada Parlimen. Usaha Kerajaan Negeri dalam memperkenalkan Sistem *Star Rating* (SSR) yang bertindak sebagai pengukur prestasi kecemerlangan di semua bahagian di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bagi tujuan penilaian terhadap prestasi agensi atau jabatan Kerajaan, pelantikan (CIO) *Chief Information Officer*, Pegawai Integriti di semua Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, pemberian anugerah, penganugerahan pingat Integriti secara asasnya akan memastikan kecekapan setiap agensi atau jabatan Kerajaan sentiasa berada pada tahap prestasi yang memuaskan. Dengan adanya kecekapan, akauntabiliti dan ketelusan dalam suatu jabatan atau agensi Kerajaan, ia secara langsungnya dapat mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu, pembaziran, penyelewengan dan amalan rasuah di mana wang yang diijamatkan boleh digunakan sebagai pembayaran bonus dan insentif kepada mereka yang cekap, amanah dan berhemah(dengan izin), *modus operandi* ini sudah tentu dapat menyumbang kepada pengagihan kekayaan yang lebih seimbang di kalangan pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Maknanya pegawai dan atau kakitangan Kerajaan yang efisien dan beramanah akan dihargai dengan pembayaran bonus dan insentif.

Selain itu, Kerajaan Pusat perlu menggubal undang-undang seperti Akta Upah Minima(dengan izin), *Minimum Wages Act* untuk sesetengah pekerjaan termasuk kakitangan Kerajaan supaya kes eksploitasi pekerja dapat dikurangkan ataupun dihapuskan sama sekali. Ekoran itu, kualiti hidup rakyat akan dipertingkatkan dan kemajuan Negara terjamin.

Sekarang saya ingin balikkan kepada Konsep Hijau, kita semua sedia maklum bahawa iklim dan cuaca bumi kini mengalami proses perubahan yang sering membawa pelbagai bencana alam yang berturut-turut kepada kita kebelakangan ini, namun demikian Kerajaan Negeri yang peka kepada keadaan ini telah mengambil langkah-langkah yang proaktif dalam melaksanakan program seperti Hari Tanpa Plastik, Kempen *Green State*, *Penang Smoke Free* serta pelancaran *EM Mud Ball* di semua daerah di Negeri Pulau Pinang. Di samping itu, Kerajaan Negeri dalam mengangkat(dengan izin), *adopt* Polisi yang berlandaskan inisiatif bangunan hijau *Green Buiding Index* dengan jelas menunjukkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa mengimbangi(dengan izin), *keep up with trend* konsep hijau yang semakin popular di kalangan Negara maju seperti Australia dan Amerika Syarikat. Dalam memperkembangkan konsep hijau ini, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya mempertimbangkan melaksanakan skim atau program yang boleh memelihara alam sekitar serta membantu golongan yang miskin memandangkan secara puratanya golongan miskin dipercayai menggunakan sebahagian besar wang mereka untuk bekalan air dan elektrik. Skim ini juga adalah sesuai untuk warga miskin yang duduk di kawasan pedalaman dan terpencil yang tidak mempunyai bekalan air dan elektrik di mana pemasangan paip air dan kabel elektrik akan melibatkan kos yang agak tinggi.

Program ini adalah dikenali sebagai *Green Start To The Needy* atau Permulaan Hijau Kepada Golongan Miskin di mana di bawah skim yang tersebut mereka yang layak akan menerima pembekalan dan pemasangan produk penjimat tenaga dan air secara percuma seperti *pipe insulation*, *efficient light bulb*, *low-flow showerheads*, *seals for fridges*, *doors and windows*, *grey water hoses* dan *compost bin*(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker, selain itu mereka juga akan diberikan pembekalan dan pemasangan

roof top solar panel secara percuma yang boleh menjana kuasa elektrik dan sebagainya, ketiga pembekalan dan pemasangan *grey water system* secara percuma dan seterusnya pembekalan dan pemasangan *solar pane heater* secara percuma.

Y.B. Dato' Speaker,(dengan izin), selaras dengan segala usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam melaksanakan pelbagai program dan projek yang cenderung kepada pembangunan wanita, keluarga dan komuniti, saya percayai satu Kod Gangguan Seksual(dengan izin), *Sexual Harrasment Code* perlu digubal demi memperkasakan pembangunan wanita dan mempertahankan kesamaan gender. Saya dengan rendah dirinya berpendapat bahawa satu Kod Gangguan Seksual (*exual Harrasment Code*) perlu diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri walaupun gangguan seksual adalah bersifat *quasi-criminal* yang sepatutnya berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Kod ini boleh bertindak sebagai garis panduan.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Minta laluan, adakah Ahli Yang Berhormat Kebun Bunga Sedar bahawa Kerajaan Persekutuan telah menggubal satu Kod untuk Gangguan Seksual untuk wanita jadi adakah Kod itu bolehkah dipakai di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):

Terima kasih ADUN daripada Komtar, bagi pengetahuan saya apa yang penting sekarang kerana memandangkan terdapat banyak kilang-kilang dan juga syarikat Asing yang bertapak di Pulau Pinang saya rasa perlu supaya Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk memperkenalkan satu Kod *Sexual Harrasment Code* yang komprehensif dan saya percaya walaupun Parlimen, pihak Kerajaan Pusat ada dalam proses untuk memperkenalkan satu Kod *Sexual Harrasment Code* ini tidak menghalang Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengambil inisiatif ini, terima kasih, Y.B. Dato' Speaker, bolehkah saya teruskan, Kod ini boleh bertindak sebagai garis panduan dan *safeguard* kepada semua wanita yang bekerja di Negeri Pulau Pinang daripada dihina dan diganggu secara seksual memandangkan sememangnya pernah berlaku kes-kes sebegini yang tidak dapat dikuatkuasakan. Dalam akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memperingatkan kita semua bahawa konsep 1 Malaysia hanya bererti sekiranya segala Polisi yang diangkat serta keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat adalah berdasarkan keikhlasan di mana kebajikan dan kepentingan rakyat mesti betul-betul diutamakan. Sekiranya tidak 1 Malaysia ini adalah sekadar indah dipandang sedap didengar atau pendek kata ia adalah mengenai kita tetapi tanpa kita(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker *it is about us but without us*.

Y.B. Dato' Speaker, saya memohon untuk menyokong. Sekian, wabilahi taufik walhidayah wassalamualaikum wa rahmatullahi wa barakatuh!

Y.B. Dato' Speaker:

Silakan Y.B. Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2010.

Y.B. Dato' Speaker, saya ini membangkitkan masalah ibu tunggal Pulau Pinang, ibu tunggal adalah satu masalah yang serius di Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan harus mengambil peranan yang lebih tegas untuk meringankan beban ibu tunggal terutamanya ibu tunggal yang miskin seperti memberi sumbangan kewangan setiap bulan melalui kebajikan, memberi pertolongan nasihat melalui kaunseling dan juga mendapatkan pekerjaan yang sesuai, Pulau Pinang harus menubuhkan satu *one stop center* di mana ibu tunggal boleh mendapat pertolongan, kini ibu tunggal yang miskin hanya berjumpa dengan wakil rakyat mereka untuk meminta pertolongan dan wakil hanya boleh memberi pertolongan secara *one off* sahaja, selepas itu masalah mereka berturutan, kalau ada satu *one stop center* ini boleh memudahkan pertolongan secara komprehensif, jika pertolongan dari pihak Kerajaan tidak diberi maka masalah sosial akan timbul. Penubuhan jawatankuasa kesaksamaan *gender* adalah satu perkara yang harus dipuji wanita boleh memainkan peranan yang positif kepada masyarakat dan mereka akan diberi kehormatan yang sama.

Y.B. Dato' Speaker, baru-baru ini dalam pernyataan surat khabar seorang wanita India nama asalnya S. Bakarama sudah lapan tahun berkahwin di sebuah kuil di Tanjung Piandang tetapi perkahwinan beliau belum didaftarkan sebab beliau disenaraikan sebagai seorang Muslim dan suaminya adalah seorang Hindu. Bakarama dan tiga adik beradik beliau telah diserahkan kepada rumah kanak-kanak Taman Bakti di Kepala Batas, semasa berumur lima tahun oleh Jabatan Kebajikan. Pada 28 Disember 1989, Bakarama di bawa oleh PERKIM dan Majlis Agama Islam Pulau Pinang untuk masuk dalam Islam di hadapan seorang kadi tanpa pengetahuan beliau dan tanpa kebenaran beliau agama beliau telah ditukar ke Hindu dan diberi nama Siti Hasnah Bakarama Abdullah. Rumah *welfare* ini rumah kebajikan ini seperti rumah kanak-kanak Taman Bakti patut jamin hak kanak-kanak di rumah tetapi mereka menjalankan urusan rumah kanak-kanak seperti penjara sesiapa pun tidak dibenarkan masuk tanpa kebenaran bertulis, makanan-makanan yang tidak sesuai dari segi agama juga diberi kepada kanak-kanak kalau orang ramai atau badan-badan NGO tidak dapat masuk ke dalam rumah kanak-kanak dan melihat macam mana kanak-kanak dipelihara di dalam rumah tersebut dan ini akan jejas hak asasi kemanusiaan hak asasi seseorang tidak dijamin di rumah kanak-kanak. Saya juga tahu bahawa kanak-kanak Tamil atau Tionghua tidak dibenarkan bertutur dalam bahasa ibunda mereka. Bakarama tanpa kebenaran dan pengetahuan beliau telah ditukar agama sebagai seorang Islam, saya kata di sini semua pihak mesti hormat kepada Perlembagaan Negara pilihan agama adalah hak individu tidak sesiapa pun mesti dipaksa dalam hal agama, kebebasan memilih agama adalah dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli Kawasan Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat, berkenaan dengan makanan yang tidak sesuai dengan agama saya juga ingin menyatakan di sini dalam majlis-majlis yang di anjurkan oleh Kerajaan Negeri juga saya percaya kita harus memberi satu garis panduan di mana dalam majlis-majlis ini bila terdapat peserta yang beragama Hindu dan Buddha, makan daging, sepatutnya makanan yang dihidangkan harus diasingkan dan kerana ini adalah satu kepentingan kepada agama masing-masing, dan saya mendapati bahawa dalam

jamuan-jamuan seperti yang kita mengadakan baru-baru ini Majlis Jamuan Sambutan Jubli Emas makanan-makanan yang dihidangkan itu juga menghidangkan makanan-makanan yang tidak sesuai kerana ada yang Ahli-ahli beragama Buddha beragama Kristian, beragama Hindu yang tidak makan daging, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Terima kasih Seri Delima, masalah Bakarama beliau tidak boleh daftar perkahwinannya apakah akan jadi kepada anak-anak beliau hak asasi manusia.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab):

Minta laluan, Y.B. Dato' Speaker, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat adakah Yang Berhormat, sendiri telah pergi melawat ke rumah Kanak-kanak Taman Bakti Kepala Batas apa Yang Berhormat kata itu tidak betul sebab kebenaran melawat memang dibenarkan melawat pada hari-hari tertentu, dan makanan dibagi mengikut keperluan mereka, dan lagi satu berkenaan dengan pertuturan sebab tidak ramai kaum Cina, dan kaum India, yang ada di situ dan pekerja-pekerja di situ kebanyakan daripada orang Melayu dan mungkin mereka tidak tahu bertutur dalam bahasa lain jadi mereka menggunakan Bahasa Malaysia. Saya juga biasa bertugas di situ sebagai Ahli Lembaga Taman Bakti jadi mungkin Yang Berhormat dapat maklumat yang tidak betul, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Saya diberitahu ada 18 kanak-kanak India di Rumah Kanak-kanak di Kepala Batas, mereka tidak diberi peluang untuk bertutur dalam Bahasa Tamil antara satu sama lain, antara mereka pun tidak diberi peluang, iaitu hak asasi manusia telah dijejas dan dalam kes Bakarama *she has lost family life* dan malangnya pertubuhan-pertubuhan wanita tidak mengambil tahu dalam hal ini.

Y.B. Dato' Speaker, teruskan dengan topik lain tentang Keretapi Bukit Bendera, walaupun sistem Keretapi Bukit Bendera akan dinaik taraf dan ini akan membawa lebih ramai orang untuk mengunjungi Bukit Bendera tetapi apa yang sedih tidak ada apa yang menarik, dibina cadangan untuk membina untuk menarik Bukit Bendera untuk pelancong menikmati, harus merancang satu pembangunan *development* satu pembangunan yang khas supaya pelancong boleh belanja masa yang lebih. Salah satu ialah untuk mendirikan *flower garden* dengan pembangunan ini akan menggalakkan aktiviti ekonomi di Bukit Bendera lebih kedai-kedai boleh dibuka di Bukit Bendera lagi faktor dan masalah yang mesti diselesaikan dalam tempoh pembinaan menaik taraf Kereta Api Bukit Bendera, jalan sekarang yang ada di Waterfall akan digunakan jalan ini dalam pengetahuan saya belum lagi digazet dan dikawal ramai pelancong akan menggunakan jalan ini untuk naik atas Bukit Bendera, dalam tempoh itu kita mesti kawal kegunaan kenderaan dan mesti jamin semua kenderaan ada insurans kita tidak mahu apa-apa kemalangan berlaku dalam tempoh satu tahun di mana Keretapi Bukit Bendera akan dinaik taraf dan pelancong-pelancong dan penduduk-penduduk di Bukit Bendera akan menggunakan jalan yang sedia ada untuk menaiki Bukit Bendera. Langkah-langkah Kerajaan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai satu bandar raya bertaraf antarabangsa satu perkara yang bangga sebagai penduduk Pulau Pinang kita bangga menjadi satu bandar raya yang bertaraf antarabangsa saya harap Kerajaan akan mencepatkan pembinaan infrastruktur-infrastruktur seperti meluaskan jalan, dan *public*

transport dan pengangkutan awam mesti diperbaiki dan juga Pihak Berkuasa Tempatan mesti memainkan peranan yang lebih positif untuk menjadikan Pulau Pinang bersih dan indah, tanpa kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan objektif menjadi bandar raya antarabangsa susah dicapai. Lagi satu masalah yang dihadapi oleh penduduk di Pulau Pinang, pekerjaan di jabatan-jabatan Kerajaan. Pekerja di jabatan Kerajaan dan agensi Kerajaan mestilah diberi kepada semua rakyat mengikut kelayakan tanpa mengira agama dan bangsa Kerajaan mesti mengeluarkan satu garis panduan supaya boleh diikuti oleh semua jabatan Kerajaan dan agensi apabila mengisi tempat-tempat kosong. Ini akan mengelak perasaan hak sesama rakyat. Y.B. Dato' Speaker, dengan ini saya memohon menyokong, terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

....(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker, berkenaan dengan usul kelmarin yang ditulis yang diedarkan saya ingin memperbetulkan satu kesilapan di mana tarikh 1 November 2009 sepatutnya 1 Disember 2009. Kesilapan adalah kesilapan saya Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Ambil perhatian 1/12/2009 seterusnya Ahli Kawasan Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Terima kasih, Y.B. Dato' Speaker, kerana memberi saya berbahas bagi pihak rakyat dan suara rakyat Batu Uban pun kedengaran kali ini, izinkan saya mengucapkan salam reformasi kepada semua. Saya mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih atas belanjawan CAT Kerajaan berjiwa rakyat dan saya memohon menyokong dengan sepenuhnya atas sebab-sebab berikut Kerajaan Negeri ingin mendirikan hak pendidikan cemerlang di Balik Pulau dan seperti yang dibangkitkan oleh Y.B. Kebun Bunga tadi, dan Kerajaan Negeri telah pun memperuntukkan sebanyak 121 juta untuk kos pengambilan tanah kawasan Pondok Upeh Balik Pulau adalah satu kawasan lebih 90 peratus kaum China dan kawasan ini bukannya rizab tanah sesiapa ini adalah satu projek untuk rakyat Pulau Pinang dan ini adalah hasil daripada idea daripada Ketua Menteri untuk menjamin generasi anak-anak muda Malaysia agar ilmu pengetahuan dan pendidikan dapat menjamin dan anak-anak kita dapat bersaing di pentas internasional dan izinkan saya merujuk kepada muka surat 5 belanjawan yang dibentangkan. Sejak pengambilan alih pentadbiran Negeri Pulau Pinang kejayaan membanggakan telah dicapai oleh Pakatan Rakyat salah satu penanda aras oleh pengiktirafan oleh badan antarabangsa seperti persetujuan UNESCO untuk terus kekalkan status George Town sebagai Tapak Warisan pada Jun, 2009 dan bukan sahaja itu.

Laporan Ketua Audit 2008 memuji dasar penjimatan Kerajaan Negeri dan keutamaan yang diberikan untuk rakyat atau *people centric* ini telah pun meningkatkan aset Negeri. Pada pertama kalinya kenaikan aset adalah setinggi 102%, aset Kerajaan Negeri pula telah naik 21.1% ataupun daripada RM848 juta kepada RM1,026 juta kali pertama aset Kerajaan Negeri mencecah kepada aras RM1 bilion. Saya mengucapkan syabas kepada Ketua Menteri Pulau Pinang. Sekarang Kerajaan mengatur projek-projek dasar-dasar yang baik untuk rakyat. Siapa? Siapa di antara di luar sana, di antara dalam Dewan ini berani mencabar Ketua Menteri untuk letak jawatan? Perompak-

perompak dan lanun-lanun Barisan Nasional perlu ukur kain di badan sendiri. Jangan ludah di langit buruk padahnya.

Isu yang saya bangkitkan sekarang ini ialah isu skandal tanah oleh Kerajaan BN terdahulu atau isu skandal Tang Hak Ju. Tuan-tuan dan Ahli-ahli Yang Berhormat, boleh merujuk kepada muka surat 52 yang dibentangkan oleh Ketua Menteri. Kerajaan Pakatan terpaksa menanggung kerugian RM40 juta berasingan dengan RM25.5 juta yang masih belum dibayar lagi yang tertunggak dan 8% dikenakan terhadap faedah iaitu Kerajaan Negeri terpaksa menanggung untuk setiap hari jumlah RM4,386.93, itu *interest* dia sahaja untuk satu hari. Jadi siapa yang rugi? Jadi siapa yang rugi? Rakyat yang rugi. Ini adalah wang rakyat dan rakyat telah dirompak oleh perompak lanun oleh Kerajaan terdahulu.

Saya difahamkan Pentadbir Tanah telah batalkan permohonan Tang Hak Ju pada tahun 1992. Yang Berhormat-Yang Berhormat, tanah itu adalah kepunyaan *Chinese Society* ataupun dikenali sebagai *Hokkien Cemetery*. Pada asalnya tanah itu berada dalam milikan Kerajaan Negeri sebelum *alienation* dibuat. Persoalan yang Batu Uban bangkitkan bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh kalah di dalam kes ini di Mahkamah Tinggi? Di Mahkamah Tinggi sudah kalah mengaku kekalahan apakah peranan yang dimainkan oleh *State Legal Advisor*? Atau Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang. Adakah Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang gagal memfailkan ataupun tidak membuat apa-apa rayuan ke Mahkamah Rayuan di Putrajaya? Adakah buat rayuan atau tidak buat rayuan? Kenapakah rayuan ditolak jika dibuat. Dan adakah Pejabat Penasihat Undang-Undang gagal merayu di dalam tempoh had masa yang diperuntukkan? Pejabat Penasihat Undang-Undang ada segala peruntukan dan juga kepakaran, Peguam-peguam handalan dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat Batu Uban, saya rasa di dalam Dewan ini dan tidak berkemampuan untuk menjawab jadi untuk ..

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Raveentharan a/l V.Subramaniam):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, tetapi saya akan menjelaskan sebentar lagi.

Y.B. Dato' Speaker:

Ini sama juga dengan soalan dari Telok Bahang semalam, yang mana Speaker tak boleh menjawab dan saya *relate* itu. Kerana kalau persoalan yang ditanya semalam itu bagaimana mengendalikan Dewan ini bukan soalan-soalan lain dari itu, jadi ini sama sahaja.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Raveentharan a/l V.Subramaniam):

Terima kasih. Y.B. Dato' Speaker, adakah pihak-pihak tertentu tertidur atas hak Kerajaan Negeri? Atau ditidurkan oleh Ahli-ahli politik Barisan Nasional atau zaman Tan Sri Koh Tsu Koon?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rayer):

Minta laluan, terima kasih Yang Berhormat Batu Uban. Skandal tanah dan Tang Hak Ju ini telah dikatakan diatur dengan begitu terperinci oleh pihak yang terlibat dan

dari apa juga yang kita difahamkan juga bahawa terdapat kemungkinan Ahli-ahli Exco

yang juga terlibat dalam satu komplot atau konspirasi untuk merompak tanah ini daripada pihak-pihak yang memilikinya. Apakah benar bahawa perkara ini berlaku? Kerana maklumat-maklumat kononnya yang diberikan kepada Tang Hak Ju pihak yang melakukan skandal ini beliau mendapat bantuan yang baik secara tidak langsung daripada pihak-pihak Ahli-ahli Exco yang memegang jawatan Exco sebelum ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Raveentharan a/l V.Subramaniam):

Terima kasih Seri Delima dan saya memang bersetuju, bagi saya habiskan dahulu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Kalau ada kes memang ada suspek atau yang kuat saya saran Seri Delima buat laporan SPRM dan siasat betul-betul kes ini. Kalau ada unsur-unsur penyelewengan berlaku.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rayer):

....(dengan izin), Tuan Speaker, kita mendapati memang laporan-laporan itu memang dibuat dalam kes Kampung Buah Pala pun memang laporan dibuat apakan daya kita SPRM cuma memilih orang-orang yang dituduh. Kalau pihak yang membuat laporan itu adalah dari Pakatan Rakyat laporan SPRM itu seolah-olah tidak diberi perhatian langsung. Tapi kalau katakan laporan itu dibuat oleh pihak Barisan Nasional terhadap Ahli-ahli Pakatan Rakyat kita dapati pihak SPRM tergesa-gesa untuk mengambil tindakan dan apakan daya kita akan cuba, saya akan mengambil nasihat itu dan jika ada penjelasan yang jelas memang saya boleh memberi jaminan bahawa kita akan menyusuli tindakan yang perlu diambil

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato Seri Dr. Hilmi bin Hj. Yahaya):

Nampaknya Seri Delima ini tak yakin dengan SPRM adalah satu pertubuhan bebas jadi kalau kita tak yakin dengan mereka habis nak percaya siapa lagi? Dia tak mendapat arahan dalam mana-mana pihak betul-betul yakin buat laporan dan minta mereka siasat.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rayer):

Mungkin sudah lupa seperti kes V.K. Lingam keterangan sudah jelas membuktikan satu konspirasi di antara Ketua Hakim Negara dan melibatkan bekas Perdana Menteri kita, pihak SPRM mengatakan bahawa kes itu telah ditutup bila ada aduan bahawa Mursyidul Am PAS di Kelantan dibiayai ditaja sahaja untuk mengerjakan umrah pihak SPRM hendak menyiasat, ini menunjukkan *double standard*. Kalau ada orang nak membiayai Mursyidul Am PAS untuk melakukan Umrah di Kelantan adakah salah? Tapi perkara itu dibesar-besarkan pihak nak menyiasat tapi kes V.K. Lingam satu *royal commission* didirikan ini menunjukkan beliau telah melakukan rasuah, komplot, konspirasi dengan parti-parti pihak Barisan Nasional perkara itu dikatakan tutup dan *no evidence to be charged*. Ini menunjukkan *double standard*. *This is clearly double standard* dan siapa kata SPRM itu bebas? Gelak ketawa sahaja itu kita.

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan sahaja Batu Uban. Silakan.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Raveentharan a/l V.Subramaniam):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Persoalan saya seterusnya. Bilakah Tang Hak Ju menjadi pemilik tanah tersebut? Atau adakah Tang Hak Ju hanya pemilik lesen sahaja? Daripada siapakah Tang Hak Ju perolehi lesen ini? Adakah permit 4C diperolehi terlebih dahulu? Jika ada, bilakah permit 4C ini diperolehi? Bagaimana dan bilakah *extradition* ini atau *title* ini dibuat? Dan dibuat oleh siapa? Apa yang terjadi kepada laporan-laporan Polis yang dibuat oleh *Chinese Hokkien Cemetery*. Adakah siasatan Polis dibuat? Adakah siasatan Polis lengkap? Bilakah Polis ambil *statement* daripada orang-orang yang disyaki? Adakah suspek-suspek dipersoalkan? Adakah Tang Hak Ju disiasat oleh Polis?

Adakah MACC dimaklumkan oleh Kerajaan Barisan Nasional terdahulu? Siapakah dalang BN? Di belakang tabir? Dan siapakah mereka ini? Siapakah ahli jawatankuasa dan Ahli Exco Kerajaan Barisan Nasional pada masa tersebut? Adakah Yang Berhormat sekarang dan Yang Berhormat terdahulu? Apakah peranan Timbalan Ketua Menteri terdahulu dari Kerajaan Barisan Nasional? Apakah peranan yang dimainkan oleh Rashid? Apakah peranan yang dimainkan oleh Yang Berhormat Telok Bahang? Siapakah yang mewakili *Land comm* pada masa itu? Mereka perlu jawab, jawab secara tulus kerana ini melibatkan wang rakyat. Siapakah pegawai-pegawai Kerajaan? Apakah peranan yang dimainkan oleh pegawai-pegawai Kerajaan? Siapakah dari pihak Tanah dan Galian (PTG) yang terlibat? Siapakah SUK atau Setiausaha Kerajaan terdahulu? Siapakah Kerajaan Barisan Nasional dahulu? Maafkan saya Y.B. Dato' Speaker, siapakah *State Legal Advisor* pada masa dahulu? Telok Bahang masih muda ketika itu saya percaya dan beliau Yang Berhormat tidak nyanyuk pada masa itu.

Jadi Yang Berhormat boleh menjelaskan sebentar lagi. Telok Bahang memang boleh jelaskan kepada Dewan yang mulia ini apa yang telah terjadi. Dewan hendak tahu rakyat di luar hendak tahu. Lain-lain Exco Kerajaan Negeri terdahulu tidak mahu disiasat apakah sebabnya mereka tidak mahu disiasat? Sebab apa? Sebab apa mereka tak mahu beri kerjasama dengan pihak Polis? Apakah tahap siasatan Polis? Di manakah prestasi Polis Diraja Malaysia yang bawa slogan sebelum pilihan raya Saya Anti Rasuah tetapi selepas itu Integriti. Integriti apa? Siasatlah ini, baru kata ada integriti. Di manakah integriti pihak Polis dalam siasatan ini? Exco-exco Barisan Nasional *not responsible, not accountable and not answerable* tapi kali ini mereka perlu jawab kepada rakyat, rakyat akan menentukan...(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker, *because you had been corrupted indeed*, inikah pimpinan melalui teladan? Pemuda UMNO, Pemuda MIC, Pemuda MCA, Pemuda PPP dan Gerakan buat kecoh di luar Dewan pada 30 November 2009, lepas itu suruh CM kita letak jawatan. Ini nak saya kata sikit paku dulang paku serpih mengata orang Barisan Nasional yang lebih. Lepas itu slogan 1 Malaysia diulang-ulangnya dengan Seniman Agung P. Ramlee diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Penaga. Kita sayang sama Dato' ini, kita boleh bagi 15 *stars award, oscar award* YB. Dato' dan Batu Uban mahu semua soalan yang dibentangkan dijawab secara tertulis oleh Penasihat Undang-Undang Negeri dan diberikan kepada Ketua Menteri kita untuk tindakan Ketua Menteri dalam masa 2 minggu dari tarikh hari ini.

Dan bolehkah kita dapat butir-butir ini? Ini satu institusi yang mulia *the highest institution* dalam sistem demokrasi kita, saya telah bangkitkan persoalan ini adakah perkara ini akan dijawab? Saya akan mencabar pihak yang terlibat untuk menjawab. Jika tidak saya memohon kepada Ketua Menteri Pakatan Rakyat pegawai-pegawai Kerajaan terlibat letak jawatan sahaja, letak jawatan sahaja, sebab apa, sebab Yang Berhormat, Exco-exco *not accountable, not responsible*. Yang *accountable and responsible* yang tidak dipilih, pegawai Kerajaan yang menjadi mangsa. Jangan memperbodohkan rakyat, sebab TKM, Ahli Exco Barisan Nasional tidak akan bertanggungjawab, *not accountable, not responsible*.. Yang salah adalah pegawai Kerajaan sahaja dan rakyat Pulau Pinang terpaksa menanggung bajet defisit hasil kes Tang Huat Ju ini.

Saya juga membawa ke dalam Dewan yang mulia ini saya merujuk kepada *National Land Code* pada seksyen 16 (i) (e). Saya pohon baca...(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker, "*action by and against the state authority, section 16 (i) (e). The state director may, on behalf of the State Authority, commence, proceeding and carry on in the name of, his offices any action, suit or other proceeding relating to:-*

- (a) *State land;*
- (b) *any contract concerning land to which the State Authority is a party;*
- (c) *any trespass to, or other wrong committed in respect of land;*
- (e) *the recovery any fine, or the enforcement of any penalty, under this Act.*

Kalau kita kena *fine* ataupun penalti kita boleh gunakan seksyen 16 (i) (e) dan juga di bawah seksyen 16 (2) siapa yang ada kuasa. 16 (2) mengatakan *any action, suit or other proceeding relating to land in which it is sought to establish any liability on the on the part of the State Authority shall be brought against the State Director in the name of his office.* dan

seterusnya seksyen 16 (3) mengatakan "*In any action, suit or other proceeding to which this section applies, the State Director may appear personally, or may be represented by any advocated and solicitor, any Federal Counsel, the State's Legal Advisor or any Land Administrator or other officer appointed under subsection (1) of section 12.*

Adakah pertimbangan diberikan untuk melantik peguan-peguam yang dapat membantu Kerajaan Negeri pada masa itu dan juga *any Federal Council state Legal Advisor or any land administrator or any other officers pointed under subsection 1 or subsection 12*. Adakah pegawai-pegawai Kerajaan telah rujuk kepada seksyen 22 *National Land Code* memberi kekebalan *protection of officers, no officers appointed under this Part shall be liable to be sued in any civil court or any act or matter done, or ordered to be done or omitted to be done, by him in good faith and in the intended exercise of any power, or performance of any duty, conferred or imposed on him by or under this Act.*

Seksyen ini jelas memberi kekebalan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang menjalankan tugas dan seksyen 5 *National Land Code* merujuk kepada interpretasinya

tetapi saya tidak mahu membacanya, tetapi seksyen 42 (1). 42 (d) *to commit the extraction and remove the rock material for any land other than reserve forest in accordance to the procedure and chapter 3 and 4* dan maksud *alienations* tertera di bawah seksyen 76. Jika kes Tang Huat Ju ini adalah satu realiti kesilapan dari segi *alienations*, apakah tindakan seterusnya adakah kita hendak menanggung risiko dan beban itu dan terpaksa rakyat pun menanggung risiko dan beban itu bersama kita perlu mengambil iktibar.

Y.B. saya difahamkan penasihat terdahulu di bawah Kerajaan Barisan Nasional sekarang telah menjadi *due nation conventional* dianugerahkan, diresmikan jadi hakim kalau beginilah lantikan hakim-hakim oleh Kerajaan Barisan Nasional rakyat Malaysia yang akan mufliis, dan rakyat yang akan rugi sedangkan yang korek-korek pun terbiar begitu, terlepas begitu, begitu sebab tidak ada bukti, kononnya tidak ada bukti, banyak cantik dan molek dia *he looks like me, he sounds like me, he smell like me, but it is not me*, wah bijaknya, terlepas begitu(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker Barisan Nasional *can fool all the people* Barisan Nasional *can fool some of the people fool all time but* Barisan Nasional *cannot fool all the people all the time*. Exco-exco Barisan Nasional daripada Land comm harus jawab ini jangan setakat korek-korek sahaja lepas itu terbiar *uncorrected* ini adalah hak rakyat.

Akhir kata saya difahamkan daripada bajet *federal* Kerajaan Pusat 2009 bajet untuk USM sahaja dianggarkan mencecah RM980 juta. Bajet untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang lebih kurang RM430 juta cuba bezakan satu untuk *administer* USM tapi untuk *administer* satu Negeri Pulau Pinang bersamaan dengan tanah seberang hanya RM430 juta sahaja ini bermaksud apa, Kerajaan Pusat menduakan rakyat Pulau Pinang, Kerajaan Pusat menganaktirikan rakyat Pulau Pinang lepas itu membawa slogan 1 Malaysia, pakai kosmetik nampak cantik. Saya mencabar dengan salam reformasi daripada Pakatan Rakyat, dari rakyat untuk rakyat demi rakyat. Izinkan saya akhiri dengan pantun:

Dua tiga kucing berlari,
Mana nak sama si kucing belang,
Dua tiga boleh ku cari,
Mana nak sama Ketua Menteri kita seorang.

Saya memohon menyokong dengan salam reformasi.

Y.B. Dato' Speaker:

Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum, salam sejahtera, salam satu Malaysia, Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Exco-exco, Ahli-ahli Y.B., Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan wartawan sekalian. Saya ambil kesempatan ini mengucapkan banyak terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker di atas kesempatan yang diberikan kepada saya sekali lagi pada pagi ini untuk turut sama berhujah mengeluarkan pendapat, pandangan dan buah fikiran saya dalam ucapan bahas Bajet 2010 Negeri Pulau Pinang Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Kedua Belas ini. Y.B. Dato' Speaker dan Y.B. sekalian baru dua tiga hari lepas telah pun mendengar ucapan oleh Y.A.B. Ketua Menteri membahaskan usul bajet untuk Negeri Pulau Pinang, kita telah menilai kedudukan dan keadaan apa telah yang disampaikan

oleh Y.A.B. kepada kita semua, jelas nampak saya nak sebut di sini segala yang

disebutkan oleh Y.A.B. kepada kita kepada Dewan yang mulia ini bahawasanya segala perbelanjaan-perbelanjaan segala peruntukan-peruntukan yang banyaknya ialah daripada Kerajaan Pusat saya juga nak perbetulkan kepada sahabat saya daripada Batu Uban tadi yang terus mempersendakan dan terus menyebut bahawasanya Kerajaan Persekutuan tidak menyalurkan ataupun membuat memberi peruntukan yang kurang dan sebagainya hakikatnya dan sebenarnya untuk Negeri Pulau Pinang ini sejauh pengetahuan saya pengetahuan saya peruntukan yang diperuntukkan kepada kita dalam Rancangan Malaysia yang Ke-9 ialah 7.6 bilion kalau hendak berbanding apa pun apa yang telah disebut oleh Y.A.B. Ketua Menteri baru-baru ini.

Y.B. Dato' Speaker, kalau kita menilai balik dengan bajet telah pun disebutkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri untuk tahun 2010 kalau kita lihat anggaran hasil cukai Negeri Pulau Pinang di bawah Pakatan Rakyat ialah sebanyak RM 116 973 100 sahaja iaitu ianya hanya meningkat RM3,162 500 berbanding dengan tahun 2009. Begitu juga jika dilihat pada pendapatan daripada hasil bayaran perkhidmatan iaitu hanya RM34,204,900 sahaja meningkat hanya RM 1, 214, 340 berbanding dengan tahun 2009. Oleh yang demikian jika dibandingkan pada tahun 2008 berlaku pengurangan sebanyak RM15,198, 45.07. Ini telah memperlihatkan Kerajaan Pakatan Rakyat tidak mempunyai perancangan ataupun aktiviti-aktiviti ekonomi yang memberangsangkan terutama daripada sektor hartanah kita semua faham sektor hartanah memainkan peranan yang sangat penting untuk memacu ekonomi Negeri Pulau Pinang. Walaupun kita tahu Pulau Pinang adalah berbeza dengan Negeri-Negeri lain walaupun berlaku kemelesetan ekonomi dunia dan ekonomi Negara kita tapi sektor hartanah di Negeri Pulau Pinang ini tetap mempunyai daya saing yang tinggi dan berdaya maju. Malangnya Kerajaan Pakatan Rakyat yang ada hari ini tidak memberi keutamaan yang sebenarnya kepada sektor ini dan hanya terus bergerak dan akhirnya dapat menyumbang kepada pendapatan yang tinggi kepada Negeri Pulau Pinang.

Sebagai contoh apabila projek perumahan dan komersial yang dijalankan keadaan cukai tanah akan meningkat kita semua sedia maklum dan pada masa yang sama juga cukai taksiran serta hasil bayaran perkhidmatan akan turut meningkat dan juga pada masa yang sama pada tanah-tanah yang terbiar pada tanah pertanian yang terbiar ditukar kepada perumahan dan sebagainya maka tentulah cukai tertentu dan cukai taksiran akan meningkat begitu juga dengan tanah-tanah yang lain yang boleh dimajukan seperti tanah PDC, PERDA, MAIPP, MPPP dan sebagainya dan sudah tentu memberikan cukai hasil yang tinggi sedangkan masa ini pada masa ini tanah-tanah milik agensi tersebut tidak memberi sebarang hasil kepada Kerajaan. Dari pengamatan didapati bahawa dengan pembangunan hartanah di Pulau Pinang ini dalam pada masa pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat ini jauh ketinggalan kalau nak berbanding kalau nak kita bandingkan dengan Negeri Kedah, Perak, mahupun Negeri Perlis. Inilah padahnya sekiranya kita memberi mandat tugas dan tanggungjawab ini kepada sebuah Kerajaan yang tidak *competent* tidak telus tidak bertanggungjawab untuk dipilih. Kerajaan sekarang asyik beretorik dengan gagasan *International* CAT dan sebagainya yang nampak gah tetapi kosong kesannya hasil pembangunan di Negeri Pulau Pinang ini tidak meningkat dan memperlihatkan tindakan yang tidak berkesan yang diambil. Kita dapat lihat dengan jelas selama pemerintahan Pakatan Rakyat, Pakatan DAP, dan Pakatan Rakyat ini selama mereka memerintah tidak nampak apa pun yang dibangunkan.

Y.B. Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat , Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, hasil yang tinggi bagi perkhidmatan bagi bayaran perkhidmatan dalam tahun 2008 juga iaitu sebanyak RM48.4 juta adalah hasil daripada usaha Barisan Nasional yang terdahulu setelah diambil oleh DAP Pakatan Rakyat saya sebut DAP, Pakatan Rakyat oleh kerana PAS belum ada apa-apa peranan lagi sampai ke saat ini hasilnya menjunam teruk sekali dan pada tahun 2010 berlaku pengurangan berlaku pengurangan sebanyak RM15.2 juta berbanding dengan tahun 2008. Hasil daripada jualan barang juga tidak menampakkan peningkatan yang membanggakan iaitu dijangka meningkat hanya kepada RM6,787,400 sahaja berbanding dengan tahun 2009 jika dibandingkan dengan tahun 2008 anggaran tahun 2010 jauh lebih rendah hasil pengurangan sebanyak RM32,395,988.18. Pengurangan yang ketara ialah hasil daripada premium tukar syarat tanah iaitu sebanyak RM25.6 juta berbanding tahun 2008 dan premium pemberian hak milik tanah bayaran khas iaitu pengurangan sebanyak RM9.3 juta berbanding dengan tahun 2008. Itu dia bersangkutan paut dengan hasil cukai dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker, saya juga dalam Dewan yang mulia ingin membangkitkan kepada soalan-soalan bertulis yang telah saya kemukakan sebanyak 27 soalan bertulis telah saya kemukakan dan beberapa soalan bertulis yang telah dijawab kepada saya dan kurang memuaskan hati saya. Terutama sekali apabila soalan saya dikemukakan kepada Ahli daripada Exco Pertanian ini, mana, pertanian tebatan banjir dan bersangkutan paut dengan status kerja-kerja tebatan banjir di kawasan saya dalam KADUN Pinang Tunggal jadi jawapan yang diberikan kurang memuaskan bagi saya walau macam mana pun tidak mengapa dan pentingnya penglibatan saya sendiri dengan Ketua-ketua Jabatan dengan jabatan yang bersangkutan paut kita dapat teruskan kerja ini dengan baik dan sempurna akan tetapi di dalam Dewan yang mulia ini saya ingin menyebut walaupun usaha-usaha telah pun kita buat bersama Y.B. Menteri yang telah terdahulu dalam Kerajaan Barisan Nasional dan juga Ketua-ketua Jabatan yang memberi kerjasama yang sepenuhnya dalam kerja buat kita dalam tebatan banjir ini empat tahun dulu telah pun kita tunaikan tugas dan tanggungjawab kita di peringkat pelaksanaan hari ini ada ganggu gugat kacau oleh JKKN, JKKN yang mewakili Kerajaan Pakatan Rakyat hari ini yang nak tunjuk pandai kononnya kita sedia maklum 4 tahun dulu kita telah tunaikan tanggungjawab kita, kelulusan telah pun kita peroleh dan nak laksanakan kita buat pampasan tanah, pampasan perumahan pampasan sewaan, pampasan penempatan dan semuanya telah pun dilunaskan tetapi JKKN ini ambil tanggungjawab untuk menyekat dan sebagainya. Mengganggu kerja buat jadi ini telah pun sedikit sebanyak mengganggu kerja buat di dalam pelaksanaan tambatan banjir di kawasan saya. Saya harap Kerajaan Negeri Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab atas JKKN di kawasan saya ini, supaya bertanggungjawab supaya ambil tahu memberi teguran dan sebagainya kepada mereka. Dalam masa yang sama juga soalan bertulis saya bersangkutan paut dengan misi lawatan perdagangan dan pelaburan Kerajaan Negeri dan saya dapati jawapan yang diberikan kepada saya yang ada hubung kait dengan seorang Ahli Exco, walaupun disebut oleh kawan saya daripada Pulau Betong walaupun disebut sekali lagi bahawasanya nampak sangat di sini pembaziran kemungkinan berlaku saya pun selidik juga Batu Maung. Daripada 14 misi perdagangan dari bulan 1 sampai bulan 9, 10 misi yang dihadiri oleh Y.B. Batu Maung, saya cuba tanya khabar juga adalah dua, tiga lawatan yang dibuat oleh Y.B. Batu Maung kebaikan yang lainnya saya bertanya khabar dia orang kata seolah-olah jalan makan angin sahaja ini kena faham lah.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta laluan, minta laluan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Silakan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Saya nak tanya Y.B. dari Pinang Tunggal adakah Pinang Tunggal tahu portfolio Batu Maung, terima kasih.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Terima kasih, Y.B. Dato' Speaker jadi kita suruh Exco jawablah, saya tak mahu jawab, saya nak teruskan dengan perbahasan saya, jadi(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta laluan, minta laluan

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Jadi sama ada mengetuai apa pun Exco apa pun saya tak peduli ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Peraturan-peraturan Y.B. Dato' Speaker, terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya minta Y.B. Dato' Speaker memberi teguran kepada Y.B. Pinang Tunggal kerana beliau membuat tuduhan seolah-olah Y.B. Batu Maung ini pergi makan angin. Itu adalah satu tuduhan dan tohmahan yang tidak dibiarkan begitu, seolah-olah Y.B. Batu Maung ini membazirkan wang Kerajaan pergi makan angin, saya minta sama ada dia diberi teguran dan dia diminta tarik balik. Kenyataan yang dikeluarkan itu. Tak boleh buat tuduhan begitu, di bawah peraturan 46 (13) seseorang Ahli itu mestilah jangan menuduh seorang Ahli yang lain dengan niat yang tidak baik, seolah-olah Y.B. Batu Maung pergi makan angin, itu tidak benar.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Pinang Tunggal minta penjelasan atau apa tadi... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya minta beliau tarik balik kenyataan yang dibuat itu.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya buat keputusan ini, itu bukan lagi tohmahan lagi, itu belum tohmahan lagi .

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Tapi Y.B. Dato' Speaker kenyataan yang di keluar itu mengatakan bahawa Y.B. Batu Maung telah pergi untuk makan angin, itu yang telah dinyatakan, saya telah dengar, tadi nyatakan, baru nyatakan, makan angin.

Y.B. Dato' Speaker:

Sila ulang lagi sekali.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker saya tak tuduh pun, saya sebut yang orang sebut kat saya, dan saya hanya menyampaikan dan saya tak tuduh pun jadi biasalah ini kerja Seri Delima ini daripada dulu berhadapan dengan saya kedudukan keadaan yang kita pun *test* dia tengok, tapi saya pun setuju dengan Ketua Pembangkang sebutkan, ini Ahli Seri Delima ini cuma pak lawak saja lah

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan, teruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Peraturan-peraturan ...(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Jangan layanlah ...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan, teruskan....(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Di kalangan Yang Berhormat.... (gangguan), kita anggap Seri Delima ni pak lawak sajalah(gangguan) dia tak layak, dia tak layak nak bersuara(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Dia menghina Dewan!, perkataan ini adalah kurang ajar!, kurang ajar!.

Y.B. Dato' Speaker :

Ahli Yang Berhormat sila duduk ...(gangguan),

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

...(gangguan),.. kurang ajar!, kurang ajar!

Y.B. Dato' Speaker:

Sila duduk ...(gangguan),, sila duduk semua ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Kurang ajar!

Y.B. Dato' Speaker:

Saya banyak tolak ansur tadi pun ada Y.B. Batu Uban sebut perompak, ada jadi kita kena pak lawak dari semalam lagi lah, jadi kadang-kadang bila satu pihak cakap sesuatu kena *give and take* terima, kalau dah sedia bercakap begitu tak boleh ambil sikit-sikit kalau saya kita boleh tengok hansard balik perkataan-perkataan yang dikeluarkan Ahli-ahli Yang Berhormat-Yang Berhormat kadang-kadang *very bad in language* ...(dengan izin), memalukan saya nak sebutkan di sini. Dan ini dipaparkan terus secara langsung jadi kalau kita nak mula dengan itu kita boleh teruskan tetapi imej Yang Berhormat dan untuk saya menegur banyak kali pun saya rasa cukup memalukan imej Yang Berhormat sendiri, teruskan dengan isu yang nak disebutkan,dan tidak terus menghalang Dewan ini, teruskan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Padan muka.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Saya cuma minta pandangan Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Seri Delima sebut kurang ajar.

Y.B Dato' Speaker:

Cukup, saya sedar.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Tak perlu minta maaf.

Y.B Dato' Speaker:

Teruskan, saya dah maafkan semua itu tadi.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Dia tak minta maaf, Y.B. Dato' Speaker terus maaf...(gangguan).

Y.B Dato' Speaker:

Kalau tidak saya akan gunakan peraturan 51 (1) banyak yang akan kena keluar. Saya tidak akan teragak-agak berbuat demikian.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, padan muka Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Kurang ajar! Betul-betul kurang ajar!(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Tarik balik

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Kurang ajar! ...(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Saya tak kata kurang ajar pun ...(gangguan).

Y.B Dato' Speaker:

Tarik balik perkataan tu...(gangguan), tarik balik perkataan padan muka tu, ... (gangguan), tarik balik.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Ini betul-betul kurang ajar! ...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Okey, Y.B. Dato' Speaker, berbalik pada perbahasan saya ini bersangkut paut dengan Batu Maung ini, dari antara bulan satu bulan Januari sampai bulan September di kalangan sebanyak 14 delegasi 10 sebulan ada dua kali dan sebagainya, saya tak peduli lah bidang tugas apa tapi hakikatnya yang sebenarnya, ada di kalangan Pakatan Rakyat sendiri suruh sebut, bukan saya saja-saja nak sebut pun, dalam Pakatan Rakyat tolong sebut sat kami pun cakap banyak kali dah tak mahu dengar sebab depa kata apa tahu?, bila nak minta permohonan cuti ...(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta laluan, minta laluan. Pinang Tunggal, Y.B. Dato' Speaker kita tahu bahawa Y.B. Batu Maung adalah Exco Perdagangan, Perdagangan ini memang kena keluar dapatkan bisnes dan pergi tembus *market-market* yang baru kena, Y.B. Pinang Tunggal cuba memutarbelitkan, *round-round* tentang trip, misi ke luar Negeri memang kena cari bisnes ini hakikat kerja dan *jobscope* Y.B. Batu Maung. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Okaylah, kalau kata perdagangan, 9 bulan perdagangan apa yang bawa masuk mai? Setakat Halal Hub kita tahu ada orang lain yang buat kerja tapi saya tak peduli yang itu, cuma teguran tapi yang penting bagi saya dalam Dewan ini, adalah kepentingan orang Melayu yang mewakili kita di dalam Dewan ini hanyalah Penanti dan Batu Maung, Ketua Menteri dia setuju sahaja, dia setuju saja, kalau nak pergi bercuti di kalangan yang berdua ini, Batu Maung dengan Penanti dia apa nak peduli, dia seronok saja, kalau di kalangan kepimpinan yang mewakili orang Melayu ini, saya rasalah, saya tak mahu buat tuduhan nanti dia ambil tindakan pula dan sebagainya, tapi hakikat yang sebenarnya kena faham lah. Jadi mandat dan tugas tanggungjawab diperuntukan mewakili orang Melayu di Pulau Pinang ini adalah kepada Penanti dan Batu Maung jadi harap kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini boleh faham tugas dan tanggungjawab.

Y. B. Dato' Speaker saya juga nak sebut tentang soalan bertulis yang dijawab, beberapa soalan yang telah pun saya kemukakan tersebut yang satunya tak tahu siapa yang menjawab biasanya soalan-soalan kalau Ketua Menteri jawab dia tulis di sana Y.A.B. Ketua Menteri menjawab, ataupun Yang Berhormat sekian-sekian nama menjawab bagi pihak Y.A.B. Ketua Menteri dan satu ini saya tanya pasal pelaburan yang Kerajaan Negeri peroleh sepanjang tahun ini, beberapa banyakkah yang diperoleh adakah pelaburan ini merosot berbanding dengan tahun lalu. Maka jawapan yang tak begitu sempurna bagi saya, saya rasa, tak ada siapa pun yang menjawab, cuma dia tolong menjawab bagi pihak Y.A.B. Ketua Menteri, siapa tak tahu, hantu raya mana jawab, Wallahualam.

Y.B. Dato' Speaker dalam masa yang sama juga, saya ingin menyentuh tentang perkara yang telah pun disentuh banyak oleh Y.B. yang lain, iaitu tentang demonstrasi pemuda BN, anak muda BN, dua hari lepas di luar perkarangan Dewan ini macam-macam tuduhan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Pakatan Rakyat kepada Pihak Pembangkang tapi saya nak tanya juga satu soalan Pihak Pakatan Rakyat kenal tak ataupun ingat lagi siapa dia Tian Chua, siapa dia Gobalakrishnan, yang Chua ini yang merempuh pagar Polis dan sebagainya. Apa semua ini bukan dia demonstrasi, ini tak tahu lah, saya tak tahu lah, apa dia nama yang ini, sampai hari ini masih dalam perbincangan, begitu juga dengan Gobalakrishnan tampar Polis di Permatang Pasir depan saya, saya nampak gigi Polis terpelanting, depan saya ini kelakuan apa ini, jadi nak tanya juga Kerajaan Pakatan Rakyat yang hanya nampak kepada pembangkang yang ada hari ini yang buat kerja yang macam itu, disalah sampai yang tak mahu.

Oleh yang demikian bahawasanya setiap yang mengambil alih pemerintahan Barisan Nasional ini Kerajaan DAP, Pakatan Rakyat ini yang langsung tidak mempunyai perancangan dalam pembangunan ekonomi Negeri Pulau Pinang ini. Adakah Kerajaan DAP dan Pakatan Rakyat ini yang merupakan sebuah Kerajaan *competent* dan bertanggungjawab terhadap rakyat dan telus jawapannya berdasarkan kepada angka-angka yang dibangkitkan tidak sama sekali secara keseluruhan hasil yang diperoleh oleh Kerajaan Negeri tahun 2010 seperti yang saya sebutkan tadi adalah jauh lebih rendah daripada tahun 2008, inilah hasilnya apabila Kerajaan Negeri sekarang ini tidak fokus terhadap penjanaan aktiviti ekonomi sebaliknya telah menumpukan hanya mencari kesalahan orang lain, tidak telus, tidak beretorik, tidak telus dan terus beretorik dan berpolitik tanpa memikirkan untung nasib rakyat di Negeri Pulau Pinang ini mereka hanya membuat tuduhan, buat kompelin, putar belit dan sebagainya jelas nampak

bukan setakat Ahli-ahli Yang Berhormat di kalangan Exco malah Ahli Yang Berhormat

yang lain juga sokong Kerajaan Pakatan Rakyat ini buat tuduhan, buat kompelin, putar belit dan sebagainya. Jadi saya nak sarankan kepada apa yang dilaung-laungkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat iaitu cekap, akauntibiliti dan *telus (CAT)* ini saya nak sarankan supaya ditukarkan kepada *Complaining, Accusing* dan *Twisting* CAT juga iaitu komplek, tuduh-menuduh, putar belit dan sebagainya. Jadi sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan, Y.B. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih, Y.B. Dato' Speaker untuk membenarkan saya membahas berkenaan Bajet 2010 yang telah diutarakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada hari Isnin. Ingin saya memulakan dengan menyatakan ataupun memetik daripada rakan saya daripada Pinang Tunggal tadi bahawa dia menyatakan melihat pada Bajet tersebut tidak dapat melihat apa-apa yang memberangsangkan ataupun prestasi Kerajaan Negeri di dalam tempoh dua tahun yang lalu, tidak dapat kita lihat apa-apa yang memberangsangkan. Ingin saya menyatakan pada rakan saya tersebut bahawa kalau kita semak *facts* dan *figure*(dengan izin). Y.B. Dato' Speaker didapati sebenarnya pada peringkat 10 tahun yang lalu, kadar pendapatan rumah tangga *Penang Household Income* telah meningkat secara terkecil kalau dibandingkan dengan Negeri-Negeri lain di Malaysia. Itu menunjukkan prestasi atau betapa memberangsangkan Kerajaan Negeri Barisan Nasional yang lalu walaupun kita merupakan salah satu Negeri *Top four* di dalam Malaysia dari segi output ekonomi tetapi *the average Penang Household income in the last 10 years*(dengan izin), *increased the least in Malaysia* dan juga adakah rakan saya tahu di antara tahun-tahun 1991 sehingga 2004 jumlah peningkatan itu cuma 2.5% berbanding dengan purata 6.6% di Negeri-Negeri lain di Malaysia. Ini mesti dipertimbangkan dan ini mesti dibandingkan dengan apa yang telah berlaku di dalam tempoh dua tahun yang lalu di Negeri Pulau Pinang.

Saya nyatakan dan saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil inisiatif, langkah-langkah yang perlu untuk meningkatkan kebaikan ekonomi kepada rakyat Pulau Pinang di mana kita boleh lihat di dalam tempoh bukan dua tahun daripada menerajui Kerajaan kita boleh lihat pengiktirafan pengendalian kewangan Negeri oleh *Transparency International*(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil inisiatif-inisiatif penambahbaikan dalam ketulusan pentadbirannya sehingga pengiktirafan telah pun dilakukan oleh *Transparency International* tersebut di mana berkenaan ini Y.B. Dato' Speaker saya ingin merujuk kepada jawapan kepada soalan saya di mana telah dinyatakan dalam laporan korupsi *Global 2008* yang dikeluarkan baru-baru ini TI atau *Transparency International* telah memberi kepujian kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah memperkenalkan beberapa langkah untuk meningkatkan tahap persekitaran pengawalan urus tadbir Kerajaan berteraskan CAT dan malahan Y.B. Dato' Speaker Pulau Pinang merupakan Negeri pertama mendapat pujian daripada TI dalam sejarah dan *of course* ada banyak faktor-faktor yang telah diambil kira termasuk penjimatan perbelanjaan pentadbiran bagi 2008 sebanyak 11% ataupun sejumlah RM35 juta kedudukan aset yang meningkat sebanyak 178 juta ataupun 21.1% iaitu daripada sejumlah 847 juta menjadi 1 bilion 25 juta. Ini merupakan prestasi, ini merupakan apa

yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Pakatan Rakyat di dalam tempoh kurang dua tahun itu.

Adakah rakan saya daripada Pinang Tunggal tidak tahu tentang faktor-faktor ini yang begitu seharusnya diberi pujian yang tertinggi kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri kita. Kalau dalam kurang daripada tempoh dua tahun ini boleh berlaku saya tidak boleh tahan melihat apa-apa kebaikan lain yang boleh berlaku di dalam masa hadapan di bawah pimpinan Pakatan Rakyat *I can't wait to see if in two years*(dengan izin), Y.B. kita boleh berjaya daripada membebaskan diri kita daripada selalu dituduh rasuah-rasuah dan sebagainya dan dapat pengiktirafan daripada TI Negeri Pulau Pinang dan jumlah-jumlah yang saya sebut bagaimana kita telah berjaya mencapainya dalam tempoh kurang daripada dua tahun. Saya percaya di bawah pimpinan CAT di bawah Pakatan Rakyat memang banyak kebaikan yang akan berlaku di dalam masa hadapan.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin juga memuji Kerajaan Negeri di dalam bajetnya di dalam memperuntukan sejumlah 121 juta untuk menjadikan Pondok Upeh di kawasan Balik Pulau satu Hub pendidikan cemerlang. Ini adalah amat penting kerana ini akan meningkatkan di dalam masa hadapan *human capital*(dengan izin), kerana pendidikan adalah begitu penting dan kita tahu baru-baru ini bahawa pendidikan yang diberikan oleh Pihak Kerajaan Barisan Nasional itu semua adalah satu *Brain Washing* punya pendidikan di mana kita boleh lihat daripada Biro Tatanegara (BTN) apa yang mereka melakukan. Jauh daripada apa yang dilaungkan satu Malaysia itu mereka mempraktikkan satu *practice of inventiveness* di dalam BTN kursus tersebut. Ini diakui sendiri oleh Dato' Nazri dan di mana sekarang mereka terpaksa mengubah ataupun menambah baik itu perkataan yang dikatakan oleh beliau semalam kursus tersebut.

Tetapi, Y.B. Dato' Speaker, di segi ini memandangkan kita telah mencadangkan dan memperuntukan agar satu Hub pendidikan cemerlang ditubuhkan di kawasan tersebut iaitu Pondok Upeh di Balik Pulau. Saya cadangkan memandangkan masalah yang sedang dihadapi oleh kursus BTN tersebut kita sendiri di Pulau Pinang mengikut langkah Selangor Negeri Pakatan Rakyat Selangor yang mengarahkan supaya anggota-anggota kita tidak menghadiri kursus BTN tersebut dan kita sendiri mewujudkan satu kursus kita sendiri yang akan dengan sebenarnya memaparkan konsep *Malaysian Malaysia* yang telah pun dicuri oleh Datuk Seri Najib dan seandainya beliau menyatakan itu satu Malaysia tapi memang tidak boleh *it cant work* kita boleh melihat daripada kursus BTN ini sendiri.

Saya cadangkan supaya Kerajaan Negeri dengan serta merta memberhentikan atau membuat arahan supaya diberhentikan menghadirkan kursus ini oleh mana-mana anggota Negeri Pulau Pinang dan kita mewujudkan kursus kita tersendiri di Pulau Pinang.

Saya teruskan Y.B. Dato' Speaker, dengan beberapa isu yang lain, *of course* telah pun dinyatakan di dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri kita berkenaan isu pengiktirafan oleh UNESCO akan kawasan Melaka dan George Town sebagai *World Heritage Site* dan kekhuatiran beliau sama ada kita boleh *maintain it as a site*(dengan izin), memandangkan keengganan Kerajaan Persekutuan untuk menyalurkan wang yang telah pun dipersetujui untuk diberikan iaitu 25 juta kepada Pulau Pinang bagi tujuan tersebut. Di dalam ucapan rakan saya daripada Telok Bahang semalam beliau juga telah menyatakan begitu hampa melihat kawasan dalaman *inner city* George Town seperti begitu *delapidated* bangunan-bangunan tidak di *maintain* dan sebagainya itu apa yang telah dinyatakan oleh rakan saya semalam.

Now, sekiranya rakan saya sememangnya mempunyai ini sebagai satu kebimbangan ataupun kekhuatiran di pihak beliau. Saya menyarankan beliau memandangkan beliau di dalam parti Barisan Nasional supaya mengambil langkah-langkah untuk mendapatkan Kerajaan Persekutuan menyalurkan wang 25 juta itu kepada Pulau Pinang supaya masalah-masalah yang beliau akui sendiri itu dapat kita diatasi dan ini amat penting. Selain daripada beliau kita juga tahu ada satu Menteri dari Pulau Pinang tak tau daripada pintu belakang dia masuk pi Parlimen, saya panggil dia Menteri mandul la *is the impotent Minister* tak boleh buat apa-apa pun, kalau betul-betul dia.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Dato' Speaker, saya ingat orang tak ada dalam Dewan tak payah kita kata la dan juga perkataan itu tak sesuai..(ada gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Menteri Mandul ni apa.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Nak tau siapa tu?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Kita tau la menteri ada seorang saja di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Itu pandangan saya, semalam Ketua Pembangkang juga telah memberi satu *lecture* panjang dan hebat berkenaan kita mesti saling menghormati pandangan setiap orang so pandangan saya dia Menteri Mandul itu pandangan saya so Menteri ini untuk menunjukkan beliau tidak mandul seharusnya mengambil langkah

Y.B. Dato' Speaker:

Saya minta tarik balik mandul itu perkataan tidak baik.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya tarik balik, menteri yang tidak berprestasi langsung dan tidak boleh berbuat apa-apa yang masuk ke Parlimen sebelah belakang kalau betul-betul dia hendak menunjukkan dia seorang anak Pulau Pinang dia perlu mengambil langkah-langkah memastikan supaya wang 25 juta ini dapat disalurkan ke Pulau Pinang. Saya sarankan kepada beliau, saya cabar beliau buat sedemikian untuk menunjukkan beliau sememangnya seorang anak Pulau Pinang. Kalau beliau tidak boleh buat sedemikian maka saya mencabar beliau letak jawatan sebagai Menteri itu saja *this is the least he can do* kerana sekiranya ada apa-apa masalah berkenaan *World Heritage listing* ini di George Town beliau juga mesti faham bahawa *World Heritage listing* bagi Melaka pun

akan terjejas kerana apabila ia dikemukakan untuk pertimbangan ia dikemukakan bukan George Town tersendiri tetapi sebagai dua tempat George Town dan Melaka baru dapat dipertimbangkan dan diluluskan.

So mereka mesti berhati-hati bahawa saya ingin menyatakan Y.B. Dato' Speaker mereka ini selalu memakai taktik buli mereka buli besar saya panggil Kerajaan Persekutuan itu buli besar. Taktik-taktik ini tidak boleh bekerja sekarang ia tak efektif lagi kerana ia mesti difahami Y.B. Dato' Speaker bahawa sekiranya kejayaan ekonomi Negeri Pulau Pinang dimudaratkan kejayaan ekonomi Negara Malaysia juga akan ketinggalan di belakang. Mereka tidak boleh praktikkan sistem membuli ini dengan tidak memberi geran seperti yang 25 juta itu dan sebagainya kerana kalau kita boleh berjaya Malaysia juga akan berjaya ini mesti diingati oleh mereka. Selain daripada peruntukan 25 juta ini saya juga ingin menyatakan bahawa juga ada satu peruntukan sebanyak 353 juta yang telah dipersetujui atau dijanjikan di bawah RMK-9 dan ini adalah untuk Penang Port Sdn. Bhd. bagi menjalankan kerja-kerja pendalaman *North Channel* Pulau Pinang(dengan izin). Ini adalah begitu penting kerana kita boleh lihat PPSB telah pun membelanjakan yang saya percaya dalam lingkungan RM1.1 billion. Y.B. Dato' Speaker, di dalam kerja-kerja *expansion container terminal* di Butterworth, *Swettenham Pier* yang kita boleh lihat sudah siap dan juga yang dicadangkan Tanjong City Marina, begitu banyak wang yang telah disalurkan atau dibelanjakan oleh PPSB untuk kerja-kerja *expansion* ini. Sekiranya kita telah membelanjakan begitu banyak wang untuk projek-projek ini dan sekiranya *North Channel* ini tidak didalamkan, ianya adalah sia-sia sahaja. Itu *point* yang saya ingin nyatakan dan saya juga ingin menyarankan kepada rakan Pembangkang saya di sini yang merupakan Ahli Barisan Nasional yang juga anak Pulau Pinang dan Menteri yang saya sebutkan tadi supaya mengambil langkah-langkah memujuk Kerajaan Persekutuan supaya dapat disalurkan wang RM253 juta tersebut kepada PPSB untuk kerja-kerja pendalaman *North Channel* dengan secepat mungkin. Ini akan menjayakan Pulau Pinang sebagai *Northen Economic Corridor* Pulau Pinang. Kita akan mendapat lalu lintas yang banyak, *this will make a very big difference to Penang infact we can compete with Kelang, not only with Kelang but also Singapore. So it is imperative,(dengan izin)*, agar wang peruntukan tersebut dapat disalurkan ke Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, saya juga ingin menyatakan berkenaan dengan isu pelancongan, saya lihat di dalam Bajet Pelancongan, peruntukan yang telah diberikan adalah RM3 juta untuk tujuan promosi. Saya ingin menyatakan di seluruh dunia Malaysia terkenal tetapi kalau kita lihat di seluruh dunia yang terkenal ialah saya ingat di Pulau Pinang kerana ianya mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Sejarahnya yang tersendiri ini yang telah menjayakan kita dari segi pelancongan di *level* antarabangsa. Namun, sekarang di bidang pelancongan ada banyak Negeri atau Negara-negara lain yang begitu *competitive*, yang begitu inginkan pelancong datang ke Negeri dan Negara mereka masing-masing. Saya ingin menyatakan, apa yang saya dapat tahu ialah satu kelemahan yang saya lihat di Negeri Pulau Pinang yang kita harus cuba atasi ialah dari segi memperjenamakan nama Negeri Pulau Pinang. Kita mesti mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif....(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker, *Penang has its history but it is a moving, it is a constant, it does not stop the beauty of Penang, it is a constant, so kita perlu rebrand Pulau Pinang, itu yang saya nyatakan. Dan saya nyatakan pada masa sekarang ada banyak syarikat-syarikat yang membuat kerja branding. It has become a very important thing, branding is something that we must not lose sight of, it is new, its something important in this era.*

Saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri selain daripada mempromosi, yang saya lihat adalah satu perkataan am sahaja, promosi RM3 juta, saya harap

mungkin selain daripada peruntukan tersebut, satu peruntukan yang spesifik untuk memperjenamakan semula Negeri Pulau Pinang, *that is rebranding of Penang, be*

allocated,(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker. Saya percaya ini adalah amat penting kalau kita lihat di mana-mana world trade fairs, tourism, kita boleh lihat betapa sejumlah besar wang telah dibelanjakan oleh mereka untuk mempromosi dan memperjenamakan nama Negara tersebut. Saya lihat bahawa ini tidak berlaku di Negeri Pulau Pinang dan berharap supaya dapat kita memperuntukan sejumlah wang untuk tujuan tersebut.

Selain daripada itu, Y.B. Dato' Speaker, saya ingin menyatakan salah satu masalah penting bagi rakyat Pulau Pinang. Saya tidak mahu menyalahkan Kerajaan dahulu atau menyalahkan Kerajaan sekarang tetapi ini adalah satu masalah yang telah kita alami begitu lama sehingga sekarang iaitu masalah kesesakan pengangkutan, *congestion* di Negeri Pulau Pinang. Saya lihat dalam bajet, sekarang ada satu Majlis Pengangkutan Negeri ataupun *Penang Transport Council* yang telah ditubuhkan bagi menangani masalah ini dan saya berharap dengan secepat mungkin, pelan-pelan yang tertentu yang akan diambil oleh Negeri Pulau Pinang atau Majlis ini dapat diumumkan. Walaupun ia tidak dapat dilaksanakan kerana saya percaya ini akan mengambil tempoh masa yang lama, tetapi *at least* dengan pengumuman ini, rakyat Pulau Pinang akan reda sedikit. Sekarang ia seperti *its neither here nor there, everyday* kita lihat ada *congestion*, tetapi kita tidak tahu apa pelan, apa yang dibuat sekarang. Dengan penubuhan Majlis Pengangkutan Negeri ini, saya berharap dapat diumumkan secepat mungkin apa yang telah dipelan oleh mereka.

Y.B. Dato' Speaker, saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Negeri Pulau Pinang kerana memastikan bahawa ia masih sebuah Kerajaan yang masih *people centric* yang selalu *looking out for the low income group(dengan izin),. Dari segi ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana memastikan PERDA tidak melupai tanggungjawabnya kepada rakyat yang low income group di mana kita lihat bagaimana PERDA boleh menjalankan aktivitinya, seperti projek di Telok Bahang adalah satu projek mewah dengan hotel, banglo, town house dan club house. Tanpa intervention dari Kerajaan Negeri mereka tidak akan setuju untuk membina 100 unit low cost houses dan saya harap ini dapat diambil kira tanpa kita terpaksa remind mereka. Saya harap PERDA dapat ...(gangguan),.*

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta penjelasan. Yang Berhormat, siapakah di kalangan Y.B. Parti Pembangkang yang secara terus bertanggungjawab kepada PERDA yang terlibat dengan pentadbiran PERDA. Saya pun kurang faham, adakah beliau berada dalam Dewan ini?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Kita tahu siapa dia tetapi mana dia? Di mana dia? Memang kita tahu itu Y.B. Penaga yang mempengerusikan PERDA. Saya harap dia boleh datang kerana sekarang saya hendak sentuh tentang isu PERDA. Boleh panggil Y.B. Penaga?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta penjelasan. Mungkinkah kerana dia tahu Yang Berhormat hendak berucap dan dia terus senyap-senyap keluar Dewan?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Itu saya tidak tahu, tidak pasti. Tetapi saya tidak akan melengahkan masa. Saya lihat dalam satu *paper cutting* daripada *The Star*, 25 November di mana dinyatakan Y.B. Azhar telah menyatakan bahawa *the state is choking PERDA to death*. Beliau merungut bahawa, saya *quote*, ... (dengan izin),, *PERDA was running at a loss due to unreasonable demands imposed by the state*. Ini apa yang dinyatakan oleh beliau. Tetapi saya ingin menyatakan bahawa ini adalah tidak betul. PERDA sekiranya betul-betul *running at a loss*, adalah kerana ia tidak dapat *manage* kewangannya dengan baik ataupun dengan rapi, *if there is efficient management of funds by PERDA*. Saya mendapat satu Laporan Tahunan PERDA Tahun 2008 daripada Dewan Rakyat, rakan saya, Y.B. Parlimen Jelutong yang terkini di mana saya telah melihat ada beberapa isu yang perlu dijawab di mana kita diberitahu oleh Pengerusi PERDA bahawa mereka *is running at a loss* tetapi kalau kita lihat akaun PERDA untuk 2008 berbanding dengan tahun 2007, saya ingin menyatakan berkenaan dengan pengubahsuaian bangunan pejabat pada tahun 2007 tidak ada rekod, 2008, RM408,957.00. Soalannya penambahan aset ini untuk tujuan apa? Motor kenderaan 2007 tiada rekod, 2008, RM936,017.00, sekali lagi penambahan aset untuk tujuan apa? Rakan saya Y.B. Penaga baru masuk, saya sedang sentuh isu PERDA, untuk makluman Yang Berhormat. Peralatan pejabat, tiada rekod untuk 2007, 2008, RM733,592,00, kenderaan dan jentera, tiada rekod 2007 dan 2008 RM150,603.00, sekali lagi kedua-dua ini ada penambahan aset untuk tujuan apa?

Y.B. Dato' Speaker, yang penting sekali ialah pemiutang pelbagai 2007 RM3,9086,000.00 ada satu peningkatan 216% pada tahun 2008 ke RM9,570,606,000.00. Ada satu lagi yang penting iaitu pengurusan iaitu pemiutang pelbagai pembangunan, penghutang pelbagai pengurusan, 2007 - RM6,000.00, 2008 - RM4,368,700.000.00 satu penambahan 72,000%. Satu lagi pengurusan, itu hutang pelbagai pembangunan, penghutang pelbagai pengurusan, 2007 - RM6,000.00, 2008 - RM4,368.700.00, satu penambahan RM72,000.00 dan juga satu lagi penghutang pelbagai 165% peningkatan daripada RM3.6 juta kepada RM9.6 juta, akhir sekali daripada apa yang saya dapati daripada laporan tahunan PERDA, yang saya perolehi daripada Dewan Rakyat. Emolumen di bawah pengurusan tahun 2007, RM4.766 juta, 2008 - RM7.703 juta. Ini adalah angka yang saya perolehi.

Saya nyatakan daripada angka-angka ini saya memang bukan *state choking PERDA to death*, tetapi mereka *choking their ownselves so*

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan, boleh?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Ya, silakan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya rasa, perkara yang dibangkitkan oleh Y.B. Datok Keramat itu tadi, orang yang tidak ada modal untuk bercakap dalam Dewan, tidak ada modal. Daripada dahulu

lagi, kita telah mengetahui, kalau soalan itu ditujukan kepada saya, saya tidak akan boleh menjawab di dalam Dewan ini, sebab ianya adalah *Federal Agency* yang harus dijawab di dalam Parlimen dan bangkitkan dalam Parlimen.

Oleh kerana Datok Keramat ini, dia tidak ada modal untuk bercakap mengenai dengan sangkut paut dengan Negeri Pulau Pinang, benda yang sepatutnya dibicarakan, dibincangkan dalam peringkat *Federal* di Parlimen yang dijawab oleh Menteri berkenaan, bukan saya, dia bangkit perkara ini untuk apa?, saja seronok bercakap sahaja, tapi kalau tidak diganggu biar dia bercakap sampai habislah, dan ada pula kawan tepuk, samalah juga.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Okay, sudah ya.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kalau hendak bercakap, sikit lagi boleh.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Boleh.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ya, duduk. Kalau hendak bercakap pasal *choking Penang State, choking PERDA to death*, sekejap lagi saya memang hendak berucap. Saya sejak pagi tadi menunggu Y.A.B. mengatakan beliau ingin berserta bila saya hendak berucap, sebab itu saya tidak berucap, saya sedang menunggu, saya tahu beliau ada urusan lain, mungkin kejap lagi dia datang, petang ataupun malam, saya akan tunggu dan memang benda itu saya hendak bangkit. Bukan cerita pasal benda yang tidak layak dibincangkan dalam Dewan dibangkitkan.

Ahli Kawasan Pantai Jerjak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta Laluan.

Y.B. Dato' Speaker:

Ya.

Ahli Kawasan Pantai Jerjak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Saya tertarik hati dengan *choking* ini, kerana saya ada pengalaman kerana pegawai-pegawai daripada agensi-agensi Kerajaan, memaklumkan kepada kami, bahawa PERDA, pada tahun lepas, bukan tahun lepas, pada tahun ini 2009, Medan Fair, semalam ada saya bangkitkan, tetapi Y.B. Penaga diam sahaja macam akur sahaja.

Semalam apa yang saya bangkitkan adalah, Medan Fair kami bawa SME ke Indonesia cuba tembus *market* di sana, tetapi apabila kita bawa dan kita cuba SME bersama-sama PERDA, pergi ke sana, ada hal daripada siapa, semua SME yang mengikut ditaja oleh PERDA tidak boleh *attend*(dengan izin), ke Majlis Pembukaan.

Jadi menyebabkan pada waktu itu ada T.Y.T, ada Y.A.B. Ketua Menteri dan ada

Gebenor Sumatera Utara dan juga ada ramai lagi peniaga-peniaga yang dibawa daripada Indonesia, menyebabkan masa itu kehilangan *business matching affirmative*. Jadi ini adalah, saya rasa satu taktik *choking* kepada Kerajaan Negeri kerana *business* hilang. Jadi saya minta pandangan daripada Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Nanti *you* jawab, *you* kata *you* nak jawab, nanti semua *you* jawab sekali. Saya hendak habis, *than after that you* boleh jawab, panjang *you* boleh cakap. Terima kasih, saya cakap sekarang.

Tadi saya betul-betul hairan dengan Penaga kata, saya tidak ada modal dan sebagainya, kerana membangkitkan perkara ini, pada hal perkara ini seharusnya dibangkitkan di Parlimen. Saya bangkitkan pada hari ini kerana Pengerusi PERDA duduk di dalam Dewan ini. Kamu Pengerusi PERDA atau tidak?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Boleh saya hendak jawab?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Tidak boleh, *you* nafikan ataupun tidak?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tidak.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Tidak nafikan, okey duduk, duduk, kalau *you* tidak nafikan duduk sahaja, duduk. Saya bangkitkan Y.B. Dato' Speaker kerana Y.B. Penaga ada di sini, dan sekiranya saya tidak silap ini dia (tunjuk gambar). Ini *you* betul? Ini *you* bukan?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Itu memang gambar saya, saya Pengerusi PERDA dan itu memang gambar saya... (gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Ini *you* tandatangan bukan? Betul ataupun tidak? Ini tandatangan kamu kan, betul atau tidak.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Bahasanya ialah Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Y.B. Penaga ini ialah betul ataupun tidak Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ya, Y.B, itu bahasa yang betul.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Betul atau tidak betul.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Betul, Semua orang tahu saya Pengerusi.....(gangguan),.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Setuju, bagi setuju.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Apa setuju?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Ini tandatangan kamu?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Cakap kamu juga, nanti saya panggil hang, hang marah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Setuju ataupun tidak?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Semua orang satu dunia tahu...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya tanya Yang Berhormat sahaja, setuju atau tidak ini tandatangan kamu?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kamu?, Hang faham ke bahasa?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Kalau Yang Berhormat, jawab cepat lah, setuju atau tidak?.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Itu jauh, kalau Pengerusi, okey.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya boleh tolong hantar berikan, Seri Delima tolong berikan, mungkin tidak nampak jelas, tolong hantarkan. Kita *confirm* dahulu, tunjuk.

Y.B. Dato' Speaker:

Kita teruskan sahaja, tidak perlu bawa.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ada berikan pada Seri Delima pula, berikan kepada Y.B. Speaker.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Kita mesti mengesahkan, bukti ini.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya Pengerusi PERDA, saya tidak pernah nafikan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Tadi Y.B. kata mengapa hendak bangkitkan semua di sini, mengapa? Kerana Y.B. pengerusinya lah PERDA.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Itu dia, undang-undang pun tidak tahu, cakap sahaja.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Boleh sahkah, itu tandatangan Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. teruskan sahaja.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Cukup lah, duduk lah.

Y.B. Dato' Speaker:

Sila duduk Y.B., duduk dahulu. Y.B. boleh menyentuh tentang projek PERDA dan selebih daripada itu melibatkan hal peringkat Menteri, tetapi Y.B. boleh menyentuh tentang projek PERDA di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Ya, betul itulah yang saya nyatakan. Saya telah menyatakan Y.B. Penaga yang menyatakan *choking PERDA to death*, ini apa yang dinyatakan, dilaporkanlah, mungkin Y.B. Penaga akan menafikan kerana dia kata surat khabar selalu menipu, dia kata semalam.

Y.B. Dato' Sepaker:

Biasakan dengan Yang Berhormat, banyak kali Dewan bersidang di dewan ini biasakan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Oleh itu Y.B. Dato' Speaker, saya membangkitkan angka-angka yang saya sebutkan tadi untuk memperbetulkan tanggapan yang diberikan Y.B. Penaga kepada rakyat Pulau Pinang, bahawa Negeri Pulau Pinang yang bertanggungjawab untuk mereka kemudian, *that not the case*. Saya telah menunjukkan betapa banyak perbelanjaan mereka yang tidak dapat diperjelaskan dan mereka masih menyatakan *choking PERDA to death*, saya kata itu tidak betul.

Dari segi itu, saya harap Y.B. Dato' Speaker, dapat mengambil hujahan saya tadi,(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker, saya ingin menyatakan ataupun mengakhiri ucapan saya dengan menyatakan dari permulaan saya telah menyentuh kerana kawasan saya Datok Keramat, saya selalu sentuh tentang isu banjir dan kebelakangan ini, iaitu juga seminggu sebelum Hari Raya yang lalu, sekali lagi banjir di kawasan saya, Datok Keramat dan *of course* kita tahu bahawa Rancangan Tebatan Banjir fasa 2, Sungai Pinang sedang dalam pelaksanaan tetapi kita tahu bahawa ianya satu proses yang mengambil masa yang begitu lama.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin, walau bagaimanapun saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas dan terima kasih kepada rakan saya daripada JPS iaitu Ahli Kawasan Bukit Tambun Y.B. Law Choo Kiang, rapat dengan saya dan cuba menangani masalah banjir di kawasan Datok Keramat di mana atas inisiatif beliau kita telah mengadakan beberapa rancangan sampingan kepada Fasa 2 Sungai Pinang yang dapat dilaksanakan dalam jangka masa pendek dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beliau di mana ada satu projek Sungai Jelutong, yang telah pun siap dibuat di dalam tempoh masa tiga bulan dan kita dapat lihat kesannya kepada sekurang-kurang dua kampung, iaitu Kampong Dodoi dan Kampong Masjid, di mana kesan banjir tidak begitu teruk, masih ada banjir tetapi dapat dikurangkan kesannya dan saya dalam pada ini berharap bahawa kerjasama ini dapat diteruskan dan kita dapat inisiatif projek jangka masa pendek yang lain akan diambil sementara kita menunggu Fasa 2 Sungai Pinang dilaksanakan. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Ya, Ahli Kawasan Sungai Bakap.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Boleh cakap lagi?

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Mokhtar bin Haji Shapee):

Y.A.B. Ketua Menteri tidak datang lagi.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya geram, hendak menjawabnya, kerana dia memberikan fakta yang tidak betul. Y.B. itu mengarut bercakap, duduk, duduk, jangan buat lawak di sini ..(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Jangan ulangi perkataan itu lagi.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Duduklah, saya bercakap dengan Dato'.

Y.B. Dato' Speaker:

Cukuplah, duduk dulu, sandiwara, duduk.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Sandiwara.

Y.B. Dato' Speaker:

Duduk dulu, dan jangan ganggu Dewan.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Mokhtar bin Haji Shapee):

Nanti Yang Berhormat, saya bagi Dewan ini sejuk sikit. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan pembentangan bajet 2010 Negeri Pulau Pinang.

Asalamualikum warahmatullah hiwabarkatuh, salam sejahtera Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Timbalan Ketua Menteri 1, Ahli-ahli Y.B. Exco, Ahli-ahli Y.B. Barisan Pembangkang dan Kerajaan, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Y.A.B. Ketua Menteri serta seluruh Ahli Mesyuarat Kerajaan dan mereka yang terlibat dalam menyediakan bajet Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2010 yang merangkumi semua aspek pembangunan Ekonomi Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Keseimbangan Ekologi, Meningkatkan Kualiti Hidup, Pembangunan Belia dan Sukan, Pendidikan dan Agama, Pembangunan Wanita dan Gender, Perhubungan Masyarakat dan Perkhidmatan Awam. Saya amat yakin bahawa terdapat keikhlasan dan penuh tanggungjawab bagi pihak Kerajaan dalam menyediakan bajet ini serta tindakan-tindakan susulan bagi memastikan perlaksanaannya menjurus kepada hasrat tersebut.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara bagi menyokong tindakan Kerajaan Negeri dalam menyediakan bajet pada kali ini. Terutamanya tentang pendidikan, peruntukan Setiausaha Kerajaan Negeri untuk menaikkan taraf pendidikan dengan menanam hasrat mendirikan pendidikan cemerlang di Pondok Upeh adalah amat wajar dan dilihat sebagai satu usaha yang baik. Program bantuan pendidikan yang memperuntukkan sejumlah RM11.3 juta bagi disalurkan kepada 172 sekolah terpilih, terdiri daripada sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil serta sekolah Mubaligh adalah diharap dapat meningkatkan kualiti pendidikan, sekolah-sekolah tersebut setaraf dengan sekolah bantuan Kerajaan.

Namun saya menyarankan supaya Kerajaan juga memberi tumpuan dan perhatian terhadap pendidikan rohani dan pembangunan nilai moral, pembangunan insan yang berlandaskan konsep Ihsan. Yakni berakhlak tinggi, ikhlas dan bertanggungjawab terhadap Allah Subhanahu Wataala. Pendidikan ini akan diberikan kepada semua peringkat masyarakat dalam Negeri ini bermula dari pemimpin seterusnya kepada rakyat jelata. Langkah ini diambil bagi membentuk seorang individu yang berpendirian serta membentuk jati diri yang jelas dan membawa kepada satu bentuk komuniti yang jujur, bertanggungjawab, telus, berintegriti, tidak tamak, harmoni dan sejahtera selaras dengan hasrat Kerajaan yang mengambil iktibar dari kepimpinan Khalifah Umar Abdul Aziz. Untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan perlulah menubuhkan Pusat-pusat Latihan Kecemerlangan Insan dan Kerohanian milik Kerajaan Negeri sebagaimana yang disarankan oleh Y.B. Datok Keramat tadi.

Pusat Latihan milik Kerajaan Negeri dan bukan milik Pusat mungkin ia setaraf dengan Penang Skills Development Centre (PSDC) tetapi ia lebih menekankan pendidikan kerohanian. Dengan wujudnya kem dan pusat latihan sebegini rupa, Kerajaan dapat menawarkan latihan yang bercorak kerohanian, bina semangat, membina jati diri, kekuatan mental dan seumpamanya. Beberapa bentuk modul latihan perlu diwujudkan mengikut kategori latihan, umur, kerjaya dan taraf kedudukan dalam masyarakat kerana hari ini kita melihat dan kita boleh merasakan bahawa masyarakat kita hari ini banyak orang kata terlalu bergantung kepada kebendaan, dan kurang disiplin atau akhlak sama ada di kalangan kakitangan Kerajaan ataupun rakyat jelata, kita dapat merasakan itu. Sebagai contoh saya kata tong sampah cukuplah, yang dihantar di kawasan perumahan. Penghuni sendiri seolah-olah mengambil mudah membuang daripada jauh sahaja menyebabkan kadang-kadang tidak masuk dan melimpah di luar, jadi begitu. Ini adalah sesuatu yang tidak kena dengan akhlak orang-orang kita. Mungkin kurang penerangan, mungkin kurang ada orang kata latihan. Bila kita tanya di peringkat Mesyuarat Tindakan Daerah pula kepada pihak MPSP, dia kata kontraktor kita tidak ambil barang yang jatuh, jadi seolah-olah masing-masing lepas tangan. Jadi kita hanya ambil sampah dalam tong sahaja, kita angkat tong sahaja, yang jatuh itu bukan tanggungjawab kita.

Begitu juga yang bersih tepi jalan, begitu juga yang bersih parit. Kami hanya bersih parit lepas itu ada sampah dalam itu, bukan tanggungjawab kami, jadi rata-rata keadaan masyarakat kita begitu. Seolah-olah kita perlu memberi peruntukan yang lebih kepada latihan-latihan keperibadian seperti ini. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk membentuk hala tuju kehidupan dan kepimpinan remaja, belia dan beliawanis ke arah satu matlamat yang lebih seimbang di antara kekuatan fizikal, kekuatan ekonomi serta kekentalan jiwa dan rohani. Ini pasti dapat membendung segala jenis gejala sosial, jenayah, rendah moral dan akhlak yang berleluasa sekarang

ini hasil latihan atau peninggalan Kerajaan Barisan Nasional selama pemerintahan mereka.

Ini tidak dapat dinafikan, kita baru mewarisi tetapi kita warisi rakyat macam itulah daripada peringkat kepimpinan sampailah kepada rakyat jelata. Sikap yang kita pun tidak faham. Di pejabat-pejabat kita pun kita sedang menerima aduan berbagai-bagai. Kita pergi ke jabatan sekian-sekian, pejabat sekian-sekian mereka buat tidak peduli sahaja. Kita sudahlah teruk, merangkak daripada bawah hendak naik dua tiga tingkat, lepas itu mereka buat tidak layan begitu sahaja.

Jadi perkara ini sedang berlaku, kita turun ke padang kita tahu. Kita juga dapat menghapuskan sikap bergantung harap dari ihsan Kerajaan dalam segala hal kehidupan kepada satu sikap berani, sikap berdikari dan berdaya saing. Orang kita begitu, harap pertolongan sahaja, tidak boleh timpa sikit bumbung rumah dia, dok tanya Y.B. peruntukan berapa? Saya ingin mengulangi ucapan saya pada masa yang lalu. Zaman Kerajaan Khalifah Abdul Aziz bukanlah terlalu kaya tetapi rakyatnya kaya peribadi, kaya rohani yakni tidak berapa mahu menonjol diri, tidak seperti orang kita sekarang semua angkat tangan. Insya-Allah kalau kita dok bagi RM100 atau RM1000 selepas ini, bagus untuk kita tetapi sebenarnya kita tidak boleh teruskan tindakan yang begitu. Kita memanjakan rakyat. Tidak boleh jadi rakyat Malaysia, rakyat Pulau Pinang seperti rakyat Singapura yang berdikari. Sampai dah tua pun kita masih tengok bawa kereta lagi tarik segala kotak, kayu dan segala macam, hendak cari duit. Orang kita duduk tunggu di rumah. Beberapa peluang temu duga jawatan pekerjaan di kilang kita buat. Dia datang temu duga, dia pergi sehari dia patah balik. Jadi kita tanya pasal apa? Tidak seronok, tidak sedap, kerja teruk. Itu sikap yang ada di kalangan masyarakat kita. Bagi kakitangan Kerajaan perlukan satu modul yang menekankan aspek kerohanian yang tinggi, motivasi pekerjaan, pengurusan masa, supaya dapat membentuk dan melahirkan pekerja yang lebih bertanggungjawab, jujur, amanah serta ikhlas terhadap tugas, membendung gejala rasuah dan perbuatan melanggar etika kerja, lebih bersikap profesional dalam menangani masalah dan berhadapan dengan rakyat pelbagai kaum, agama dan fahaman politik. Jadi kita tidak boleh pilih-pilih lagi selepas ini. Kita kena faham apabila kita memegang kedudukan pimpinan rakyat jadi rakyat kita semua kaum, semua kedudukan. Bukan kita menjadi pemimpin sebuah badan, kalau sebuah badan atau pertubuhan, yang mana menjadi Ahli badan itu, itulah orang kita tetapi kita jadi pemimpin rakyat ataupun pegawai yang mentadbir urusan rakyat, jadi semua lapisan rakyat adalah menjadi tanggungjawab kita.

Saya amat bersetuju dengan tindakan Kerajaan yang memberi tumpuan kepada pengimarahannya masjid dan surau dengan menambah peruntukan sebanyak RM213,000 yang telah diagihkan kepada 200 buah masjid pada bulan Ramadhan yang lalu. Peruntukan RM22.3 juta yang telah disediakan oleh Kerajaan untuk keseluruhan adalah menampakkan kesungguhan Kerajaan untuk memastikan aktiviti berkaitan Islam tidak dipinggirkan. Namun, latihan juga perlu diterapkan kepada pemimpin masyarakat seperti JKKK, JKKN, maksudnya, Persatuan Penduduk, Imam serta Pegawai-pegawai Masjid, Guru-guru Agama, Persatuan-Persatuan dan Pertubuhan-Pertubuhan bukan Kerajaan lebih lagi. Jadi kelmarin kita telah turut serta dengan Yang Berhormat Batu Maung melancarkan kempen elak pembaziran dan beberapa lagi kempen seperti itu kita sarankan untuk dilaksanakan kerana jangan kita ingat orang-orang masjid, dia tak reti membazir, cuba kita buat kursus Tok Imam pergi ke hotel, penuh pinggan dia bubuh, makan tidak habis, memalukan sebagai seorang yang selalu bercakap tentang jangan membazir (baca ayat Al-Quran) tetapi mereka yang melakukan itu. Ini perkara-perkara yang telah berlaku dan saya telah ikuti keadaan itu.

Mengenai apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Permatang Berangan kelmarin, Apakah kita Y.B. Permatang Pasir, Sungai Bakap, Batu Maung tidak menegur Y.A.B. Ketua Menteri dalam perkara-perkara dalam hal berkaitan agama. Kita mengambil pendekatan hikmah (baca Ayat Al-Quran) jadi serulah ke arah Tuhan mu dengan penuh hikmah yakni ada cara kita sendiri. Kita tidak mahulah menegur macam orang kata musuh, kita menegur seperti kawan. Jadi mungkinlah dengan hikmah itu akan mengambil masa yang panjang tetapi inilah pendekatan yang dipersetujui oleh semua kaunselor-kaunselor ataupun pakar-pakar motivasi. Kita kalau kita tegur anak kita secara kasar pun dia boleh lari terus, ya jadi kita cara hikmah. Kita ini orang bijak-bijak, kita kena buat cara orang bijak. Saya tidak berapa suka hendak mengambil reaksi ketika perbahasan berlaku kerana saya mengambil pendekatan hikmah.

Y.B. Dato' Speaker, pembangunan diertikan sebagai peranan pihak berkuasa kepada setiap warga Negeri sebagai proses perubahan masyarakat menuju kehidupan yang lebih baik. Oleh kerana dasar pembangunan memerlukan setiap individu masyarakat untuk menyumbang dalam bentuk cukai, maka wajarlah setiap Ahli masyarakat merasakan kembali hasil pembangunan yang dilaksanakan. Namun kenyataannya proses timbal balik ini tidak berlaku seimbang. Sebagai pihak yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugas membangunkan kualiti hidup masyarakat, Kerajaan sebenarnya masih perlu mengkaji dan mempertingkatkan proses pembangunan seimbang terutama di Seberang Perai Selatan. Saya ingin membawa perhatian kita kepada Seberang Perai Selatan. Pembangunan Daerah Seberang Perai Selatan perlu dititikberatkan oleh Kerajaan Negeri bagi menampakkan kesungguhan Kerajaan Pakatan Rakyat memenuhi tuntutan masyarakat dalam meningkatkan kualiti hidup. Umum tahu bahawa pembangunan SPS agak perlahan berbanding lain-lain daerah. Ini adalah kerana faktor kedudukan geografinya yang mungkin agak jauh dari Pusat Pentadbiran Negeri. SPS atau Seberang Perai Selatan sebenarnya berpotensi berkembang pesat memandangkan kedudukannya yang bersempadan dengan dua buah daerah, Daerah Bandar Baharu di Kedah dan Daerah Kerian di Perak.

Oleh yang demikian, SPS memerlukan satu lonjakan dari pelbagai aspek pembangunan untuk menjadi sebuah daerah yang maju setanding daerah-daerah lain. Mungkin daerah lain agak terpencil, tetapi daerah kita terdedah atau berjiran dengan dua Negeri, ada satu pendekatan orang kata Daerah Tiga Segi iaitu Bandar Baharu, Krian dan Nibong Tebal. Kita boleh buat sesuatu untuk memajukan Daerah SPS sekali gus memajukan Negeri. Beberapa aspek penting yang dikenal pasti dan perlu ditekankan dalam pembangunan SPS adalah seperti berikut; Yang pertama Aspek guna tanah; dalam aspek guna tanah SPS berpotensi menjadi pusat penempatan yang dapat menarik lebih ramai penduduk baik dari Pulau Pinang mahupun daerah bersempadan. Hari ini ada sebuah sekolah yang menampung pelajar-pelajar daripada Kedah iaitu Sekolah Menengah Widuri. Jadi orang Sungai Kecil pun boleh datang situ, orang Relau pun pergi situ, jadi kita ada macam itu, itu sekolah. Mungkin kita boleh buat atau fikir benda-benda yang lain lagi. Dalam aspek guna tanah SPS berpotensi menjadi pusat penempatan yang dapat menarik lebih ramai penduduk baik dari Pulau Pinang mahupun daerah bersempadan. SPS boleh menawarkan penempatan selesa, selamat dan tenang serta jauh dari hingar bingar. Kedudukan SPS juga menyebabkan harga tanahnya agak rendah berbanding daerah lain di Pulau Pinang, oleh itu penawaran rumah kos sederhana dan rumah mampu milik masih boleh dilaksanakan di Daerah SPS. Status tanah pertanian dan pusat pertanian utama bagi Negeri Pulau Pinang di

SPS perlu dikekalkan dengan memperkenalkan program petani moden dan kontemporari.

Aspek yang kedua ialah Pusat Bandar atau Pekan. Pekan-pekan di SPS adalah kurang terancang dan merupakan pekan lama zaman perang dunia. Ini dapat dilihat di Pekan Nibong Tebal, Sungai Bakap dan Simpang Empat. Keadaan bertambah buruk apabila bangunan-bangunan lama mula diteroka untuk pemeliharaan burung walit, orang tidak duduk burung duduk. Oleh itu, pembangunan Bandar yang lebih tersusun yang menempatkan prasarana yang diperlukan oleh rakyat amat ditagih. Pergi tengok Pekan Nibong Tebal, peniaga-peniaga pun sedih sahaja, orang muram sebelah petang mungkin kerana penat berniaga, dia pagi-pagi dah muram dah, tiada peluang apa, orang pun tidak datang terus ke Parit Buntar. Bandar Tasik Mutiara adalah satu contoh yang baik untuk mengatasi permasalahan ini. Selain itu pemeliharaan bangunan-bangunan zaman perang adalah perlu dilakukan oleh Kerajaan bagi mengekalkan sejarah yang terukir di Seberang Perai Selatan. Suka dimaklumkan ada sebuah bangunan lama di sungai Bakap. Namanya Rumah Besar, orang Cina, pernah dibuat satu penggambaran oleh pelakon terkenal, Jet Li apa ka datang buat satu penggambaran di situ. Ada rumah tradisional Cina di sana. Jadi itu kita boleh perhidupkan balik sebagaimana kita perhebatkan beberapa bangunan lama di George Town juga. Dan kita boleh hubungkan dengan Pusat Pelancongan untuk mereka melawat di sana. Ada singa batu ada semua. Maknanya menarik minat kepada pencinta-pencinta keturunan Cina ke Sungai Bakap.

Ketiganya ialah tentang pengangkutan. Pengangkutan adalah penting bagi sesuatu pembangunan kawasan. Sekiranya sistem pengangkutan teratur dan baik maka ianya akan menghasilkan satu bentuk pembangunan yang bersistematik dan teratur. Jika ditinjau jaluran pengangkutan di SPS, kita dapati ianya agak lemah kerana terdapat beberapa kawasan pedalaman masih tidak dihubungkan dengan bandar-bandar utama daerah terutamanya kawasan Sungai Acheh, Sungai Udang, Tanjung Berembang. Mereka agak sukar untuk datang ke pekan atau Bandar mereka sendiri iaitu Nibong Tebal. Mereka lebih mudah ke Parit Buntar. Pengangkutan darat adalah menjadi satu-satunya perhubungan di daerah SPS.

Walaupun SPS mempunyai potensi pembangunan pengangkutan air tetapi ianya masih belum dibangunkan dan dimanfaatkan oleh mana-mana pihak Kerajaan ataupun swasta. Kerajaan mahupun swasta perlu mengambil peluang potensi yang ada melalui Sungai Kerian sebagai satu sistem pengangkutan air. Saya rasa sungai Kerian kalau dapat kepada Negara yang maju akan buat segala macam yang boleh dimanfaatkan daripada sungai tersebut. Saya ingin mencadangkan supaya jaringan pengangkutan dan perhubungan diperluaskan hingga ke kawasan pedalaman bagi menghubungkan kawasan ini dengan bandar utama daerah.

Seterusnya yang keempat tentang perindustrian. Perkembangan perindustrian di SPS bergerak agak perlahan berbanding daerah SPT di tanah besar dan Barat Daya di pulau yang menjadi tumpuan syarikat-syarikat multinasional. SPS masih bergantung kepada industri berskala sederhana dan kecil dan tertumpu di Valdor, Sungai Bakap dan Bukit Panchor. Kedudukan berjiran dengan daerah SPT dan daerah Kerian Perak dilihat dapat membantu pembangunan perindustrian SPS pada masa depan. Oleh itu dicadangkan supaya satu kajian berkaitan perindustrian yang terancang dan khusus dilaksanakan bagi mengenal pasti potensi pembangunan industri di SPS. Kerajaan juga harus mengambil peluang melalui pembinaan jambatan kedua (*second link*) yang menghubungkan SPS dengan Batu Maung bagi memajukan sektor industri berskala besar pada masa depan. Dengan perkembangan ini keperluan guna tenaga akan

meningkat dan secara langsung ianya akan dapat mengurangkan kadar pengangguran di SPS.

Yang kelima tentang pelancongan. Industri pelancongan adalah produk yang penting dan menghasilkan pendapatan penting bagi Negeri Pulau Pinang. SPS juga tidak ketinggalan mendapat tempas dari industri pelancongan ini dan ianya adalah pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi daerah dengan destinasi-destinasi pelancongan yang berlatar belakang pelbagai keistimewaan yang masih boleh dibangunkan lagi.

Terdapat tarikan daripada kawasan semula jadi yang masih terpelihara, warisan sejarah, hasil laut, agro, sukan dan rekreasi serta pendidikan. Namun semuanya masih belum mencapai tahap antarabangsa atau lima bintang. Saya amat berbesar hati sekiranya Kerajaan Negeri dapat membangunkan industri pelancongan yang berteraskan perubatan dan kesihatan di SPS dan berpusat di Sungai Bakap. Ianya dilihat berpotensi menarik pelancong perubatan dari Negara jiran seperti Medan, Thailand, Singapura dan Brunei. Malah sekiranya Kerajaan menjalankan promosi yang teratur dan tepat ianya boleh juga menarik minat warga Asia Barat.

Saya juga suka mencadangkan supaya Taman Negeri Bukit Panchor dinaik taraf ke tahap lima bintang supaya dapat menarik minat pelancong luar. Begitu juga dengan Sungai Kerian yang masih boleh dibangunkan sebagai tarikan pelancong berteraskan pelancongan air. Di Taman Bukit Panchor kita lihat hanya orang situ sahaja pergi, pada hal dia digahkan dengan papan tanda di tepi jalan, Taman Negara. Jadi terbiar, kita kena pergi meninjau dan pergi buat aktiviti di sana. Kita kena pelebaran jalan untuk masuk. Jalan sekarang macam jalan kampung sahaja tiba-tiba dalam sana terdapat satu kawasan yang cukup hebat. Bagi industri pelancongan berteraskan pendidikan, Sungai Bakap dilihat berpotensi menjadi pusat pendidikan Islam sekiranya diberi perhatian yang betul oleh Kerajaan. Pengajian pondok di Sungai Bakap bermula sejak Perang Jepun lagi. Diterokai oleh Allahyarham Tuan Guru Haji Md. Zain dan kemudian diteruskan oleh Tuan Haji Yusof sehinggalah ke hari ini dan saya kira dalam Seberang Perai ini ada pondok yang paling banyak di Sungai Bakap. Di Pokok Sena pun tidak ada pondok dan di Penanti pun kurang sangat. Di Sungai Bakap paling ramai. Jemaah perempuan dalam satu waktu sembahyang 200 orang lebih. Jadi kalau kita pertingkatkan, *upgrade* kan dia. Mungkin tidak dapat di situ pun atau kita ada di tepi situ, tempat yang berdekatan kita boleh memperhebatkan pendidikan Islam di situ. Kalau tidak anak-anak kita semua pergi ke Alor Setar, Maktab Mahmud dan sebagainya. Ianya akan memberi peluang kepada pelajar-pelajar seluruh Negeri dan juga luar Negara untuk datang menimba ilmu agama di sini. Ini akan menjadikan Sungai Bakap sebagai satu destinasi yang penting untuk dilawati.

Seterusnya yang keenam pertanian dan penternakan. Sektor pertanian adalah aktiviti utama ekonomi di SPS dan ianya merangkumi 80% daripada keseluruhan keluasan SPS. Jabatan Pertanian Daerah adalah agensi yang bertanggungjawab memantau dan memberi khidmat nasihat kepada aktiviti pertanian mengikut mukim. Kita dapati tanaman kelapa sawit telah mengambil alih keluasan tanah pertanian dari getah dan padi. Sehingga kawasan padi di sungai Acheh pun ditanam dengan kelapa sawit. Walau bagaimanapun mengikut perangkaan oleh Pejabat Pertanian Daerah SPS, keluasan tanah pertanian semakin menguncup dari 12,394.16 hektar pada tahun 2007 kepada 9,542.85 hektar pada tahun 2008.

Keadaan penguncupan ini berlaku kerana permintaan yang tinggi terhadap pembangunan hartanah seperti perumahan, bangunan perniagaan dan juga

perindustrian. Namun yang menjadi kerisauan kita ialah terdapat tanah yang tidak diusahakan serta terbiar kerana tiada kesinambungan dari generasi muda. Ini adalah

kerana jenis dan saiz pertanian yang tidak ekonomik dan secara langsung tidak memberi hasil dan pendapatan yang lumayan kepada petani terutama di kawasan tasik. Empat belas tahun lalu di situ megah, hebat. Kita lalu di kiri kanan projek pertanian. Hari ini kita lalu tengok hutan lalang. Jadi puas kita mengumpul tuan-tuan tanah tidak berapa bersetuju. Mungkin kita kena fikir dan mengharap Jabatan Pertanian mengambil perhatian yang serius tentang perkara ini untuk memberi keyakinan kepada kumpulan petani bagi memajukan tanah-tanah terbiar mereka.

Saya ingin mencadangkan supaya jumlah keluasan tanah untuk aktiviti pertanian dikekalkan sebagaimana sedia ada. Jabatan Pertanian diminta untuk menyusun aktiviti pertanian yang lebih menjurus kepada sumber pendapatan. Jenis-jenis pertanian moden dan berdaya maju untuk diusahakan perlu diperkenalkan kepada generasi muda. Tanah terbiar perlu dibaik pulih untuk memberi peluang pekerjaan kepada golongan belia yang berminat. Bagi penternakan dicadangkan supaya industri ternakan berpusat diperkenalkan. Ternakan seperti ayam, khinzir dan lembu perlu dikawal bagi memastikan matlamat persekitaran yang bersih dan sihat dicapai. Kita tidak boleh biar lagi kalau kita nak Pulau Pinang ini maju, kita tidak boleh biar lagi dibela rata-rata. Kena bela secara kelompok. Khinzir satu kawasan, ayam satu kawasan, supaya kita boleh kawal. Senang buat lawatan, lawatan pelancongan atau lawatan pemeriksaan.

Ternakan ikan, kerang dan udang perlu dipemodenkan dan diperluaskan lagi terutama ternakan kerang dan ikan dalam sangkar. Begitu juga dengan sistem ternakan ikan keli secara moden perlu diperluaskan dengan menggalakkan golongan belia menceburkan diri dengan lebih aktif. Kalau kita ada ternakan yang sempurna, ternakan ikan keli yang sempurna mengapa tidak kita fikirkan adakan kilang *sardine* keli di Pulau Pinang. Tak payah lagi orang kita terpaksa pergi ke Terengganu atau sebagainya ke luar Negeri untuk menghantar hasil ternakan mereka. Jadi ternakan pun jalan, industri pun bergerak seiring. Dicadangkan supaya Kerajaan menyediakan modal yang cukup melalui pinjaman mudah untuk membantu mereka yang benar-benar berminat menjalankan aktiviti ternakan dan pertanian. Latihan dan kursus yang lengkap perlu disusun sepanjang masa supaya golongan ini mendapat bimbingan yang betul untuk menjadikan mereka seorang petani yang berjaya.

Y.B. Dato' Speaker, ini adalah di antara aspek-aspek penting yang perlu ditekankan dan diambil perhatian oleh Kerajaan dalam membangunkan daerah Seberang Perai Selatan. Tidak dinafikan terdapat banyak lagi aspek-aspek yang tidak disentuh, namun sekiranya Kerajaan dapat melaksanakan aspek-aspek yang dicadangkan ini pun sudah cukup menampakkan kesungguhan Kerajaan Pakatan Rakyat dalam menjayakan pembangunan seimbang untuk semua daerah di Pulau Pinang. Sehubungan dengan ini saya menyokong pembentangan bajet Kerajaan Negeri bagi tahun 2010. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Hj. Jasmin bin Mohamed):

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakuh. Y.B. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk sama-sama mengambil bahagian dalam usul enakmen ucapan bajet Y.A.B. Ketua Menteri yang telah dibentangkan pada 30 November yang lalu.

Y.B. Dato' Speaker, yang pertama saya nak minta supaya dalam teks ucapan Y.A.B. Ketua Menteri di dalam bajet, Kerajaan Pakatan Rakyat dikeluarkan kerana tidak di *register*. Mana ada Kerajaan Pakatan Rakyat, Kerajaan Pakatan Rakyat tidak di *register*. Kalau kata Kerajaan Barisan Nasional memang ada. Kerajaan Barisan Nasional itu didaftarkan. Pakatan Rakyat tidak didaftarkan bermakna ia tidak boleh menyebut Kerajaan Pakatan Rakyat kerana Kerajaan yang ada di Pulau Pinang pada hari ini adalah Kerajaan pakatan DAP, Keadilan dan PAS. Tidak ada Kerajaan Pakatan Rakyat. Sebab itu saya ingat tidak perlu digunakan perkataan-perkataan Kerajaan Pakatan Rakyat.

Y.B. Dato' Speaker, kalau kita lihat keseluruhan teks ucapan bajet yang dibentangkan pada 30 November yang lalu, kita dapati Y.A.B. Ketua Menteri, orang kata dia masuk bakul angkat sendiri. Seorang Ketua Menteri yang buat teks ucapan ada memuji diri sendiri, memuji Kerajaan pimpinannya menyatakan dia buat itu, dia buat ini. Pada hakikatnya tidak ada banyak sangat. Adalah kejayaan satu, dua saya tidak nafikan tetapi kalau kita lihat keseluruhannya banyak lagi yang perlu diberikan peningkatan kalau meningkatkan kawalan di segi kewangan Kerajaan Negeri.

Y.B. Dato' Speaker, saya melihat yang pertama baru-baru ini pada 11 November 2009, berlaku banjir di kawasan Paya Tok Aki dan Desa Murni. Ahli Sungai Puyu pun pergi pada hari kedua. Tapi apa yang saya kesalkan di sini kalau banjir berlaku pada 11 November, dan hujan lebat pada 9 dan 10 mengapa Jawatankuasa Bencana Alam Daerah dan Jawatankuasa Bencana Alam Negeri tidak ada mesyuarat apa-apa dan tidak buka bilik gerakan. Apabila banjir berlaku, jadi kelam kabut. Tidak tahu di mana nak konteks siapa. Siapa yang hendak dihubungi. Bantuan kebajikan hendak sampai macam mana?

Selimut, bantal dan sebagainya jadi keadaan tidak terurus dan tidak tersusun dan malangnya sekali sampai ke sudah Jawatankuasa Bencana Alam Daerah tidak berfungsi dan tidak dibuka dan tidak ada apa tindakan yang diambil dan saya melihat Y.B. Sungai Puyu, terima kasih kerana pergi melihat pada hari kedua setelah keadaan sudah mula reda, terima kasih dan saya difahamkan selepas itu pula Y.B. Timbalan Ketua Menteri pula datang beri bantuan sagu hati ikhlas RM100.00 pada setiap mangsa banjir, tapi kalau kita melihat dan menilai apa amalan-amalan yang dibuat selama ini oleh Kerajaan Barisan Nasional kalau berlaku banjir macam itu kerosakan harta benda, mesin dia rosak, peti ais dia rosak, katil dia rosak, tilam dia hancur, pakaian dia terapung dan sebagainya kurang-kurangnya RM100.00 ini tidak cukup, sepatutnya bagilah lebih dahulu beri RM300.00, mungkin kali ini Kerajaan ada duit banyak bagilah RM500.00, bagi meringankan bebanan mangsa banjir ini sebab itu kita kena mengambil tindakan dengan cepat, tindakan-tindakan yang diambil lewat juga, bantuan makanan pun lewat sebab itu saya harap Kerajaan kena memastikan bahawa bilik gerakan bencana alam di peringkat Negeri dan daerah harus bersedia apabila nampak keadaan akan berlaku banjir.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Minta laluan, memang disini saya dengar bahawa berapa 9hb, 10hb hujan, 9hb, 10hb adakah ADUN Kawasan dok lena, mengapa tidak berhubung dengan Pejabat

Daerah, mengapa tidak berhubung dengan kebajikan di mana kebajikan sekarang ada *7 days and 24 hours* bila masa dipanggil pun ada lagi pun bahawanya pada dahulunya

ini telah terbuktinya bahawa ADUN Kawasan tidak berfungsi langsung walaupun saya balik daripada Xiamen pada malam 11hb. 12hb pagi-pagi saya sudah turun ini bermakna ada bertanggungjawab di manakan ADUN Kawasan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Sungai Puyu kena tanyalah Adun kawasan itu, saya bukan ADUN kawasan itu, pergi tanyalah kepada ADUN kawasan itu, yang tanya saya buat apa, saya tidak boleh jawab tetapi saya bercakap tentang kenapa Jawatankuasa Bencana Alam Daerah tidak digerakkan dan tidak dibuka bilik gerakan untuk memastikan banjir ini dapat diuruskan dengan sempurna, itu pun nasib baik kalau banjir ini berlaku kerana masalah teknikal pintu air dan sebagainya, tiba-tiba kalaulah banjir ini berlaku macam dahulu, dia berlaku memang keadaan akan berlaku banjir lagi kelam kabut dengan Bombanya, dan sebagainya tidak disediakan dan sebagainya lagi huru-hara, jadi sebab itu jawatankuasa ini perlu bersedia Bilik Gerakan Bencana Alam Daerah perlu bersiap sedia untuk menggerakkan seluruh jentera bersiap sedia untuk menghadapi banjir ini. Jadi Yang Berhormat sebagai Pengerusi yang menjaga hal ehwal kebajikan ini saya harap dapat memastikan masa hadapan keadaan ini dapat diatasi, dapat diperbaiki untuk memastikan rakyat tidak menjadi mangsa akibat daripada kecuaiannya yang berlaku.

Y.B. Dato' Speaker, kalau kita dapati bahawa Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa apa-apa bencana alam yang berlaku dalam masa tidak sampai seminggu bantuan akan diberikan, bantuan akan diberikan dalam masa 24 jam tetapi kalau kita melihat kepada Laporan Audit yang dikeluarkan baru-baru ini kita dapati ada 23 kes bantuan yang diberi, 17 hari lebih baru dapat bantuan, lewat kata 24 jam tetapi 17 hari ..gangguan suara, apa dia tadi kata 24 jam gangguan suara ini bantuan bencana alam, 17 hari baru, 23 kes tujuh belas hari baru masa yang diambil bagi mengatasi masalah-masalah ini, bantuan ini sepatutnya kena cepat kerana semua bantuan ini adalah bantuan bencana alam ribut, bumbung rumah mereka melayang, 17 hari, kalau hujan lebat hancurlah lantai rumah mereka, minta-mintalah laluan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ya, Y.B. Dato' Speaker, minta laluanlah, saya minta laluan, bolehkah saya dapat maklumat di mana terdapat 23 kes, 17 hari baru beri, saya minta dipanjangkan beritahu tempat kejadian bila, boleh saya siasat dan saya akan lapor balik semasa saya membuat penggulungan, 23, 17 hari semua, semua 23 berikan kepada saya, kalau tidak anda tahulah gelak ketawa.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Jasmin bin Mohamed):

Saya akan baca, saya ingat Y.B. daripada Sungai Puyu apabila dapat Laporan Audit tidak baca ini, tidak baca ini Laporan Ketua Audit sebab itu dia tanya kepada saya, sepatutnya dia tidak perlu tanya saya, dia ada dalam maklumat dia, baiklah saya baca 23 kes ini, yang pertama Kalitosaan a/l Nagapan kejadian berlaku pada 20hb sepuluh, bantuan diberi kepada 30.12. berapa lama, siasatan dibuat pada 13.12 catatan dibuat 13.12 bencana berlaku 20.10, siasatan 13.12 baru dibuat itu saya baca satu kes, saya hendak baca 23 kah. Hendak baca 23 kah, saya baca 23 sampai petang.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Minta laluan, yang sepatutnya tapak dan juga tarikh, tapak dan tarikh itu yang penting sekali.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Jasmin bin Mohamed):

Saya ingat Y.B. boleh rujuk saya tidak payah bacalah, Y.B. boleh rujuk di halaman 67 Laporan Audit jadual 5.4 boleh rujuk di Laporan Audit. Jadi saya melihat bahawa siasatan dilakukan lewat, kejadian ribut berlaku pada 20.10 siasatan dibuat pada 13.12 ambil masa yang begitu lama dan bantuan baru disalurkan pada 30.12 sedangkan kita janji kepada rakyat dalam masa 24 jam dengan hebat dan bangganya kita kata dalam masa 24 jam kita akan selesaikan masalah bencana alam tetapi sampai 17 hari itu pun baru buat siasatan, bukan 17 hari selepas bencana sebab itu kita rasa perlu kita perbaiki semula sistem ini supaya rakyat tidak terima, rumah bocor, bumbung bocor bencana alam terbang habis, berapa lama dia baru hendak dapat bantuan, baru hendak selesai masalah bumbung rumah dia, bukan banyak mana pun.

Y.B. Dato' Speaker, begitu juga dengan kelewatan meluluskan permohonan bantuan am kita melihat bahawa ada lebih kurang 240 kes sejak daripada tahun 2006 hingga 2008, maknanya kita masih mengamalkan kelewatan dalam meluluskan permohonan bantuan am dan kita harap perkara ini juga dapat diberikan perhatian supaya dapat dipercepatkan dalam tempoh sepertimana kita janjikan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Minta laluan, adakah saya dengar 2006 hingga 2008

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Jasmin bin Mohamed):

Cakap tentang 2006 sampai 2008 umum dia, kalau saya hendak ambil 2008 sahaja pun boleh.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Sungai Dua saya hendak dengar yang itu sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker, saya ini juga membangkitkan kerana saya dapati bahawa Y.A.B. Ketua Menteri selalu mengatakan bahawa dia tidak dapat kerjasama dengan Kerajaan Pusat dan kurangnya bantuan Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri ini tidak betul kerana kalau kita melihat banyak projek-projek yang dilaksanakan ini banyak projek-projek Kerajaan Pusat buat sekolah banyak macamlah, pelebaran Jambatan dan sebagainya, tetapi saya pun hairan mengapa Y.A.B. Ketua Menteri selalu hendak berkelahi dan bergaduh dengan pegawai-pegawai Kerajaan Pusat baru ini dia dok bergaduh, keluarkan dalam surat khabar, dia bergaduh dengan Pegawai Pembangunan Negeri, tentang beberapa perkara tidak perlulah dengan Pegawai Pembangunan Negeri dia bergaduh dia hendak bergaduh tentang masalah ini yang pertama isu di Bukit

Bendera, dia bergaduh kata tidak beri kerusi dekat dia duduk dalam majlis yang

dilancarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga Menteri Pelancongan pada hal memang disediakan kerusi untuk dia duduk di situ, saya ingat benda kecil-kecil tidak payahlah dia *highlight* dalam surat khabar, kemudian dia juga bergaduh tentang.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri:

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Ya.

Y.B. Dato' Speaker:

Dia tadi, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri:

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Okey, Y.A.B. Ketua Menteri. Y.A.B. Ketua Menteri pula bergaduh dengan Pegawai Pembangunan Negeri tentang kes Botanical Gardern masalah biasalah seorang pegawai Kerajaan hantar surat kepada Jabatan Pengairan dan Salinan (JPS) mengatakan projek ini perlu dilaksanakan dengan segera, kalau lambat hendak tarik balik ataupun, itu biasalah, biasalah semua jabatan macam itu, takanlah hendak marah macam itu, tidak perlulah dimarahi dan kata macam-macam kemudian dalam kes Kerajaan kata hendak cepatkan projek-projek pembangunan kita dapati bahawa Kerajaan Pusat hendak membuat sesuatu projek Balai Bomba di Batu Kawan, Balai Bomba minta hendak membeli tanah PDC, Kerajaan Negeri caj sehingga melebihi nilai yang ditetapkan oleh Kerajaan, tanah itu dinilai pada harga RM14.00 sekaki, tetapi Kerajaan Negeri hendak caj kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sampai RM18.00 sekaki sedangkan harga nilai baru RM14.00 sekaki, kalau macam ini bagaimana hendak percepatkan projek itu, tidak boleh cepat, Kerajaan Pusat, Kerajaan Tempatan tidak boleh bayar harga RM18.00 kerana mengikut undang-undang Kerajaan dia kena bayar berdasarkan penilaian yang dibuat oleh Kerajaan, habis itu dok tuduh Kerajaan Pusat yang lambat, yang lambatnya Kerajaan Negeri kurangnya kerjasama diberikan kemudian, masalah kes perpindahan setinggan di TUDM Butterworth di tanah TUDM itu, di tanah itu terlalu ramai setinggan proses semua sudah dibuat, sekarang ini Kerajaan lewat-lewatkan, orang kata *end and case*, Pejabat Tanah pun sampai sekarang masih belum memanggil untuk perbincangan bagi menentukan pampasan dan sebagainya sebab itu ini lewatkan projek oleh Kementerian Pertahanan bagi pembesaran tanah TUDM berkenaan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Minta laluan, sedarkah bahawa projek ini berada di bawah RMKe-8, di mana sepuluh tahun dahulu Kerajaan Barisan Nasional telah ditugaskan untuk membuat kerja ini. Sedarkah bahawanya peruntukan juga telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri pada masa itu, pada masa itu tidak ada sekalipun soalan mengatakan bahawa untuk *extension of the runaway* ini ada kerana apabila kejadian bahawanya pada bulan yang

lalu di mana Kapal terbang pesawat daripada USA dia turun terlampau rendah akibatnya bumbung telah terbang, apabila disoal pada Ahli Parlimen ataupun juga ADUN Kawasan mereka bertanya dan berkata oh, Kerajaan Negeri tidak memberi kerjasama

kerana sudah lama meminta Kerajaan Negeri *settle* masalah setinggian dan wujudkan peristiwa ini sedarkah sepuluh tahun yang dahulu Barisan Nasional duduk atas projek ini kalau ada projek, apakah projek itu sekalipun tidak biasa dengar Barisan Nasional kata *extension of the runway* jangan lupa, jangan lupa bahawanya di TUDM ini pada juanya ada (RAAF) *Royal Australian Air Force* yang adalah satu syarikat *The Biggest Airbase In South East Asia* jika hendak *extension of the runway* apakah kapal terbang yang akan turun di sana, pada kininya *airforce 747* boleh turun juga, pada dahulunya apabila Lapangan Terbang Bayan Lepas sedang diperbaiki semua Kapal Terbang turun di sana tidak sekalipun menyoalkan kata *runway not long enough* ini semua bohong, faham tak, bohong.

Y.B. Dato' Speaker, hanya mereka takut *burn out* peruntukan itu sahaja. Peruntukan yang sepuluh tahun dahulu yang ingin membayar pampasan di sana tidak sekalipun Barisan Nasional melalui Pejabat Tanah untuk membuat siasatan atau apa, baru-baru sahaja dia takut kewangan boleh di *burn out* pada RMKe-9 dan cuba mempercepatkan proses ini tetapi saya jangan lupa sana bukan setinggian, ada kebanyakan mereka telah dijemput pada masa *Royal Australian Air Force* untuk duduk di sana mereka ada *legal tenant* di mana mereka juga bayar *ground tenant* dengan ada resit, jangan lupa.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya minta supaya Kerajaan Negeri percepatkan proses itu semua baru tahu berapa orang yang duduk secara sah, berapa orang yang duduk secara tidak sah dan saya hendak perjelaskan kepada yang berhormat, memang dalam Rancangan Malaysia Kelapan, memang telah ada soalan pembesaran lapangan terbang ini, sebab itu dimasukkan peruntukan pada ketika itu. Tetapi peruntukan di masuk pada ketika itu hanyalah peruntukan awal untuk menjalankan kerja-kerja masalah teknikal ini. Tetapi sekarang ini sudah sampai ke peringkat kemuncak ini di mana kesegeraannya diperlukan hendaklah disegerakan. Sebab itu Kerajaan Negeri harus memberi kerjasama bagi menyelesaikan masalah ini. Kalau lagi lama lagi tinggi pampasan yang perlu di bayar nanti, ini yang perlu ditekankan, kalau tidak, tidak boleh dilaksanakan.... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh) :

Minta laluan. Apakah perancangan yang akan diadakan di sana, itu satu. Adakah atau tidak, kerana ini sekarang apa yang di bahas di sini akan dirakan dalam Dewan yang mulia ini. Betul kah *extension of the runway*, kalau *extension of the runway* bolehkah melalui kerjasama Ahli Sungai Dua Y.B. Sungai Dua dengan Ahli Parlimen itu iaitu kata untuk Tan Sri Hock tunjukkan kepada saya dalam Dewan yang mulia ini esok hari perancangan-perancangan yang telah diadakan untuk *extension runway* kerana ini bukan hari ini, kalau tak tanya *extension runway proposal* ini sudah lama dah RMKe-8 sekarang nak dekat RMKe-10. Mengapa tidak salahkan Kerajaan sendiri iaitu Barisan Nasional pada 10 tahun yang lalu duk tidur duk lena pada hari tak sampai satu tahun dua tahun sudah nak salahkan Kerajaan Pakatan Rakyat di sini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Minta laluan. Saya rasa Y.B. Sungai Puyu tidak sepatutnya menggunakan perkataan-perkataan tadi kerana perlu diperolehi fakta sebenar maklumat sebenar sebelum dibuat sesuatu rumusan ataupun tuduhan, tidak ada seingat rancangan untuk menambah landasan tetapi kawasan yang terlibat iaitu Kampung Paya Tembaga adalah terletak pertamanya tanah Kementah dan terletak dalam laluan kapal terbang (*flight park*)(dengan izin), dan kalau kita lihat gambar udara memang laluan itu adalah kapal terbang nak turun kena lalu kawasan Kampung Paya Tembaga. Sebab itu, kawasan itu menjadi kawasan keselamatan, strategik dan amat bahaya kalau ada penempatan dan tidak benarlah kalau katakan bahawa Kerajaan sebelum ini tidak ambil tahu dan tidak melakukan apa-apa kerana memang dah ada peruntukan di bawah RMKe-8 tetapi peruntukan itu setelah dibuat kajian saya ingat Pejabat Tanah dan Daerah boleh mengesahkan peruntukan itu tidak cukup untuk mengatasi masalah pemindahan penduduk di kawasan itu. Jadi, terpaksa memohon tambahan peruntukan dan telah pun diberi tambahan sebanyak RM200 juta untuk menyelesaikan isu ini, yang amat penting diselesaikan dengan segera jadi yang kita mahu dan kita tak menuduh Kerajaan ini tidak melakukan apa-apa kerana sebelum ini pun telah bermesyuarat banyak kali untuk mendapat satu rumusan, kaedah untuk menyelesaikan masalah ini untuk keselamatan dan menyelesaikan isu-isu yang berlaku. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Minta laluan. Saya ucapkan terima kasih dari Y.B Telok Ayer Tawar dalam Dewan yang mulia ini bagi satu penjelasan yang begitu saya boleh terima telah mengatakan bahawa tidak ada perancangan untuk meluaskan landasan *no extension to runway*, betul tak? *as far as you know that so much you know* tetapi siapa yang kata ada *extension to runway of the landing way*. Ya, bukan laluan kerana SDO dan juga ahli Y.B. Parlimen Tasek Gelugor juga kata *extension of the runway* ini bukti apa bahawa selalunya cakap bohong, di sini yang mengaku tidak ada apa-apa perancangan untuk *extension the runway* tetapi baru juga ada Y.B. Sungai Dua ada *extension to the runway* nah, saya jikanya ini adalah *approach way* dan dari segi keselamatan mengapa jemput orang bina rumah di sana untuk jadi *buffer zone*, adakah keselamatan untuk jadi mereka diri sendiri dan anak Malaysia jadi *buffer zone* you, memang tahu dari segi keselamatan ini ada *approach way*. *Approach way* bermakna tidak boleh ada rumah-rumah di sana dan jikanya ada apa-apa kejadian tidak akan terlibat nyawa manusia tetapi mengapa lagi jemput bagi tahu orang duduk di sana, mereka bukan setingan mereka bayar *this ground rental*....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Terima kasih ahli Y.B. Sungai Puyu kerana dia ambil masa yang panjang untuk memberikan penjelasan padahal dia pun tak tahu apa, bohong. Sebenarnya, cerita ini dah lama dan tidak siapa pun yang dijemput untuk membina rumah di atas tanah itu. Boleh bukti tak, kata ada jemputan Kementerian Pertahanan untuk mereka bina rumah, tidak. Bukan kata rumah dekat situ kilang pun banyak dibina di situ sebab itu, Kerajaan terpaksa memperuntukan hampir RM200 juta bagi menyelesaikan masalah. Sebab itu, kita minta Kerajaan beri kita kerjasama mempercepatkan proses mendengar perbicaraan berkenaan pampasan ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Sebab itu saya kata, sekejap, sikit lagi. Sebab itu, dengar dulu panggil dengar apa masalah mereka kemudian baru pertimbangkan kalau tidak dengar langsung macam mana nak tahu masalah siapa yang duduk secara sah, siapa yang duduk secara haram. Silakan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Saya tahu kerana kawasan sana saya *i know it like the back of my hand*, saya memang tahu sana ada kilang, kilang itu kilang siapa? Kilang itu pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dan mereka telah menggunakan begitu dan di sana juga ada satu pejabat MCA di sana. Cawangan MCA di sana atas tanah Kerajaan, adakah minta izin daripada Kementerian? Bila mereka guna tidak ada apa hari ini nak salahkan siapa dan saya boleh tunjuk bukti bahawanya ada rumah-rumah tertentu di kawasan sana yang bawa bayar *ground rental* saya tidak mengatakan bahawa Kementerian Pertahanan beri izin atau jemput mereka akan tetapi bahawanya pada masa ada jangan lupa *Royal Australia Air Force* telah menjemput orang bina rumah di sana dengan bayar *ground rental* saya boleh tunjuk bukti. Kalau saya tunjuk bukti apakah Y.B. Sungai Dua ingin untuk selesaikan perkara ini semua adakah bayar mereka adakah mereka yang jadi mangsa untuk *buffer zone* supaya mempertahankan keselamatan bukan *aircraft approach way*, tetapi anggota-anggota RAAF di sana dan kini juga untuk TUDM dan juga membuktikan bahawa selepas RAAF telah serahkan TUDM mereka masih juga kutip *ground rental* saya boleh tunjukkan ini semua ini satu cabaran.

Y.B. Dato' Speaker:

Tinggal 10 minit.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker, saya baru cakap tak sampai lima minit Y.B. Sungai Puyu dah bercakap 20 minit melebihi jadi mengatasi masa saya. Saya cuba nak minta saya dalam isu ini bukan nak mempertikaikan siapa duduk secara sah siapa duduk secara tidak sah. Itu bukan saya pertikaikan, apa yang saya pertikaikan di sini saya nak supaya Kerajaan Negeri memberikan kerjasama bagi mempercepatkan proses *hearing*, proses perbicaraan bagi menyelesaikan masalah ini supaya Kementerian Pertahanan dapat menjalankan projek mereka di situ dan Kerajaan dapat membelanjakan wang yang diperuntukan dalam RMKe-9. Ini yang saya minta kalau kita tidak bagi kerjasama kita duk marah Kerajaan Pusat kata Pusat tak bagi peruntukan kepada Negeri tetapi peruntukan yang ada tidak dapat dibelanjakan kerana tidak adanya kerjasama Kerajaan Negeri, ini yang saya *highlight* kan dalam ucapan saya, yang Y.B. duk p cerita panjang-panjang pasal itu buat apa.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Dato' Speaker, minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Silakan. Tengok Y.B. Dato' Speaker, saya nak bercakap pendek macam mana?

Y.B. Dato' Speaker:

Ia terpulang kepada Y.B. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ia di bawah RMKe-9, peruntukan untuk memindah setinggan-setinggan sana ada 8 juta dan di Dewan yang mulia ini terdengar bahawanya, akan diperuntukan RM200 juta kepada Kerajaan Negeri kami uruskan dengan segera kerana tadi telah mengatakan bahawa RM200 juta memang salurkan kepada Kerajaan Negeri dengan segera nombor satu. Yang kedua, saya akan mengatakan bahawa sehingga sekarang juga walaupun mengakui oleh Y.B. Telok Air Tawar bahawa langsung tidak ada perancangan untuk panjangkan *the landing way* hadnya dari segi keselamatan untuk *the approach way* tetapi apa yang diceritakan oleh Y.B. Sungai Dua adalah *extension of the runway*, dia tidak mengaku tetapi saya tahu walau macam mana pun dia tidak akan mengaku so kalau ada memang RM200 juta Kerajaan Negeri akan uruskan dengan segera. Serahkan RM200 juta.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Ya, silakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Minta laluan. Saya rasa kita tidak boleh mengesahkan apa yang kita tidak dapat maklumat sebenar dari perbincangan yang dibuat oleh Kerajaan sebelum ini adalah untuk memindahkan setinggan dan masa itu bajet RM8 juta memang tidak cukup jadi sekarang kalau sampai RM200 juta tentunya bukan sahaja untuk peruntukan memindahkan setinggan tentulah ada rancangan-rancangan lain saya tidak tahu jadi maklumat yang saya ada ialah dua tahun dahulu, sekarang perancangannya kita tidak tahu jadi tidak perlulah kita membuat andaian-andaian.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Baiklah kalau tidak tahu saya cuma boleh kata Y.B. Telok Ayer Tawar tahu sedikit tidak yang lain tidak tahu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker, keseluruhan projek itu RM200 juta yang ini nak kena bagi penjelasannya dia bukan RM200 juta nak bagi Kerajaan Negeri dia keseluruhannya projek dia tajuk projek dia kalau kita tengok RMKe-9 menaik taraf landasan lapangan terbang TUDM Butterworth. Ini projeknya, sebab itu saya rasa Y.B. Sungai Puyu semak balik. Y.B. Dato' Speaker, saya nak pergi kepada isu lain saya cuma nak minta pengesahan daripada Ahli Y.B. Sungai Puyu dalam jawapan bertulis yang saya minta, Y.B. Sungai Puyu mohon maaf kepada sayalah dalam jawapan bertulis saya minta kepada Y.B. Sungai Puyu sila senaraikan nama rakyat miskin tegar di dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Dua. Y.B. Sungai Puyu menjawab rakyat miskin tegar

yang ada dalam Dewan Undangan Negeri Sungai Dua sebanyak 70 orang tetapi apabila saya semak dalam kawasan Sungai Dua cuma ada 68 orang dan dua orang adalah daripada DUN Sungai Puyu. Saya minta Y.B. Sungai Puyu bangun dan memohon maaf kerana jawapan yang salah diberikan kepada saya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Dato' Speaker, saya akan siasat kerana apabila nama dan senarai akan dibagi saya akan siasat daripada sana dan akan jawab semasa penggulungan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Terima kasih, kerana di sini dicatat Sungai Puyu dua tak apa masa jawab.... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ini telah bukti bahawa ada ketelusan di mana kawasan saya ada tulis... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Masuk Sungai Dua, kena minta maaf. Tak apa jawab nanti minta maaf kemudian. Y.B. Dato' Speaker, kalau kita melihat kepada bajet Kerajaan Negeri pula, kita tidak dapat lihat bahawa Kerajaan Negeri hendak membina rumah kos rendah untuk rakyat tidak ada dalam perancangan Kerajaan Negeri bagi membina rumah kos rendah untuk rakyat di Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri nampak banyak bergantung kepada projek-projek pihak swasta, suruh swasta saja bina rumah kos rendah tetapi sebagai satu Kerajaan yang prihatin dan kata nak bela rakyat semua untuk rakyat kurang pendapatan, rakyat miskin kita seharusnya merancang untuk membina rumah kos rendah dengan lebih banyak selaras bagaimana yang kita lihat berapa ramai rakyat memerlukan rumah dan kita harap Kerajaan Negeri dapat melihat benda ini dan saya juga kesal kerana saya melihat dua projek perumahan kos rendah Kerajaan Negeri yang telah dibina begitu lama, sampai sekarang belum diduduki, tidak habis lagi orang duduk, rumah makin usang dan rumah semakin teruk.

Yang pertama rumah di Padang Cempedak, rumah kos rendah di Padang Cempedak, yang kedua Rumah Kos Rendah di Padang Besar, Tasek Gelugor, dua projek ini saya tidak tahu pasal apa dibiarkan begitu lama untuk Kerajaan mengatasi masalah hendak memenuhkan ataupun hendak mengisi orang masuk supaya bagi penuh, banyak lagi kosong tidak tahu apa lagi masalah yang berlaku. Begitu juga sampai sekarang ini kita belum dapat melihat tindakan-tindakan Kerajaan bagi menyelesaikan masalah projek-projek perumahan yang tergendala.

Y.B. Dato' Speaker, saya juga melihat bahawa kurangnya perhatian yang serius oleh Kerajaan Negeri dalam bidang sukan, kalau kita lihat tahun 2008 ini tidak ada kejayaan yang cemerlang dalam bidang sukan yang dicipta rakyat Negeri Pulau Pinang, cuma kita bangga Nicol David seorang yang telah lama berjaya, tetapi kita belum melahirkan lain-lain tokoh-tokoh sukan untuk Negeri Pulau Pinang, tahun 2008 tidak ada langsung kejayaan dalam bidang sukan tidak boleh dibanggakan langsung. Kita memang telah lama buat sukan Pulau Pinang SUKPEN ini kita tidak dapat lagi melahirkan atlet-atlet yang berjaya di Negeri ini, belum dapat kita lahirkan, sedangkan SUKPEN telah berapa tahun kita hantar ke SUKMA dan sebagainya tetapi kita belum

dapat, kenapa benda ini berlaku kita melihat Kerajaan Negeri tidak serius untuk membangunkan sukan di Negeri Pulau Pinang. Yang pertama kita melihat hendak membuat SUKPEN untuk peringkat Negeri ini, satu daerah hanya diberi RM30,000.00

sahaja untuk menghantar semua kontinjen untuk mengambil bahagian di SUKPEN, tahun ini kata hendak buat di Barat Daya, RM30,000 termasuk kos pengangkutan orang Barat Daya mungkin mereka tuan rumah tiada masalah, orang Seberang Perai Utara RM30,000.00s pengangkutan dan sebagainya hendak tanggung semua atlet macam mana hendak tanggung kos latihan atlet-atlet sebab itu kita tidak dapat mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang sukan di Negeri Pulau Pinang, sebab itu kita melihat tidak ada yang kita dapat lahirkan sebab itu kita harap Kerajaan Negeri lebih serius dalam usaha hendak memastikan kita dapat melahirkan atlet-atlet yang berjaya bagaimana dahulu orang tahu Pulau Pinang melahirkan atlet kalau kita cakap bidang bola sepak sendiri pun kita lihat hari ini Pulau Pinang paling teruk, duduk ke bawah tidak boleh naik. Dahulu kita bangga kerana Pulau Pinang mempunyai ramai pemain-pemain bola sepak, seperti Namat Abdullah, Ali Bakar, Shukur Salleh kita bangga banyak mereka ini mewakili Negeri Pulau Pinang mewakili peringkat Negara kita bertanding sampai Jerman di Olimpik tetapi sekarang ini tidak ada yang boleh kita banggakan dan kita langsung tidak mendapat apa-apa kejayaan tidak dapat membanggakan peringkat Negeri Pulau Pinang. Sebab itu rasa benda ini perlu dibuat sesuatu supaya Pulau Pinang tidak tenggelam dalam arus pembangunan sukan di Negara kita.

Y.B. Dato' Speaker, kita juga melihat dalam bidang pendidikan Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan untuk Sekolah Agama, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, Cina, dan Mubaligh sebanyak 11.3 juta, seperti selalu juga kita melihat sekolah-sekolah kebangsaan dianaktirikan tidak diberi peruntukan oleh Kerajaan Negeri seolah-olah Kerajaan Negeri beranggapan Sekolah Kebangsaan biarlah Kerajaan Pusat jaga tidak penting bagi Kerajaan Negeri, pendidikan dia merangkumi semua.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Terima kasih, Y.B. Sungai Dua, katakan Sekolah Kebangsaan kita tidak diberi dianaktirikan saya memang tidak setuju sebab saya nampak banyak Sekolah Kebangsaan kerusi, meja sampai terlebih sampai mereka simpan di stor tidak guna sebab Pusat Kerajaan memang terlampau yang selama 50 tahun terlampau jaga mereka dan kita nampak di Sekolah Tamil, Cina dan lain-lain yang meja kerusi tidak sama *standard* tinggi mengapa sebab mereka potong *repair* guna semula, jadi katakan kita tidak pentingkan tidak jaga Sekolah Kebangsaan itu memang tidak betul saya rasa Y.B. Sungai Dua pun tahu apa suasana Sekolah Rendah Cina dan Tamil dan lain-lain janglanlah cakap tidak benar.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya bukan bercakap benda tidak benar, saya bercakap berdasarkan teks ucapan yang telah dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam teks ucapan itu yang Y.A.B. Ketua Menteri telah memperuntukkan 11.3 juta untuk Sekolah Agama, Sekolah Rendah Kebangsaan Cina, Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil dan Sekolah Mubaligh yang saya pertikaian tidak dimasukkan sekolah-sekolah kebangsaan banyak lagi sekolah-sekolah kebangsaan yang memerlukan bantuan seperti menaik taraf dia punya pusat sumber dan sebagainya. Kita kena melihat keseluruhan bukan melihat skop yang kecil dalam soal pendidikan kerana dalam soal pendidikan ini dia bidang luas kalau kita tidak beri peruntukan dari segi pembangunan fizikal kita boleh beri juga pendidikan untuk

bidang menaik taraf pendidikan murid-murid itu supaya memberikan mereka menjadikan pelajar yang cemerlang program-program kecemerlangan pelajar peruntukan khas untuk program kecemerlangan, bukan di segi fizikal semata-mata, kerana kalau kita hendak

kira dari segi fizikal Kerajaan Pusat telah memperuntukkan yang banyak dalam soal peruntukan fizikal ini. Pembangunan, saya tengok kalau di Sekolah Cina sendiri Kerajaan Pusat banyak bagi bantuan, Sekolah Rendah Kebangsaan Cina ada 51 projek di Pulau Pinang yang berjumlah 2.365 juta dan juga untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil 3.845 juta yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Pusat dan juga projek pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Phee U 3 juta 3 blok bangunan tambahan dan sebagainya sebab itu saya kita bukan mempertikaikan tetapi kita apa yang saya sebut di sini bahawa kenapa pemberian peruntukan yang diletakkan oleh Kerajaan Negeri sebanyak 11.3 juta mengetepikan hak rakyat di Sekolah Kebangsaan, ini yang saya pertikai.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Terima kasih, Y.B. Sungai Dua, adakah menafikan di Rancangan Malaysia seterusnya datang dan semua peruntukan untuk pendidikan adakah seimbang kepada Sekolah Menengah Cina ataupun Tamil dan Sekolah Rendah Cina, Tamil itu, ada seimbang dari Rancangan Malaysia Ke-8, Ke-9 ataupun dari 7, 6? berapa peratus Sekolah Rendah Cina, Tamil dapat dan berapa murid dari Sekolah Cina, Tamil dan peratusan yang itu peruntukan adakah itu seimbang. Kalau tidak seimbang apa yang Kerajaan Negeri buat cuma *turning* balik sedikit.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Duduk balik, saya hendak jawab, Y.B. Dato' Speaker, saya ingat Y.B. daripada Padang Lalang dia perlu dapat gambaran yang jelas kenapa sekolah-sekolah ini diberi bantuan modal oleh Kerajaan kerana sekolah-sekolah ini tidak mahu jadi status sekolah Kerajaan, kalau dia mahu jadi status sekolah Kerajaan, Kerajaan boleh bagi bantuan seterusnya tiada masalah, tetapi walaupun dia sekolah bantuan modal Kerajaan tidak pernah meminggirkan mana-mana sekolah yang ada dalam Negara kita baik Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Tamil ataupun Sekolah Mubaligh tidak pernah mintalah tentu Kerajaan akan pasti memberikan, ini yang saya tekankan di sini sebab itu saya harap kita jangan melihat dari segi fizikal tetapi bantuan seterusnya harus kita melihat bagaimana kita hendak melahirkan kecemerlangan pelajar-pelajar di sekolah itu sendiri baik di Sekolah Kebangsaan, baik di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, Tamil dan sebagainya ini yang kita mahu kerana kita mahu melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang di Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, kita kalau melihat kawan-kawan saya telah pun telah sebut, saya pun hendak menyebut dengan lebih terperinci kalau kita melihat lawatan-lawatan yang dibuat oleh Ketua Menteri dan Ahli-ahli EXco Negeri Pulau Pinang memakan belanja yang besar melalui setengah juta ringgit dalam tempoh dari bulan Januari hingga bulan September 2009 dan dari Januari hingga September 2009 terdapat 27 lawatan yang dibuat oleh Ahli-ahli Exco ini, kalau kita melihat secara terperinci pada Y.B. Timbalan Ketua Menteri, daripada Perai ada tiga kali melawat ke luar Negeri dalam bulan Januari sampai bulan September, tiga kali boleh sebut, saya boleh sebut saya sebut yang pertama Y.B. Perai ke Jakarta, Indonesia pada 4 Januari 2009 yang kedua pada 7 Januari 2009 hingga 9 Januari 2009 di Kementerian Luar Negeri India, Kementerian Luar India, tahun 2009 sudah lupakah, bulan satu lupa tak mengapa, nanti

saya cerita tambang. Yang ketiga lawatan kerja Delegasi Kerajaan Negeri ke Aceh 6 Ogos, ini nama ada, tulis tidak pergi.

Timbalan Ketua Menteri II:

Inilah Sungai Dua, memang nama saya ada saya tidak pergi *you* mesti *check* betul juga awal-awal saya pergi ke Jakarta, mengenai cukai yang dikenakan kepada pelancong-pelancong yang akan keluar dari Indonesia, saya buat satu perundingan dengan bekas wakil Presiden Indonesia Yusof Khalah supaya isu pelancongan, India cuma saya dapat tambang kapal terbang tidak ada kos lain, Aceh ini tidak betul saya tidak pergi Aceh sila betulkan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Sebenarnya Y.B. Dato' Speaker, bukan saya yang kena betulkan, jawapan ini diberi oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan saya minta Y.A.B. Ketua Menteri sekali lagi memohon maaf kepada saya dan juga semua Ahli Dewan kerana memberi jawapan yang tidak betul. Y.B. kata Ketua Menteri yang tidak betul bukan saya yang tidak betul, Ketua Menteri yang tidak betul. Tidak mengapa masa menggulung minta maaf, yang kedua Y.B. Lau Beng Kiat, tidak ada, saya lupa Y.B. Law Choo Kiang, Y.B. nanti sekejap saya tengok betul-betul, mata baru terang, Okey Y.B. Batu Lancang, Law Heng Kiang, Batu Lancang sebanyak lapan kali, mahu baca hendak baca tidak payah baca, kalau kata saya baca, saya baca oleh sebab promosi pelancongan tetapi kalau kita promosi pelancongan kita tarik berapa ramai yang kita tarik datang daripada Negara yang kita pergi, Y.B. pergi ke China berapa ramai orang China telah datang ke Pulau Pinang saya tengok Y.B. pergi 2.1.2009 berapa ramai pelancong daripada China datang ke Pulau Pinang dan juga, tidak mengapa nanti jawab.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. daripada Sungai Dua, masa telah tamat, Y.B. hendak sambung lagi, kita tangguh, Y.B. Sungai Dua boleh sambung selepas tengah hari nanti. Dewan ditangguhkan dan akan disambung semula pada pukul 2.20 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Dewan bersambung semula pada jam 2.25 petang..

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya ingin menyambung perbahasan saya tadi, sepertimana yang kita sedia maklum dan ketahui bahawa lawatan-lawatan yang dilakukan oleh Ahli-ahli Exco ke luar Negeri tadi, tadi kita sampai kepada Ahli Batu Lancang, Law Heng Kiang lapan kali. Lapan kali lawatan yang telah dibuat. Y.B. dari Bagan Jermal tiga kali, tapi yang saya hairan Y.B. dari Bagan Jermal ni pada 8 Januari 2009 hingga 12 Januari 2009 dia menghadiri *Asean Tourism Forum*, pasal apa hantar dia pergi ke *Asean Tourism Forum*? Sepatutnya Y.B. Batu Lancang?

Y.B. Tuan Speaker, kepada keseluruhannya kita melihat bahawa Y.B daripada Batu Maung menghadiri lawatan ke luar Negeri sebanyak 10 kali di mana perbelanjaan bagi beliau seorang mengikuti lawatan ini iaitu sebanyak RM174,755,000.00, di mana perbelanjaan terbesar adalah lawatan beliau pada 20 Mac 2009 hingga 15 April 2009 penyertaan Kerajaan Negeri ke Pekan Raya Sumatera Medan Utara, Medan perbelanjaan sebanyak RM174,100.00 ini perbelanjaan yang besar, Medan. Ke Medan sahaja membelanjakan RM134,000.00 tak tahu tetapi Yang Berhormat Tuan Abdul Malik bin Abdul Kasim seorang nama yang disenaraikan di sini. Manakala penyertaan beliau dengan dua orang atau tiga orang Ahli Exco lain berjumlah RM66,025.00. Manakala Yang Berhormat Batu Uban sahaja membelanjakan, minta maaf Batu Maung, lepas pukul dua dia lain sikit. Pasal bantu banyak sangat payah.

Perbelanjaan daripada Januari sehingga September adalah RM449,005.00 di mana lebih dari separuh ini membiayai perbelanjaan perjalanan daripada kawasan Batu Maung sebanyak 10 kali lawatan. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya amat berharap mereka ini bukan sahaja pergi melawat tetapi hasil daripada itu perlu dikemukakan di Dewan Undangan Negeri yang mulia ini untuk kita melihat kesan kita pi mengenai melancong, jangan melencong melancong berkenaan pelancongan balik kemukakan kejayaan-kejayaan dalam pelancongan yang perlu kita lihat lain-lain pula misi-misi perdagangan kita nak lihat berapa ramai pedagang-pedagang boleh tarik ke Pulau Pinang dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam bajet Kerajaan Negeri juga kita dapati bahawa tidak ada peruntukan disediakan untuk membiayai elaun Guru-guru KAFA. Tak ada. Peruntukan yang disediakan dalam bajet ini hanya disediakan hanya untuk pengurusan harta modal dan peralatan pembinaan pembaikan dan tahun ini ada *ex-garcia* tahun depan tak ada saya ingat.

Kalau kita melihat Guru-guru KAFA sekarang ini mendapat elaun mereka hanya daripada Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri tidak menanggung sebarang pembiayaan untuk pembayaran elaun kepada Guru KAFA, kalaulah Kerajaan Negeri mencontohi Negeri-Negeri lain. Kerajaan Negeri lain dia menambah kalau kata Kerajaan Pusat bagi RM500.00 sebulan Kerajaan Negeri tambah RM300.00 lagi jadi RM800.00. Jadi dalam keadaan RM800.00 boleh tahan. Kalau RM500.00 saya rasa masih dalam keadaan teruk dan saya rasa kita kategorikan mereka sebagai miskin tegar. Kerajaan Negeri mesti prihatin dalam masalah ini untuk membantu Guru-guru KAFA ini. Yang kedua, kita melihat usaha nak mencemerlangkan Guru-guru agama ini tidak ada peruntukan yang disediakan untuk mengadakan sebarang kursus atau latihan kepada Guru-guru KAFA di Negeri Pulau Pinang. Tidak ada peruntukan yang disediakan dan juga kita melihat Jawatankuasa Pelaksanaan KAFA di Negeri Pulau Pinang ini ada tetapi tidak berfungsi dengan sebaiknya kurang mengadakan mesyuarat, dan menyebabkan tidak dapat membuat kajian menyeluruh tentang prestasi pendidikan Guru KAFA di Negeri Pulau Pinang ini. Dan kita melihat Ujian UPKK Ujian Penilaian Kelas KAFA memang prestasinya tidak membanggakan.

Sebab itu kita harap Kerajaan Negeri di bawah jawatankuasa ini perlu mengaktifkan jawatankuasa ini dan memastikan bahawa UPKK ini mencapai sepanduk yang diharapkan bagi membolehkan pelajar-pelajar daripada Sekolah Agama Rakyat ini dapat masuk ke Sekolah Menengah Agama dengan lebih berkesan. Sekarang

pendidikan kelas Kafa hanya terhenti di peringkat rendah sahaja. Habis sekolah habis, mereka tidak ke Sekolah Menengah Agama mereka terpaksa ke Sekolah Menengah biasa untuk ke sekolah-sekolah lain.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita lihat bahawa kualiti air di Negeri Pulau Pinang ini masih di tahap yang teruk. Buka-buka paip kadang-kadang air merah turun. Kadang-kadang kita nak mandi pun kualiti air masih. Sebab itu kita rasa ini boleh dipertingkatkan, ini boleh dibaiki lagi kerana kualiti air ini merupakan asas terpenting kepada kehidupan masyarakat. Kadang-kadang Ketua Menteri kata rakyat banyak buang air. Tetapi kalau kita sebenarnya melihat air terbuang dengan banyak kerana kadang-kadang paip-paip bocor ini lambat diperbaiki dan kemudian ada kawasan-kawasan tertentu *main pipe* dia ada masuk dalam kampung kena pasang sendiri dan bila nak sampai banyak bocor di merata tempat dan banyak pembaziran berlaku. Kita harap Kerajaan Negeri melalui PBA memastikan bahawa kita memberi inisiatif kepada penduduk yang nak masuk bekalan air. Sekarang masalahnya, kita nak masuk bekalan air bukan sahaja lewat sepertimana saudara saya dari Sungai Aceh beritahu tetapi kos yang dikenakan oleh PBA untuk masuk air ke rumah terlalu tinggi kadang-kadang membebankan penduduk yang berkenaan.

Dia kata *plan* itu *plan* ini, *plan* rumah batu harga lain, rumah kayu harga lain *plan* sekerat batu lain papan lain. Macam-macam sangat dan sebagainya. Perlu ada rumah perlu ada rumah kampung perlu ada *tank* kat atas rumah ini semua agak membebankan kepada penduduk. *Charge* yang dikenakan diharap PBA dapat kurangkan PBA juga kita minta dapat kurangkan untuk pemasangan air di Dewan-dewan Orang Ramai kerana Dewan-dewan Orang Ramai ini sepatutnya kita minimumkan *charge* itu. Tetapi PBA mengenakan *charge* itu begitu tinggi di Dewan Orang Ramai, sepatutnya dilihat dan dikaji semula oleh pihak PBA.

Y.B. Tuan Speaker, antara Laporan Audit kita lihat prestasi syarikat Kerajaan Negeri salah satunya PDC Setia Urus, di mana kita dapati syarikat ini didapati tiada strategi dan kemudian syarikat ini mengalami kerugian dari tahun 2008 sebanyak RM99,250.00 dan sehingga kini syarikat ini belum lagi mengisi 19 jawatan daripada 130 jawatan. Y.B. Tuan Speaker, dari segi pelancongan juga saya harap Kerajaan Negeri lebih serius kerana saya dapati bahawa promosi-promosi pelancongan yang dibuat hanya menumpukan promosi di pelancongan di pulau sahaja. Di mana sebelah Seberang Perai masih dianaktirikan oleh Kerajaan Negeri. Manakala Y.B. daripada Sungai Bakap kata kawasan di Seberang Perai Selatan ada kawasan yang boleh dikembangkan sebagai sektor pelancongan tetapi tidak diberi perhatian. Begitu juga terbiarnya Pusat Rekreasi di Air Itam Dalam Seberang Perai Utara dan sebagainya. Sebab itu kita harap Kerajaan Negeri perlu seimbangkan supaya ada pelancong kerana pelancong ini dia suka ke kawasan pendalaman. Kita banyak *homestay* dan sebagainya supaya mengenai tarikan kepada mungkin Y.B. Batu Lancang dia pergi sampai Jerman dan sebagainya mungkin orang Jerman dia nak tengok suasana kampung.

Dia bukan nak tengok suasana bandar sangat mungkin boleh alih perubahan dan sebagainya jadi kita harap Kerajaan Negeri memandang serius tentang sektor pelancongan ini kerana sektor pelancongan ini memberikan pulangan yang baik kepada Kerajaan Negeri. Yang Amat Tuan Speaker, itulah yang saya dapat cakapkan diberikan perhatian dan kita berharap perancangan dapat dijalankan dan sekali lagi kita memberi penekanan bahawa perlunya ada kerjasama Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat bagi memastikan Negeri Pulau Pinang mendapat manfaat dan faedah. Saya harap Ketua Menteri jangan dok berkelahi dengan Pegawai Pembangunan Negeri dan sama-sama cari jalan bagaimana kita nak mengatasi masalah dan tidak menuduh Kerajaan

Pusat yang nak *block* kita dan sebagainya. Tetapi Kerajaan Pusat memerlukan kerjasama dari Kerajaan Negeri untuk meneruskan perancangan pembangunan yang telah dirancang oleh Kerajaan baik dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ataupun yang ke 10 akan datang. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih. Sekian.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Dipersilakan Ahli Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Terima kasih. Assalamualaikum. Salam sejahtera. Terima kasih kerana memberi saya peluang dalam perbahasan hari ini. Sejak dari pagi tadi tunggu hari ini waktu ini baru boleh berpeluang. Tak apa. Perkara pertama yang nak saya bangkitkan di sini ialah Kerajaan dan penyokong nampaknya seronok dok buat tuduhan. Tuduhan-tuduhan yang tak berasas banyak yang kita dengar, kelmarin Seri Delima maaf dia tak ada di sini. Menuduh dalam paper SUN itu, dan ini. Saya tak mahu dia desak terpulang pada dia. Sebagai seorang *gentleman* sebagai seorang wakil rakyat terserah kepada dia sama ada dia nak tarik balik atau tidak. Ternyata tuduhannya itu tidak benar. Sama juga dulu bukan juga ini pertama kali saya dituduh. Dulu pun Datok Keramat menuduh saya menggunakan bilik VIP di *airport*. Saya cari bukti memang nama saya tak ada. Memang laporan ini ada. Daripada *Malaysian Airport Authority* cari sendiri nak buktikan bahawa saya bukan berada di situ.

Kemudian tadi, Pantai Jerejak pun tuduh juga tentang Pasar Raya Sumatera Utara kononnya PERDA pergi tapi tak ambil bahagian dalam majlis perasmian kerana itu majlis perasmian itu cacat. Itu dan ini. Masa ucapan dia saya diam sahaja. Tapi bila Y.B. Datok Keramat bangkitkan pasal PERDA dia sambung lagi jadi saya ingin betulkan. Yakni PERDA tidak mengambil bahagian dalam rombongan Kerajaan Negeri. Usahawan-usahawan PERDA pergi mengikut rombongan Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang dan tidak terlibat dalam pameran kawasan Medan Fair itu. PERDA ataupun usahawan-usahawan PERDA mengambil bahagian di Pameran Carefour iaitu di luar kawasan. Di luar kawasan Medan Fair. Tidak terlibat. Jadi itulah perkara-perkara yang harus kita perhatikan sebelum membuat ucapan tolonglah perkataan yang sesuai kerana banyak dari kita di sini baru, selidik kaji betul-betul dan dapatkan fakta sebenar baru bercakap. Saya tak syok nak *hit* walaupun petang-petang nak bagi hilang mengantuk tabuh sahajalah. Bam, bam, bam senang saja.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta laluan. Medan Fair 2009 adalah satu pameran yang cukup penting untuk Negeri Pulau Pinang untuk menembusi Sumatera Utara. Jadi kami adakan program berbagai-bagai kita jemput T.Y.T pergi untuk rasmikan Penang Fair di Pavillion. Sudah telah diberikan kepada ramai *bisnes-bisnes* pegawai PERDA dan mereka janji nak datang tetapi saat-saat akhir terima telefon pula kata tak boleh pergi ini satu sabotaj. Saya tak tahu telefon itu daripada siapa tetapi saya tanya kenapa tak perlu pergi kerana mereka pun dari Pulau Pinang tambahan T.Y.T wakil kita punya ketua di Medan Fair, rasmikan Pavillion Pulau Pinang tidak bagi mengapa? Saya nak tanya.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker, saya dah jelaskan tadi usahawan tak terlibat dengan Medan Fair, dia buat promosi di Supermarket Carefour dia tak letak pun produk dia di Pavillion

itu. Itu Kerajaan Negeri Pulau Pinang urus buatlah urusan pameran di tempat lain. Tak masuk pun dalam itu. Itu terpulanglah usahawan itu untuk pergi ke tidak usahawan itu.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Jangan putar belitkan dan main politik.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Saya tidak bagi pun kebenaran. Sila duduk, sebentar lagi saya bagi kalau minta, bukan politik. Itu usahawan itu sendiri. Yang pergi hantar mereka itu, yang pergi, tambang dan sebagainya, mereka pergi membuat promosi barang-barang mereka. Silakan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Program-program kat PERDA program yang dekat ini Carefour sebenarnya adalah salah satu daripada program *Medan Fair* yang dianjurkan oleh SUK Pulau Pinang. Jadi sekarang kami minta *participant* daripada PERDA sama-sama kita menembusi sekali dengan *Pavilion* kita naikkan dengan nama Pulau Pinang di *Pavilion* dan juga di juga di Carefour dan program ini adalah juga program-program usaha sama *Integrated* sekali dan jadi kami sudah bagi senarai program-program jemputan dan sebagainya dan ketua rombongan adalah T.Y.T dan sekarang apa ini peniaga-peniaga di bawah tajaan PERDA juga adalah salah satu daripada rombongan Pulau Pinang. Kenapa tidak bagi muka kepada T.Y.T. apabila T.Y.T. buka *Pavilion* Pulau Pinang tidak *boycott*, mengapa, terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Bercakap pasal *Medan Fair*, saya dah lama dah terlibat puluh tahun dah tak payah cakap la *Pavilion* itu dan sebagainya memang saya ada bagi tau tadi bahawa usahawan-usahawan itu sedang membuat jualan dan promosi mereka di Carefour mungkin pada ketika itu mereka lebih mementingkan aktiviti-aktiviti jualan mereka, bukan kita nak suruh mereka pergi siapa nak jaga barang mereka dan sebagainya. Mengapa nak sibuk sangat apakah tanpa penyertaan daripada usahawan-usahawan yang dibimbing oleh PERDA maka perasmian itu tak jalan. Lucu. Tadi juga Batu Uban saya tak tau malam tadi dia makan apa, tebuank, kerengga ka, dia punya deras suara dia, sampai dia hentam SPRM tak boleh dipercayai Polis tak boleh dipercayai hakim pun sekarang sudah menjadi keraguan kepada pihak Pakatan Rakyat ataupun Kerajaan Pulau Pinang. Cuma satu yang belum lagi iaitu askar. Askar yang belum lagi diusik tetapi di Kelantan dah diusik. Tak mau la usik sangat Permatang Pasir ini. Tapi salah seorang daripada pemimpin Pakatan Rakyat cuba usaha untuk menjatuhkannya oleh Kolonel Mat dah dia tarik askar pula. Di Pulau Pinang hati-hati Y.A.B. Ketua Menteri saya khuatir tanah yang didiami oleh setinggan-setinggan di Sungai Puyu itu jangan terdetus menjadi perbalahan dengan askar pula. SPRM tak boleh, Polis tak boleh, askar tak boleh janganlah sampai menjadi perbalahan dengan askar. Hati-hati dan jaga kerana tak elok kita tak mau.

Y.B. Tuan Speaker, tadi juga dibangkitkan oleh Datok Keramat panjang lebar saya nak bercakap tadi dia kata tak boleh tak boleh, saya saya bercakap mengenai dengan PERDA Azhar kata, Penang State nak *strangles* PERDA betulkan? Tak

payahlah tunjuk saya la apa la memang saya pengerusi PERDA. Sebenarnya saya itu *statement* saya, saya jawab. Pertama sekali yang menimbulkan ini ialah mengenai dua keping tanah saya ulang balik, Y.A.B. Ketua Menteri bergesak dengan *news paper*

sekarang dah saya tahu *once and furore* ia ini tentang projek pembangunan di Sungai Batu Telok Kumbar Pulau Pinang, lot 105 dan lot 105 Telok Bahang dua ia ini di Telok Kumbar. Kedua-dua *paper* ini Telok Kumbar dan juga Telok Bahang dikemukakan untuk membuat ubah syarat jadi tiada ke pembangunan yang Telok Bahang daripada kawasan pelancongan terhad kepada pembangunan. Kita mula menghantar daripada 12 Februari 2008. PERDA mengemukakan permohonan ini disimpan diperap berjumpa dengan Y.B. Batu Maung empat kali iaitu pada 25 Februari, 23 Mac, 12 Februari dan 19 Jun apa pun tak ada. Lepas tu jumpa dengan Penanti 12 Oktober apa pun tak ada. Bila diasak dengan pertanyaan, soalan *news paper* dalam ini semua barulah timbulnya syarat-syarat. Mula-mula di Sungai Batu, PERDA merancang nak buat lebih kurang 316 unit, 56 unit rumah kos rendah dan 81 unit rumah kos sederhana. Kemudian Kerajaan Negeri akhirnya kata boleh buat setuju dari segi prinsip daripada 81 unit kos sederhana itu dia minta buat 210 unit bukan tambah sikit tau daripada 81 jadi 210 unit campur 56 dengan 210 unit ini sudah jadi 49% rumah kos rendah dan sederhana rendah. Itu yang dikatakan cekik tu, garis panduan ialah 30% tetapi apa pasal PERDA bila buat dikenakan sampai 49%. Sama juga di Telok Bahang, nak buat rumah dulu 1300 unit *ok* lah tak boleh buat. Itu kawasan pelancongan terhad ubah buat hotel tiga bintang nak buat 40 biji banglo dan lapan *town house* sebuah *club*. Kita nak buat hotel tiga bintang kerana nak menghidupkan Taman Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Penjelasan. Tadi Y.B. Dato Penaga ada mengatakan bahawa 40 unit banglo, berapakah harga setiap banglo itu?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Kita bergantung kepada pasaran. Soal banglo ini rumah PERDA jawab beratus dah kami buat banglo, kalau Y.B. pergi ke Sungai Pinang, Balik Pulau, rumah *low cost* banglo pun sedang duk didirikan. *Low cost* banglo, banglo isitilahnya ialah sebiji-sebiji, pergi dekat Kuala Muda, Penaga, rumah banglo sebiji atau sebuah-sebuah RM 12 ribu jadi Telok Bahang ini kita akan tetapkan harga bila kita bina, bergantung kepada permintaan. Ini permintaannya ialah PERDA dah buat 8500 unit lebih rumah di Pulau Pinang sebiji pun tak ada yang tak laku. Semua laku, siapa yang buat rumah besar-besar kalau tak laku, itu persoalan dalam soal ini, jadi kalau kita nak buat dalam 40 biji buah rumah banglo diletakkan syarat *low cost* tak ada ok kita buat rumah *low cost* 100 biji di dalam KADUN yang sama beli tanah tambah nak buat 100 biji *low cost* sampai saat ini kita belum lagi mendapat keputusan sama ada lulus atau tidak. Itu dimaksudkan. Perkara yang kedua ialah tentang satu lagi iaitu projek pembangunan Permatang Pasir oleh JKP Sdn. Bhd. Jawatankuasa Penyertaan Bumiputra nak buat di Permatang Pasir Balik Pulau, yang ini pula nak minta dalam SPC, nak ubah pelingkungan untuk membinakan rumah mereka pun cadang nak buat rumah sebanyak 213 unit dan 72 unit itu adalah rumah kos rendah dan sederhana rendah 30%. Dalam Mesyuarat SPC, Kerajaan Negeri menetapkan bahawa bukan 72 biji tetapi 200 biji *low* dan *low medium cost* 200 daripada 72 *jump* pi 200. Hari ini JKP dah rasa tak mampu dia tak boleh buat. Dia tak boleh buat. Bukan macam PERDA bukan cari untung, yang tadi Datuk Keramat kata PERDA belanja duit banyak, memang, tujuan itu ialah PERDA membangunkan ekonomi penduduk luar bandar. Kami dapat duit kami belanja, kami

bukan cari duit, kami belanja, habis duit kami minta lagi, habis duit kami minta lagi. Ini tak untuk kegunaan rakyat, ini yang masalahnya.

Ketiga, UDA pun kena juga. UDA nak bina 1000 unit di Tanjung Tokong tapi tak dibenarkan kekalkan sebagai Kampung Warisan, itu Kampung Warisan 300 keluarga, *extended* keluarga dan sebagainya sekarang rakyat tunggu dia tak benarkan. Jadi apakah Kerajaan Negeri langsung tidak bekerjasama dengan agensi Kerajaan Pusat tau hentam bubuh saja 72 minta 281 minta 210, kalau ada *developer* dengar macam itu *developer* pun lari saja. *Developer* pun lari. Inilah kalau ingatlah janganlah jawab pada saya *we are the people centric* jangan tunggu lama ia sebab itu kita minta saya pula boleh bertanya Kerajaan Negeri buat berapa biji rumah berapa buah yang duk bangun lebih kurang 700 yang PDC duk buat Kerajaan lampau Kerajaan dulu yang sedang membina. Setakat ini setahu saya belum ada satu *land* pun lagi nak buat rumah kos rendah bahkan PERDA *for that matter* kita bukan saja buat rumah kos rendah terendah buat rumah *free* pun kita buat di Kampung 20 Penaga, 42 unit sila pi. Rumah teres tiga bilik tidur duduk percuma pada rakyat termiskin, kemudian di Indera Timbalan di SPS, 60 unit duduk percuma, esok ini kalau keluarga itu sudah terkeluar daripada golongan miskin tegar mereka kena keluar daripada rumah itu orang lain pula duduk.

Dalam perancangan ialah di Paya Tok Akil ini ialah 57 unit nak buat rumah kos rendah nak bagi orang yang termiskin duduk percuma, ini dia pasal isu perumahan, kalaulah bubuh sampai *now* 49% itu, seperti saya katakan pemaju pun tak sanggup ini yang dicekik PERDA ini, itu yang maksudnya. Dan seterusnya saya tengok dan saya tak faham dengan Kerajaan Negeri ini pun nak bina Bomba di Batu Kawan, PDC minta dengan harga RM18.00 sekaki persegi, tapi yang anehnya, Jabatan Penilaian Harta menilaikan hanya RM14.00 sekaki persegi mengapa PDC sangat nak sangat sampai RM18.00, bukankah membina Pusat Bomba itu adalah kepentingan masyarakat, kepentingan rakyat di kawasan itu, kalau bayar RM18.00 bajet *burst*, bajetnya ialah RM15 juta. Jadi siapa yang dipersalahkan inilah harus Kerajaan Negeri memikirkan semasak-masaknya kalau jadi sesuatu esok Balai Bomba itu tak didirikan di Batu Kawan, Kerajaan Negeri bertanggungjawab, rakyat jangan menyalahkan *Federal Agency*,. RM4.00 sekaki, lebih kalau satu ekar berapa RM43, 650.00 lebih kurang kali dengan 4 kali dengan 5 ekar, bajet *burst*, tak boleh buat, inilah seperti apa yang sahabat saya katakan ini wajar Kerajaan Negeri berbaik-baik bekerjasama untuk kepentingan rakyat Negeri Pulau Pinang. Yang hanya cakap *heritage* hari ini RM25 ribu tidak boleh, RM25 juta tidak boleh kat kami, jadi aspek-aspek ini habis, macam mana? Banyak lagi. Macam mana kami pun sebagai orang Barisan Nasional hendak tolong lobi, hendak tolong minta, jadi masalahnya ini yang kami hadapi sekarang.

Tiga. Saya ada bertanya soalan berapa banyakkah kilang-kilang yang dibina tanpa izin di Pulau Pinang dan Seberang Perai, Jumlah secara bertulis yang diberikan ialah sebanyak 150 di Seberang Perai dan 53 buah di Pulau. Saya tidak peduli orang hendak cari makan orang hendak cari rezeki tetapi persoalannya mengapa premis-premis perniagaan orang cari makan dimusnahkan oleh MPPP. Contohnya macam dulu di Tanjong Bungah, Batu Feringhi Tanjong Bungah. Sampai dua tiga ratus keluarga terlibat. Baru ini pula Hotel Anggerik hotel yang sudah berjalan 20 tahun bukan pun lima *star*, bukan empat *star*, bukan tiga *star*, bukan dua *star* itu untuk orang miskin punya hotel pun direban. Adilakah ini? Dalam keadaan ekonomi yang gawat begini, Kerajaan pergi runtuh pasal ada orang *complain*. Kalau ini bagaimana apa tindakan pula kalau sampai 203 tiga biji ini kalau orang *complain* kilang-kilang yang tidak mempunyai lesen dan sebagainya. Kalau ada orang tulis surat sanggupkah Kerajaan Negeri runtuh kilang-kilang ini? Adakah kerana kilang-kilang itu kilang Melayu. Ataupun adakah kilang itu

bangunan hotel yang satu-satunya Melayu operate pergi reban, bukan hendak cakap tentang perkauman di sini tetapi satu hotel yang satu tahu sudah kami hendak buat hendak yang perda hendak buat di Tanjung Bungah pun tidak dapat kelulusan.

Adakah hotel dua bintang, satu bintang hotel ini pun direban. Atas alasan orang komen kalau 200 kilang ini orang komen macam mana? Jangankan 200 orang komen 10 biji pun sudah. Begitulah kita kadang-kadang dalam kehairahan hendak kononnya hendak ikut undang-undang nak ikut law, nak ikut buku dan sebagainya kita terlupa dasar perikemanusiaan. Kita lupa dan kita tidak berlaku adil.

Seterusnya pelancongan saya sentuh sedikit. Kalau kita tengok laporan pelancongan di Negara kita meningkat 6.6 peratus. Berapa banyak peningkatan atau penurunannya di Pulau Pinang? Banyak mana? Adakah positif atau negative? Jawapan betul-betul. Dan kalau menurun mengapa? Juga pelancongan ini saya tidak terkejut kalau menurun kerana saya bertanya soalan apakah produk-produk pelancongan baru yang telah diwujudkan di Pulau Pinang. Produk-produk pelancongan. Jadi saya pun dapat jawapan, produk-produk nombor satu perkhidmatan wifi secara percuma. Ini bukan produk pelancongan *you* pergi Negara lain pun ada. Kemudian persembahan kebudayaan yang diadakan setiap hujung minggu. Ini bukan produk, ini aktiviti. Kegiatan pakej-pakej menarik yang melibatkan peranan yang dimainkan oleh mata Penang Chapter, mata fair mata chapter apa dia pakej-pakej: Kemudian pesti seni silat nusantara, pesta lumba perahu naga antarabangsa, kejohanan bukit basikal bukit antarabangsa. PISA untuk yang pusat konvensyen.

Saya rasa cukup sedih tengok jawapan. Saya bertanyakan produk bukan aktiviti. Ada beza produk dengan aktiviti atau kegiatan pelancongan. Dia tidak tahu pun ini, kalau produk pelancongan misalannya macam kata di Bangkok ada floating market. Itu produk pelancongan bila orang kata hendak pergi Bangkok orang hendak pergi ke floating market ataupun floating market ada di Bangkok. Mengapa kita hendak pergi Cheng Mai naik gajah, naik rakit dalam sungai. Mengapa hendak pergi Singapura ada Night Safari. Benda itu yang dikatakan produk pelancongan ini ialah 365 hari setahun bukan diadakan sekali sekala setahun sekali. Itu produk pelancongan bukit bendera tadi pun siapa sebut rakan kita di sini. Bagan Dalam mana dia hilang. Bagan Dalam dia, atas bukit bendera pun tidak ada apa. Itu boleh dijadikan sebagai produk pelancongan develop bukit bendera itu di atas itu supaya orang datang saya mesti pergi naik bukit bendera. Ini datang Penang ada apa? Tidakkah hendak makan 10 jenis makanan itu. Koay teow, laksa, mee goreng, rojak. Itu bukan semua pelancong yang datang kerana untuk makan bukan semua datang untuk makan. Banyak juga pelancong yang muda-muda itu datang hendak jaga badan not interested dalam makan. Ini yang saya harapkan Kerajaan Negeri berfikir. Saya senang hati tengok yang Y.A.B. senyum saja. Berfikir untuk develop produk-produk pelancongan. Salah satu yang kita ada itu ialah Hutan Lipur. Kita boleh develop itu boleh buat jalan atas sana dan banyak macam menarik pelancong. Bila orang datang Penang hendak pergi ke sini. Saya hendak datang ke Pulau Pinang mesti hendak pergi buat ini itu. Macam Thailand cepak. Tarian pondan pun dia buat jadi produk pelancongan. Orang pergi ke Thailan kerana hendak tengok pondan menari. Bayar lagi berapa saya biasa pergi tengok tarian persembahan itu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Adakah ini satu pengakuan daripada Y.B. Penaga bahawa dia telah pergi ke Thailand dan saksikan tarian pondan. Betulkah? Saya tanya kerana kita nyatakan tadi tarian pondan itu menjadi satu produk Thailand bagaimana kita tahu? Ada pergi sendiri?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ya. Saya pernah pergi menonton di Cheng Mai, di Bangkok di Pattaiya dengan isteri saya. Betul. Isteri satu itu saja. Pergi tengok dan bayar berapa saya pun tidak ingat RM50.00 *something like that* banyak orang bukan kata pergi lima orang dia *teater* besar mungkin Ahli-ahli yang berhormat teater besar boleh masuk sampai 300 hingga 400 orang satu show. Keluar show boleh tangkap gambar dengan pondan. Bayar 20 bath tapi saya tidak buat itu. Betul.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Minta jalan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minat juga.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kalau Yang Berhormat Ketua Pembangkang mencadangkan bahawa kita ikut apa yang dilakukan di Thailand saya rasa kita boleh menimbang secara usaha sama kalau ini cadangan daripada Ketua Pembangkang.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya kata bagi contoh ...(ketawa) yang dikatakan produk pelancongan itu bukan saya katakana kena ikut Thailand yang mana bersesuaian dengan kita, kita boleh ambil yang tidak sesuai kita jangan ambil ...(ketawa). Nanti kata pondan pula kacau. Saya tidak suruh saya bagi contoh kata salah satu produk pelancongan Thailand ialah pondan salah satu lagi ialah massage. Memang semua orang tahu itu bukan ertinya kita kena ikut tetapi contoh kita fikirlah sendiri.

Seterusnya kontraktor. Kontraktor di Pulau Pinang. Pada awal pentadbiran Y.A.B. Ketua Menteri dia berjumpa dengan kontraktor-kontraktor satu perjumpaan di tingkat 5 berjumpa dengan kontraktor kelas F akan tolong tender terbuka, Umar Abdul Aziz semua keluar. Kontraktor pun tepuk ini dia pertama kali Ketua Menteri datang tetapi sampai sekarang ceritanya sudah lain. Kontraktor mula mempersoalkan tentang kejujuran Kerajaan Negeri. Ini adalah disebabkan jumlah kontraktor kelas F di Pulau Pinang ada 2005. Dulu mereka hanya perlukan PKK lesen sekarang ini kena *enroll* dalam e-perolehan. Bila daftar e-perolehan kena bayar RM100.00 setahun. Bayar. Kerja kontrak dapat tidak dapat bayar dulu jadi Kerajaan Negeri pungut lebih kurang RM200,000.00 setahun tetapi kerja yang ditawarkan kepada mereka ini hanyalah lebih kurang 50 peratus sahaja. Ini sudah menjadi penderitaan, kesusahan kepada sudah

tidak dapat kerja kena bayar lagi RM100.00 setahun. Adakah ini? Jadi kalau bajet mengatakan perolehan Kerajaan meningkat. Meningkatkan cara ini salah satu daripada bayar, bayar, bayar. Itu kontraktor yang bersuara.

Bukan banyak tetapi kalau kita tengok RM100.00 bagi kontraktor yang tidak dapat kerja itu adalah jumlah yang banyak dan lebih membimbangkan dan merisaukan ada kontraktor yang beritahu kepada saya benar atau tidak saya tidak tahu tapi saya hendak bantah di sini iaitu ada kerja yang ditawarkan oleh PDC dalam tender iaitu nombor 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7 apa tidak tahu tapi kontraktor yang selalu dipilih kontraktor nombor 5. Kita tidak pun tidak kata mesti nombor 1, pilih yang terbaik, pilih nombor 5 ini pula dipanggil ada *negotiate*, ada runding harga kerana hendak jimatkan perbelanjaan Kerajaan kena runding. Kontraktor bertanya mengapa panggil nombor 5 saja kalau hendak runding mengapa tidak 1, 2, 3, 4, 5 hanya pilih nombor 5 saja yang dirunding. Benar atau tidak saya tidak tahu tetapi untuk makluman, benda itu sudah dilaporkan kepada BPR. Kalau benda ini diamalkan berhenti. Saya tidak ada bukti hendak tunjuk siapa-siapa tapi benda ini itu yang dituduh dalam pasaran mungkin benar mungkin tidak saya tidak tahu. Saya cuma menyuarakannya di sini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa itu memang tidak benar dan pun tidak mahu habiskan masa panjang Yang Berhormat bahawa perkara ini kita ikut peraturan-peraturan ini yang ditetapkan dalam peraturan tender dan sekiranya ada apa-apa tidak puas hati tentulah sesiapa boleh buat laporan di bawah e-perolehan kita telah memperkenalkan satu sistem baru di mana kita berikan tempoh dua minggu untuk bantahan dibuat atas mana-mana kontraktor yang telah pilih dan disini saya rasa kerana sistem e-perolehan dan e-tender ini Kerajaan Negeri telah jimatkan wang. Kalau yang sebut oleh Yang Berhormat tentang kontraktor biasanya yang dipilih kita cuba nasib.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Biasanya yang dipilih kita cuba nasib sungguhpun dia harga yang ikut peraturan yang ditetapkan, kita cuba nasib, itu kalau boleh kita minta dia kurang lagi. Itulah maksudnya, perbincangan tengok boleh kurang lagi, ada satu kontak di mana yang diberikan oleh PDC di mana kita minta dia kurang lagi, dia kurang RM5 juta lagi. Siapa yang jimat rakyat Negeri Pulau Pinang yang jimat bukanlah seperti dulu kalau jimat pun satu dua orang masuk kecek sendiri lah.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato Azhar bin Ibrahim):

Itu yang saya tertarik, dulu satu masuk kecek siapa dia, itulah jawapan ... (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Jelaskan siapa yang masuk kocek tak? Saya boleh jelaskan banyak ... (gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Jelaslah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Jadi saya tak mahu makan masa bila saya belum *start* kerja kerana rakan Yang Berhormat boleh jelaskan tapi apa yang tentang disebutkan oleh Yang Berhormat Penaga saya nak jelaskan di sini memang tak benar, Kerajaan ini ialah Kerajaan bersih, Kerajaan ikut urus tadbir CAT kita tak main-main perkara tender ini pun diakui bukan saja oleh Laporan Ketua Audit Negara tetapi oleh *Transparency International*.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Okey.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Baik.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.A.B pun mengaku tawar menawar tu kan? Apa dia? Minta kurang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Mana ada tawar, tak boleh menawar punya ...(gangguan), kalau mereka yang dapat tender kita cuba, untuk kurangkan lagi kalau boleh itu sentiasa dibuat, tengok kalau dia tender yang dipilih minta boleh dia boleh kurangkan lagi tak? Ikut peraturan yang ditetapkan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tetapi yang dikatakan di sini, dipilih di kalangan orang yang ambil kurang banyak, pertuduhan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itu tuduhan, siapa yang boleh ...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Satu, dua orang masuk poket.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itu dulu memang kena ...(gangguan), memang banyak.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Siapa dia?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Banyak saya boleh cakap panjang tapi ...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kalau Y.A.B. tak mahu beritahu kepada pejabat, beritahu kepada saya. Saya lah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kita beritahu kepada semua, kita akan beritahu, kalau dulu tengok ada banyak kes, kita boleh sebut satu persatu kes-kes yang berlaku tapi saya nak cakap di sini, bahawa yang penting ialah tentang kes-kes di mana berlakunya tuduhan seperti Yang Berhormat memang tidak benar kalau kita ...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya tidak tuduh.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kalau tak tuduh itu saya rasa ...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ini cakapan-cakapan...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ok, tak tuduh baik, tak tuduh baik.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya katakan tadi jelas mahu dengar saya tidak menuduh ...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

...(gangguan), saya jawab, saya jawab dengan sebetul, Y.B. tak benar. (gangguan) sila Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tapi Y.A.B kata Kerajaan dulu ada seorang, dua bubuh poket, saya takut lah saya dituduh kalau saya sebutlah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Belum sampai lagi kepada Yang Berhormat ..(ketawa).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya bersih 20 tahun hidup, 60 tahun lebih ...(ketawa) tak pernah lagi BPR cari saya (ketawa) tadi Y.A.B kata boleh *complaint* betul boleh *complaint* tapi kena bayar 0.1 %, betul-betul, tak payah buat muka lagu tu. Kena bayar dan wang itu tak dikembalikan. Kalau harga tender itu kata RM7 juta, S.S. pun hangguk betul, ...(gangguan), kalau betul *complaint* yang dibuat bayar lah balik, ini kalau *complaint* betul pun 0.6% hilang, tak betul pun hilang adil kah ini? Kena bayar balik pertimbangkan balik baru adil namanya. Betul la tu, bincang, sat lagi bincang. Bagi dia bincang, bagi dia bincang habis dulu. Ok, saya nak bincang *above* dekat lain pula.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya akan jawab hari Jumaat, banyak fakta yang tidak benar, tak apa saya jawab hari Jumaat.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ok, Yang Berhormat Tuan Speaker, perkara seterusnya ialah Pusat Maksiat Negara Pulau Pinang. Saya ada bertanya kenapa jadi macam ini oleh kerana Negeri Pulau Pinang maju maka bertambahlah kegiatan maksiat dan juga kegiatan jenayah, apa *collation* dia? Negara maju maksiat makin banyak, saya pun tak faham memikir, mikir, yang saya tahu Negara yang ada banyak maksiat persundalan, pelacuran ialah Negeri yang tak maju. Ini jawapan yang saya terima oleh kerana Pulau Pinang semakin maju semakin banyak maksiat, jenayah. Siapakah yang karang jawapan ni bagi dekat Exco itu, Exco pun jawab mai kat saya, leceh betul lah, timbang, tapislah dulu. Jenayah sampai ke pusat pelancongan, kawasan pelancongan pun *drug lab found in Penang tourist belt*, adakan tuan-tuan pun baca, saya baca, saya tengok. Bukan saja kata di sini di Air Itam pun dalam *articles* yang sama tulis tangkap, ada pistol, ada *ammunition*, ada sabu, dan sebagainya. Pelacur asing menjadi-jadi, saya tak tahu dia di sini warga China, paling ramai, Indonesia ada, Bangladesh ada, Myanmar ada, Uzbekistan ada, ini dia gambar, segak-segak. Sentuh tubuh syok la. Jadi saya pun hairan mengapa Pulau Pinang ini sudah meningkat dalam kegiatan maksiat sebegini. *Chinadoll* itu istilah banyak diperkatakan, dulu saya ingat lagi Perai dulu kata kita akan ambil tindakan bukan sahaja Imigresen, Polis, itu, ini sampai hari ini makin lama makin banyak. ... (gangguan), tanya pusat pula yang berlaku di Pulau Pinang ...(ketawa), semakin menjadi-jadi, saya esok ini orang tak guna maksiat Negara tapi satu hari nanti kalau *trend* ini berterusan pusat maksiat Negara ialah Pulau Pinang. La ni pelan-pelan. ... (gangguan),.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Tanya YDP MAIPP.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tak apalah ...(ketawa), esok dia *declare*, Penanti jawablah pusat maksiat dia jaga hal agama. Dia jaga yang Penanti jaga agama esok suruh dia jawablah, Batu

Maung dua-dua lah, campur yang duk senyum yang baru tu. Jenayah banyak, maksiat banyak, apa nak jadi ini. Tidak ada sebarang kawalan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Minta laluan, penjelasan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Bagus juga, letih sangat bercakap..(ketawa).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker, tadi saya dengar kata bila ada maksiat, apa semua dengan perangkaan-perangkaan disebutkan tiba-tiba disebut YDP MAIPP, saya pun hairan juga. Jadi apa kena mengena dengan Y.D.P. MAIPP dengan kegiatan maksiat ini? Jadi adakah semua maksiat yang berlaku semua di atas *burden* YDP MAIPP, jadi kerja MAIPP ini, bukan kerja untuk nak semua pergi tangkap orang maksiat sahaja, banyak lagi kerja lain yang kita buat, jadi *prevention* itu yang patut dilihat *prevention* peranan *State Government*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan sikit...(gangguan),.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Sekejap, bagi dia bangun dulu, bagi Yang Berhormat bangun dulu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Terima kasih, saya cuma tertarik tadi seolah-olah cara pemikiran Exco-Exco Kerajaan, termasuk Timbalan Ketua Menteri agak sempitlah, kata maksiat orang Islam lah, jadi kenalah MAIPP, bangsa-bangsa lain orang putih, orang Cina, orang Congo semua mai macam-macam maksiat buat dekat sini pun tak kena mengena, so saya ingat itulah tahap yang duk ada sekarang ini.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Minta laluan, Yang Berhormat Tuan Speaker, nanti saya tolong jawab.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh a/l Karpal Singh):

Sekejap tadi rakan saya nyatakan bahawa isu dia ialah penguatkuasaan *it is enforcement*. *Enforcement* terhadap kejadian-kejadian maksiat ini tetapi setuju Yang Berhormat, bahawa *enforcement* ini *actually* di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia bukan Kerajaan Negeri dan itu adalah satu agensi pusat so mereka telah gagal untuk meng *enforce* dan memastikan supaya kejadian jenayah-jenayah ini tidak berlaku di Pulau Pinang. *Not only* di *Penang* but also *the whole in Malaysia*.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Minta laluan, sedikit lagi, kalau kita katakan penguatkuasaan adalah terletak pada Kerajaan Pusat tapi yang meluluskan lesen-lesen ini terletak pada Kerajaan Tempatan, saya bagi contoh kawasan saya di Permatang Berangan. Di Permatang

Berangan sebelum tahun 2008, tidak ada satu pun pusat karaoke selepas tahun 2008 masuk tahun 2009 sudah ada dua, tiga pusat karaoke yang dibuka sampai pagi, sampai pukul 4 pagi, kalau nak tengok malam ini pun boleh tengok. Jadi ini bidang kuasa siapa yang bagi kelulusan ini masa saya hari itu saya tak bagi, saya tak bagi kebenaran pun dan tak ada pun. Lepas-lepas saja PKR menang, Pakatan Rakyat menang terus naik di Kepala Batas pun naik pusat karaoke, di Kompleks Datuk Kailan dan di pekan Tasek Gelugor ...(gangguan), siapa yang bagi kelulusan ini? Kalau Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri yang mengeluarkan lesen-lesen begini ini inilah adalah punca-punca menggalakkan ...(gangguan), termasuklah pusat-pusat snuker yang tanpa lesen, di pekan Tasek Gelugor saya cerita dalam kawasan saya sendiri sebagai *proof* sebagai bukti kemudian bila kita bagi lesen-lesen yang tempat-tempat yang macam in tanpa kawalan lepas itu bila berlaku jenayah salahkan Kerajaan Pusat *that's not fair*. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih, terima kasih Ketua Pembangkang, tugas Kerajaan Tempatan adalah luluskan mengikut permohonan. Permohonan kata karaoke ini akan jalankan sampai pukul berapa mengikut dia punya bisnes mengikut peraturan tetapi masalahnya adalah *enforcement* kalau dia lebih dari masa yang ditetapkan *enforcement* yang masuk. Betul.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Enforcement untuk karaoke siapa dia? MPSP ke Polis? Masa, dari segi masa *sorry* masa operasi, ...(gangguan), masa operasi ...(gangguan), tapi fikir Kerajaan Tempatan tak boleh lari daripada tanggungjawab untuk sebab Kerajaan Tempatan yang keluarkan lesen ...(gangguan), *controlling* masa ...(gangguan),.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Isunya masa kalau dia lebih masa ...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

(gangguan) yang lebih masa yang mendorong berlakunya kemaksiatan dan jenayah lain. (gangguan) jangan lari dari tanggungjawab. ...(gangguan),

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

...(gangguan), kami tak lari dari tanggungjawab ...(gangguan),

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Jangan *blame* pada orang lain ...(gangguan), jangan lari daripada tanggungjawab. Kita Kerajaan Tempatan kutip cukai, Kerajaan Tempatan keluarkan lesen, Kerajaan Tempatan bertanggungjawab

...(gangguan),

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) :

Yang Berhormat, boleh ya.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tidak, tidak.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) :

Penjelasan sikit sahaja.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Azhar bin Ibrahim):

Nanti sat, duduk dulu, yang ini dulu, Y.B. dulu, *sorry*.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Terima kasih, Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi Yang Berhormat Permatang Berangan menyebut tentang kawasan dia, kawasan saya pun macam itu juga, dulu kita kawal, ada kawalan macam-macam lah pusat-pusat perjudian berlaku, pusat-pusat berjudi secara internet pun ada, budak sekolah masuk berleluasa, senang sahaja, jadi yang penting yang soalnya ialah siapa yang keluarkan lesen itu, yang bagai lesen, yang bagi benarkan pusat-pusat ini ditubuhkan dan tidak ada kawalan selepas itu yang ini yang saya nak tekankan, jadi saya harap pergi *check* lah banyak, (gangguan) banyak sangat di Daerah Barat Daya banyak sangat.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):

Y.B. boleh ya. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker berkenaan dengan kelulusan lesen kalau tak silap saya ia merupakan satu prosedur bahawa apabila satu lesen diberikan sebelum diberikan pandangan Polis atau kelulusan Polis adalah perlu sebelum lesen boleh dikeluarkan kalau ada bantahan Polis maknanya, lesen itu tidak boleh dikeluarkan, setuju ke Yang Berhormat dari Penaga? ...(gangguan),. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Cukuplah, cukup, cukup sudah saya dah bagi dah banyak saya tengok dalam perbahasan ini semua nak elak tahu. Bila mai kena eh nak elak sikit, bukan aku, federal eh bukan elak sikit Polis. Jadi Kerajaan buat apa hari itu janji *press* sekarang tak boleh tunai. ...(gangguan),

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Janji apa?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Dulu *you* kata *you* nak tolong hantar balik ini semua.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Boleh bagi saya ...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Dulu janji kata ...(gangguan), dulu kata janji nak hantar balik pendatang haram, pendatang tanpa izin dan sebagainya, sekarang jawab.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Nafi pula.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

(Ketawa)..... saya pun tak pasti lah, saya janji mana saya boleh janji *come on*. Kalau kata perkataan janji itu satu perkataan yang begitu *loaded* saya mesti bertanggungjawab, saya bukan pihak Polis bayangkanlah pihak Polis ini tidak boleh melakukan keadilan pada hari Isnin, macam mana kita buat mengharapkan kepada Polis untuk melaksanakan tanggungjawabnya saya tidak katakan bahawa semuanya pusat tapi pihak Polis yang bertanggungjawab, Imigresen di bawah pusat semua badan-badan, *enforcement* di bawah pusat kalau *you* katakan kita hentikan lesen ini lebih baik kita tutup semua kedai di Pulau Pinang. Soalan ini bukan janji tetapi saya buat beberapa percubaan bagi agensi-agensi tetapi saya rasa jenayah ini bukanlah satu spesifik kepada Pulau Pinang, jenayah ini di seluruh Malaysia ada, lebih teruk di Lembah Klang, Johor. Janganlah fokuskan kepada Pulau Pinang sahaja, walaupun kita tidak nafikan bahawa ada jenayah tapi ada juga percubaan-percubaan. Saya berjanji, kalau saya IGP pun bukan boleh janji sebab saya rasa kita susah mengharapkan kepada Polis.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Itulah awal-awal tadi SPRM tak boleh percaya, Polis tak boleh percaya semua tak boleh percaya. Percaya PKR sahaja, mampuslah rakyat Penang. Mampuslah rakyat Penang macam tu. Orang Melayu jaga UMNO, cuma Melayu ini dua, tiga kerat, apa yang ada.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Tuan Speaker, minta tarik balik.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tak payah tarik balik, duduklah. Okey, sekarang ini

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Minta tarik balik Penaga, perkataan Melayu dua, tiga kerat itu,

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Apa dia?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Melayu dua tiga kerat di sini.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ha, memang betul.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Peraturan-peraturan. Ahli Penaga, Ahli Penaga telah menyakitkan hati mengikut seksyen 46(13), saya minta tarik balik. ...(gangguan).

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Ahli Penaga, bagi saya memang ayat itu ada menyakitkan hati dua, tiga orang Melayu, kita berharap lah.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kalau saya tidak mahu tarik, macam mana, gantung? Berapa lama nak gantung.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Saya tak kata nak gantung. ...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya nak kata dengar, duduk okey. Saya hendak kata lagu ni, saya kata orang UMNO dok jaga orang Melayu, yang mereka tak jaga. Nak tarik apa? ...(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Y.B. Tuan Speaker, kita boleh *check* hansard, dua, tiga kerat. Ini peraturan ini.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ya, ini peraturan ..(sambil menunjukkan punggungnya).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Y.B. Speaker, saya minta Ahli dihantar keluar. Ini adalah kerana Ahli tersebut tidak sopan, tunjuk punggung....(ketawa)...(gangguan).

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Ahli Pantai Jerejak sila duduk dulu. Sekarang saya minta Ahli Penaga, saja tarik balik ayat itu sahaja. Ayat itu saja, dua, tiga kerat kerana menyakitkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya kata UMNO jaga kepentingan Melayu, mereka tidak. ...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Y.B. Tuan Speaker, peraturan, saya ingin membangkitkan peraturan.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Ahli Penaga bolehkah tarik balik ayat itu.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Pasal saya cakap tadi menuduh tentang perjuangan UMNO,...(gangguan). mereka tidak.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Mereka tidak, bagi saya ayat itu telah menyakitkan hati. ...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, bolehkah saya minta Y.B. Ketua Pembangkang kalau bolehlah kita cuba adakan satu perbahasan yang lunas dan menghormati kedudukan Ketua Pembangkang, saya ingat Yang Berhormat tahu saya berusaha untuk hadir semasa Yang Berhormat mengucap. Dan di sini saya berharap kerana yang menjadi isu, Yang Berhormat boleh sebut bahawa kita tak jaga orang Pulau Pinang, tak jaga Cina, tak jaga India, Melayu. Tadi Yang Berhormat cakap tak jaga Melayu, Melayu dua, tiga kerat. Yang menjadi masalah ini ialah perkataan kerat, apakah maksud kerat. Itu ada maksud hina. So, di sini kalau boleh tak susah tarik balik dan teruskan perbahasan dan pada masa yang sama tentang insiden semalam di mana saya meminta, ini terpulang kepada Yang Berhormat juga. Budi bicara Yang Berhormat kerana semalam apabila Yang Berhormat menggunakan beberapa istilah bahawa tentang *newspaper* SUN, lebih baik saya tak mahu sebutlah, itu tak senonoh. Kalau boleh tarik balik saya rasa ini elok untuk kedudukan sebagai seorang Ketua Pembangkang. Ini permintaan saya dari Ketua Menteri supaya kita boleh teruskan perbahasan ini. So, ini adalah satu tentang perkataan kerat yang ada unsur hina. Yang kedua ialah ini tentulah secara peribadi lah tentang tuduhan yang dikeluarkan terhadap *the SUN* bahawa digunakan untuk sapu dengan tunjukkan itu yang tak elok, saya harap ini boleh tarik balik supaya kita boleh teruskan perbahasan kita. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri, dua isu yang dibangkitkan. Pertama tadi dua, tiga kerat, dalam istilah Melayu dua, tiga itu jumlah yang kecil, dua, tiga kerat.... (gangguan), Kalau istilah itu dua, tiga kerat, ala dua, tiga kerat aja pergi makan kenduri, dua, tiga kerat yang menonton bola sepak, itu

Y.A.B. Ketua Menteri:

Hina, hina.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Bukan hina, kalau nak menuduh saya hina, itu satu tuduhan yang tak adil. ... (gangguan).

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Ahli Penaga, sila duduk.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya tak akan tarik. Saya nak jelaskan perkara kedua. Kelmarin yang menjadi peristiwa itu, ya Bagan Jermal menuduh kata saya buat *interview*. Itu dan ini. Itu yang puncunya seharusnya dia yang tarik balik. Saya kata kepada *reporter*. Eh diam, cakap pun orang tak faham. Seri Delima, kalau dia tarik balik, saya dah beri ikrar di luar itu, saya juga akan tarik balik. Kalau dia tarik balik dalam Dewan saya juga akan tarik balik hapuskan semua daripada itu. Kalau nak cakap kasar, Y.A.B. Ketua Menteri saya dengar maki ini, perompak, penyamun, lanun, samseng kata kat saya. Samseng, orang tua, hari ini kurang ajar empat, lima kali, apa ini. Bolehkah guna perkataan macam itu? Bila saya mengguna dua, tiga kerat, oh! Kenapa?

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Pada pendapat saya kerana ayat itu tentang dua, tiga kerat itu yang tidak menjaga kepentingan orang Melayu, tapi bagi saya, saya nak tanyalah apabila *you all* dengar ayat ini, rasa macam mana, adakah menyakitkan hati sebagai seorang Melayu? Memang bagi saya pun saya rasa ia menyakitkan hati mereka, so saya pun tidak akan menarik balik saya punya ketetapan keputusan. So, saya minta sekali lagi, jika Ahli Penaga tidak ingin menarik balik, saya ingin minta Ahli Penaga keluar sehingga jam 5.00.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Pukul 5.00 ye?

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Ada sesiapa yang hendak teruskan dengan perbahasan lagi? Dipersilakan Ahli Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin):

Terima kasih, Y.B. Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan salam sejahtera dan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada hari ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana telah membentangkan belanjawan CAT yang berjiwa rakyat dan menjamin masa hadapan Negeri Pulau Pinang. Menurut laporan Ketua Audit Negara terhadap laporan kewangan prestasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta laporannya terhadap agensi-agensi Kerajaan, pihak Kerajaan Tempatan, Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri dan Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri. Secara umumnya, kita boleh

mendapati bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang mendapat kepujian daripada Ketua Audit Negara di mana hasil dan prestasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Pakatan Rakyat (PR) adalah stabil dan syabas saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker, dalam persidangan Dewan pada bulan November tahun 2008, saya pernah mencadangkan Kerajaan Negeri meningkatkan kedudukan Pulau Pinang sebagai satu Hub Pendidikan Antarabangsa. Dan pada hari ini saya sungguh dan amat gembira kerana diberitahu bahawa Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk mendirikan suatu Hub Pendidikan Cemerlang di Pondok Upeh.

Saya yakin dengan mengujudkan Hub Pendidikan bertaraf antarabangsa ini akan membantu usaha Kerajaan Negeri untuk mencapai status sebagai bandar raya Antarabangsa. Demi mencapai tahap penguasaan ilmu yang tinggi, kemahiran, inovasi dan usaha kreatif, pendidikan memainkan peranan yang mustahak. Selepas mewujudkan satu Hub Pendidikan bertaraf antarabangsa Kerajaan Negeri mesti menggalakkan dan menjemput universiti-universiti atau kolej bertaraf antarabangsa yang terkenal untuk membuka cawangan di Hub Pendidikan ini. Sekiranya Universiti Pengajian Tinggi Antarabangsa, Pusat-pusat Penyelidikan dan Kolej Swasta yang terkenal dapat didirikan di Hub Pendidikan di Pondok Upeh, Kerajaan Negeri akan dapat menjadikan Pulau Pinang satu Hub Pendidikan yang unggul di kawasan Asia Tenggara ini.

Seperti yang saya mencadangkan dahulu di Dewan yang mulia ini, struktur organisasi di *Penang Skill Development Centre* (PSDC) bukan sahaja dapat dikekalkan sebagai kedudukan institusi latihan semula yang unggul di Malaysia. Kerajaan Negeri juga boleh mengkaji sama ada PSDC ini boleh dinaik taraf ke satu tahap yang lebih tinggi iaitu sebagai satu mistis seperti yang wujud di Negeri Selangor, industri Selangor yang merupakan sebuah pengajian tinggi yang ditubuhkan dan ditadbirkan dan dikawal oleh Kerajaan Negeri sendiri.

Y.B. Timbalan Speaker, demi menggalakkan sektor pelancongan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri perlu meningkatkan konsep pelancongan bandar dan memperkenalkannya sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa dengan memfokuskan kepada produk pelancongan yang khusus. Inisiatif ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan bandar bertaraf dunia, langkah-langkah berikut diperlukan.

Pertama, menjadikan Pulau Pinang bandar mesra pelancong.

Kedua - pembinaan kemudahan MICE, ketiga memperkenalkan Pulau Pinang sebagai pusat serantau bagi pelancongan pendidikan, keempat meningkatkan lagi pelancongan warisan dan kelima membangunkan kemudahan sukan dan rekreasi untuk memperkukuhkan lagi pelancongan tempatan.

Pulau Pinang akan menjadi salah satu destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa dunia yang menawarkan destinasi gaya hidup di dalam lingkungan antarabangsa. Ini boleh dicapai dengan membangunkan dan mengekalkan imej Bandaraya Pulau Pinang bertaraf dunia. Pelancongan antarabangsa mesti menjadi impian dan industri utama untuk Pulau Pinang. Ia adalah kelompok aktiviti ekonomi dan salah satu faktor yang memacu ekonomi tempatan. Ia merupakan salah satu sektor perkhidmatan yang kukuh. Pelancongan meliputi keseluruhan sektor perkhidmatan, dengan rangkaian aktiviti borong dan perniagaan runcit, restoran dan hotel, pusat

membeli-belah, makanan dan penginapan, pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi, pengusaha pelancong, penerbangan, perkapalan, perkhidmatan bas dan sebagainya, selain mengekalkan sebagai destinasi makanan penjaja atau destinasi pelancong yang mempunyai pantai atau warisan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang mesti sentiasa menuju ke hadapan dan menaik taraf.

Pulau Pinang mesti meningkatkan dan menumpukan kepada produk pelancongan yang khusus seperti *Meetings, Incentives, Conference and Exhibitions* (MICE), pelancongan perubatan dan pelancongan pendidikan di mana ia mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan. Dengan wujudnya *Penang International Convention Centre* (PICC),(dengan izin), Pulau Pinang mesti berusaha untuk meningkatkan diri sebagai destinasi MICE untuk serantau yang dapat bertanding dengan Kuala Lumpur, Bangkok dan Singapura.

Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Pulau Pinang juga mesti membangunkan pelancongan perubatan sebagai sektor yang berdaya saing untuk rantau ini. Kawasan di sekitar pusat perubatan utama yang menyumbang kepada pembangunan pelancongan perubatan atau *medical tourism*,(dengan izin), akan dikhasakan sebagai zon pelancongan perubatan. Oleh yang demikian, pembangunan di sini perlu ditingkatkan untuk menggalakkan aktiviti pelancongan perubatan di bandar raya. Ini termasuklah pelancongan pembangunan bagi pangsapuri servis atau *service apartment* sebagai penginapan alternatif untuk pesakit luar Negara yang datang untuk mendapat rawatan di hospital, asrama dan hotel bajet untuk memenuhi keperluan pesakit luar Negara dan para pekerja di pusat perubatan, kemudahan perbandaran yang menyediakan persekitaran yang bersih, selamat dan selesa untuk pelancong, kemudahan pengangkutan awam yang menghubungkannya dengan kawasan sekitar bandar raya. Kerajaan Negeri mesti memajukan sektor pelancongan dengan tumpuan untuk menarik *quality tourists* iaitu *tourist* yang berbelanja besar dan tinggal lama dan mengutamakan pelancongan kesihatan, pendidikan, sukan, maritim dan konvensyen.

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang agro pelancongan. Saya difahamkan Kerajaan Negeri akan menaiktarafkan Pusat Pertanian di Relau sebagai Pusat Kecemerlangan Pertanian dan Pusat Pelancongan Pertanian. Satu pelan pembangunan Agro-Pelancongan akan diwujudkan di tapak Pusat Pertanian Relau. Produk agro-pelancongan atau *agro-tourism* adalah sangat popular di Taiwan. Sekiranya pelancong-pelancong amat berminat untuk menyaksikan anak-anak ayam atau lembu dan kambing dipelihara, atau memetik buah-buahan tempatan segar, semua ini boleh diterokai di agro-pelancongan.

Saya percaya dengan Pusat Pertanian Relau dibangunkan sebagai satu pusat pelancongan pertanian ia akan membawa manfaat kepada bukan sahaja kepada kawasan Relau tetapi juga memanfaatkan juga kawasan Paya Terubong dan mungkin juga Balik Pulau sebab saya difahamkan terdapat banyak ladang buah-buahan di Balik Pulau yang boleh turut mempelopori agro-pelancongan di Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri telah menyatakan di dalam ucapan bajet beliau bahawa kaedah *bio-technology* iaitu *Effective Microorganism* (EM) telah diperkenalkan di kawasan ladang ternakan yang berisiko tinggi. Di sini saya ingin menyeru supaya kaedah EM ini harus diperkenalkan dengan lebih luas lagi. Pihak PBT atau Pejabat Daerah boleh memberikan sebotol EM atau risalah-risalah mengenai EM kepada setiap pembayar cukai yang membuat bayaran cukai atau kepada pihak PBT atau Pejabat Tanah. Ini bertujuan agar rakyat jelata dapat mengenai apakah itu EM dan juga mengetahui akan faedah menggunakannya yang sememangnya baik untuk

kehidupan manusia dan alam sekitar sekiranya diguna secara berterusan. PBT juga boleh mengadakan bengkel aplikasi penggunaan EM kepada orang ramai secara percuma.

Y.B. Tuan Speaker, Negeri Pulau Pinang adalah antara Negeri yang paling pesat pembangunan dan penyumbang terbesar kepada ekonomi Malaysia. Kadar purata pertumbuhan tahunan KDNK atau Keluaran Dalam Negeri Kasar sebenar yang dicatatkan dalam tempoh 1990 sehingga 2000 ialah 8.2%. Adalah dijangkakan dalam tahun 2001-2010 akan mencatatkan pertumbuhan KDNK melebihi 6.5%. Bagaimanapun ekoran daripada kemelesetan ekonomi global telah memberi kesan ketara ke atas kadar pertumbuhan ekonomi Negeri Pulau Pinang di mana anggaran KDNK bagi tahun 2008 menyusut sehingga 3% berbanding 3.3% pada tahun 2008.

Sebagai Negeri yang bergantung kepada sumber manusia, kita perlu membangunkan insan kreatif, inovatif dan pintar. Pulau Pinang berhasrat untuk menjadi sebuah Negeri bertaraf antarabangsa yang menjadi pilihan utama para pelabur, pelancong dan mempunyai kehidupan yang mampan atau *sustainable living*. Kita perlu pengiktirafan antarabangsa dan urus tadbir CAT. CAT telah berjaya memerangi rasuah dan penyelewengan serta menjimatkan wang sehingga mendapat pujian dari *Transparency International* dan Laporan Ketua Audit Negara. UNESCO pun telah memberikan pengiktirafan kepada George Town sebagai Tapak Warisan Dunia yang menjadikan Pulau Pinang suatu pilihan pelancongan utama.

Y.B. Dato' Speaker, saya difahamkan di bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) di mana Pulau Pinang dikenal pasti sebagai hub logistik. Oleh itu perlu peruntukan sebanyak RM800 juta bagi mewujudkan *Integrated Cargo Terminal* (Terminal Kargo Bersepadu) di Pulau Pinang bagi mengendalikan perkhidmatan kargo di bawah satu pengurusan kargo yang berkesan dan juga pembinaan second runway kedua dan LCCT di Pulau Pinang.

Penyenaraian George Town dan Melaka sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO pada 7 Julai 2008 merupakan suatu yang amat membanggakan rakyat dan Negara Malaysia. Pengumuman pemberian peruntukan sebanyak RM25 juta oleh Kerajaan Persekutuan masing-masing kepada George Town dan Melaka bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan tapak warisan sehingga kini masih belum disalurkan kepada Negeri Pulau Pinang. Adalah tidak adil Melaka disalurkan RM30 juta sedangkan tidak ada sesen pun diperuntukan kepada George Town bila ia mengharumkan bukan sahaja Pulau Pinang tetapi juga Malaysia di pentas antarabangsa.

Di bawah Rancangan Bandar Selamat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membuat janji pada tahun 2007 untuk membekalkan 48 unit CCTV untuk dipasang di kawasan-kawasan hitam yang telah dikenal pasti oleh pihak Polis. Tetapi sehingga kini pemasangan CCTV tersebut masih belum dilaksanakan. Memandangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat peka dengan isu keselamatan dan sebagai langkah untuk mencegah dan membanteras jenayah, pihak MPPP dengan sendiri telah memasang 31 unit CCTV dengan peruntukan sendiri untuk memastikan rakyat Pulau Pinang bukan sahaja selamat tetapi merasai selamat juga.

Saya ingin menegur Kerajaan Pusat bahawa sekiranya konsep 1 Malaysia di dokong, Kerajaan Pusat harus melayan Pulau Pinang dengan adil dan saksama. Penindasan terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang merupakan sesuatu yang bercanggah dengan semangat *federalism* yang antaranya menggariskan sikap saling menghormati yang perlu ada di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Kedua-

dua Kerajaan Negeri dan Persekutuan mempunyai hak, had dan kebebasan masing-masing dalam menjalankan tugas-tugas pemerintahan Kerajaan mengikut peruntukan undang-undang. Sementara itu Kerajaan Negeri juga mengakui bahawa Kerajaan

Persekutuan turut membantu dalam menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lain seperti lapangan terbang, pelabuhan, jalan raya dan sebagainya untuk membantu menarik pelabur asing ke Malaysia. Apa pun sekali, semangat saling menghormati ini perlu dijunjung sentiasa. Malahan komunikasi yang berterusan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri harus berkekalan tanpa sebarang gangguan politik.

Akhir sekali saya ingin menyentuh sedikit tentang isu TELCO iaitu menara telekomunikasi. Saya ingin menegur Kerajaan Negeri patut berhati-hati dalam mengendalikan isu TELCO ini sebab saya difahamkan masih banyak di kalangan rakyat jelata adalah tidak berasa selesa dengan pembinaan TELCO di sekitar kawasan kediaman mereka. Saya juga bersetuju dengan pandangan Y.B. Tanjong Bunga bahawa *public hearing* atau *public consultation* perlu diwujudkan atau diadakan di mana jika satu TELCO diwujudkan di satu kediaman, penduduk di kawasan sekeliling patut dimaklumkan atau diberi satu *public hearing* sebab sehingga hari ini, masih banyak lagi rakyat jelata yang tidak berpuas hati dengan TELCO ini. Oleh itu saya berharap, Exco yang menguruskan hal ini mungkin boleh mendapat pandangan-pandangan wakil rakyat dan semua mesti lebih berhati-hati dalam isu ini dan sekian sahaja Y.B. Tuan Speaker, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Terima kasih, dipersilakan Ahli dari Kawasan Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Y.B. Dato' Speaker, secara pendahuluan saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih saya kepada Tuan Speaker untuk memberikan peluang ini yang membolehkan saya mengambil bahagian dalam pembentangan bajet 2010 ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memberi kepujian saya terhadap kejayaan terhadap Kerajaan Pakatan Rakyat, Pakatan Negeri kita dalam pembentangan satu bajet yang berprinsipkan jiwa rakyat. Saya berasa kagum akan kecekapan pengurusan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang yang telah menunjukkan kemantapan dalam tempoh 21 bulan ini.

Bagi saya pada hari Y.A.B. Ketua Menteri kita membentangkan bajet 2010 boleh dimasukkan dalam program hari ini dalam sejarah. Bajet kita kali ini juga menunjukkan kepakaran kita menguruskan pentadbiran Negeri diharap satu hari nanti mungkin dalam tempoh dua atau tiga tahun akan datang kita akan dapat membentangkan bajet sebegini di Parlimen Kerajaan Pusat. Antara usul yang menarik perhatian saya dalam bajet kali ini adalah usaha Kerajaan Negeri kita dalam menaikkan daya saing ekonomi, menangani pengangguran, usaha mengurangkan masalah banjir di Negeri kita, meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup. Pembangunan Wanita dan Kesamaan Gender Kerajaan kita juga merupakan Kerajaan Negeri yang pertama di Malaysia yang mengumumkan pemberian sumbangan sebanyak RM100.00 setahun sekali kepada warga emas sebagai tanda penghargaan kita kepada warga-warga tua. Ini adalah satu sejarah, di Malaysia tidak ada satu pun Kerajaan Negeri yang boleh berikan. Di samping

itu Kerajaan Negeri kita mempamerkan kecekapan bertaraf global dengan usaha-usaha

yang diambil dalam meningkatkan *environment* dengan memperkenalkan kepada rakyat Pulau Pinang kita. Satu peluang keemasan untuk kita membaik pulih semula keadaan sungai dan pantai kita telah lama dicemar dan diabaikan. Kita Negeri pertama di Malaysia yang memulakan *effective* micro organisma ini.

Ini merupakan satu contoh yang baik program hari tanpa beg plastik juga menerima sambutan yang positif rakyat kita. Banyak pasar raya dan *hyper market* yang mengambil bahagian dalam program ini dan dengan adanya program sedemikian untuk mempertingkatkan lagi penggunaan *recycle material* di kalangan Pulau Pinang. Saya berharap tidak lama lagi kita boleh melancarkan satu lagi program untuk mengurangkan bekas makan *Styrofoam* di Negeri kita. Dengan usaha-usaha ini saya memang yakin kita dapat mencapai satu tahap di mana Negeri kita tidak akan lagi dipanggil Pulau Pinang Darul Sampah, malah kita boleh menjadikan Pulau Pinang Negeri yang paling cantik, bersih, mesra alam, syabas saya ucapkan kepada Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, ingin saya membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada beberapa masalah yang timbul berpunca daripada pembinaan projek pembinaan di KADUN saya. Projek perumahan ini boleh menjadi satu kes kepada kita semua kerana ianya merangkumi semua aspek. Bapa kepada masalah yang menunjukkan kelemahan dan kegagalan Kerajaan Barisan Nasional dahulu dalam menguruskan projek perumahan di Negeri kita, ianya berkenaan dengan projek Mutiara Hight. Di KADUN Sungai Pinang kawasan saya, projek bertaraf kondominium ini telah dibina di atas tanah tebus guna dan mempunyai 29 tingkat dengan 1052 unit jumlah di Lintang Hajjah Rehmah.

Projek Mutiara Hight ini juga dilengkapi dengan kemudahan tempat letak kereta bertingkat dan tapak penjaja. Di sebalik infrastruktur ini terdapat banyak masalah yang berpunca dari projek Mutiara Height ini. Di antara masalah-masalah yang ditimbulkan adalah, Tuan Speaker, nombor satu, tapak penjaja. Tapak penjaja Mutiara Height ini didirikan di tepi parit monson, adalah menjadi keraguan kepada saya mengapa tapak penjaja tersebut dapat diluluskan dan diberikan O.C sedangkan ianya berada di tepi parit monson. Setahu saya kawasan berhampiran parit monson perlu diisytiharkan sebagai tanah simpanan, tidak tahu bagaimana Ahli-ahli Majlis Kerajaan Barisan Nasional, masa itu Kerajaan Barisan Nasional yang lalu dapat meluluskan tapak tersebut, mungkin kerana ianya projek yang membabitkan Koperasi Wanita UMNO Kepala Batas, tidak tahulah saya.

Itu hanya sebahagian sahaja oleh kerana tapak penjaja ini didirikan di tepi parit monson. Pencemaran bau menjadi satu lagi masalah keadaan parit yang berbau busuk dan sampah sarap dalam parit tersebut memang menjijikkan mata. Adakah sesiapa yang hendak makan dan minum dekat dengan parit busuk. Makan sate bau longkang, makan nasi kandar pun bau longkang, minum coca cola pun bau longkang. Dari segi kebersihan dan kesihatan dapatkah sekalian menerimanya. Makan tepi longkang setahu saya tidak boleh mendirikan tapak penjaja berdekatan dengan parit monson.

Semenjak lima tahun projek ini diluluskan tidak pernah ada penjaja yang berniaga di tapak tersebut, kalau yang ada pun hanya boleh berniaga 2 hari sahaja, tahu kenapa? Kerana penjaja sendiri pun tidak boleh menahan bau longkang yang busuk.

Kalau berikan sewa RM5.00 sebulan pun orang tidak mahu sewa, siapa yang mahu buat berniaga sedangkan pelanggan seorang pun tidak ada. Ini memang merugikan, tapak tersebut hanya dibiarkan kosong dan tidak mendatangkan apa-apa pendapatan.

Tuan Speaker, bukan sahaja tapak penjaja tersebut tidak menyumbangkan apa-apa pendapatan, lebih teruk lagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) Kerajaan kita Pakatan Rakyat, terpaksa mengupah tiga orang pengawal keselamatan, (*security guards*) dengan tiga syif, 24 jam untuk menjaga tapak tersebut supaya kerusi, meja, suis, plak, *fius box*, kipas dan lampu tidak dicuri dan juga bagi menghindari kecurian. Jadi dalam akaun pendapatan tapak penjaja tersebut hanya menunjukkan angka negatif sahaja kerana hanya mengeluarkan duit untuk mengupah pegawai keselamatan mencecah RM3,000.00 sebulan.

Y.B. Tuan Speaker, saya menyeru kepada Kerajaan Negeri kita yang berjiwa rakyat ada satu pendekatan baru, perlu diambil supaya tapak penjaja tersebut supaya tidak dibiarkan begitu sahaja. Keadaan sekarang ini memang merugikan MPPP. Antara usaha yang boleh diambil adalah harap tapak tersebut di *renovation* menjadi Dewan Masyarakat. Ini adalah cadangan saya. Masalah kedua masalah banjir juga di kawasan tersebut. Sejak Mutiara Height didirikan, masalah banjir menjadi satu kekerapan di kawasan sekeliling disebabkan pembinaan projek ini lebih tinggi di kawasan sekeliling dan keadaan parit yang sempit mengakibatkan banjir di landa kawasan sekelilingnya. Bila air laut pasang dan hujan lebat, banjir berlaku, sebelum pembinaan Mutiara Height tidak terdapat sebarang masalah banjir di kawasan tersebut. Terdapat tiga kampung terlibat dengan masalah banjir ini iaitu Kampung Tengah, Kampung Jalan Madrasah dan Kampung Pokok Asam.

Jumlah mangsa banjir bagi ketiga-tiga kampung ini adalah sehingga 80 hingga 100 rumah terbabit, lihatlah semua bagaimana Barisan Nasional yang lama dahulu berprihatin terhadap masyarakat kaum Melayu di kawasan tersebut, kata UMNO jaga orang Melayu, tetapi Kampung Melayu pun banjir, tiga kampung pun banjir kerana projek ini Koperasi UMNO wanita Kepala Batas. Jaga UMNO atau jaga orang Melayu.

Justeru itu saya meminta jasa baik Kerajaan Negeri kita supaya mengambil serius akan masalah ini dan membantu mengurangkan beban penduduk ketiga-tiga kampung ini dengan membersihkan parit monson dan melebarkan pelebaran longkang di sekeliling kawasan tersebut dapat mengurangkan masalah banjir ini.

Y.B. Tuan Speaker, masalah ketiga di kawasan itu, iaitu masalah tempat letak kereta dan jalan yang sempit. Mutiara Height di Lintang Hajjah Rehman yang berada di hadapan projek jalan tersebut di panggil Lintang Hajjah Rehman, merupakan satu jalan dan sesak dengan kereta. Apabila terdapat sebarang kecemasan seperti kebakaran atau orang sakit menjadi kesukaran kepada kereta bomba atau kereta ambulan untuk melalui jalan tersebut dan seterusnya ke Mutiara Height. Masalah tempat letak kereta di tepi jalan juga merupakan faktor utama jalan tersebut sempit. Pemilikan kereta yang banyak di Mutiara Height mengakibatkan penduduk untuk meletak kereta di bahu jalan. Kerajaan Barisan Nasional hanya kuat promosi untuk menjual kereta nasional sahaja tetapi lupakan kebajikan pemilik kereta yang menghadapi masalah ketidakcukupan tempat letak kereta.

Justeru saya menyeru Kerajaan Negeri CAT kita dapat mempertimbangkan cadangan saya supaya Akta Perumahan di Negeri kita perlu dikemaskinikan. Akta sekarang membolehkan setiap 4 unit rumah kos rendah dengan satu lot tempat letak kereta dan bagi lima unit rumah kos sederhana rendah LMC dengan 3 lot tempat letak

kereta. Di kala ini banyak yang membeli kereta, ekonomi turun naik pun semua beli kereta. Harap Kerajaan Pakatan Rakyat kita dapat mempertimbangkan Akta baru yang lebih bersesuaian dengan masalah ini. Secara kesimpulan projek Mutiara Height ini

merupakan satu projek yang dipenuhi dengan banyak masalah. Adalah menjadi satu tanda soalan bagaimana projek ini boleh dapat diluluskan dan diberi O.C. *What kind of action is taken place before this project has been approved ...*(dengan izin),. Terlalu banyak masalah sudah tergambar cara pengurusan Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini dalam meluluskan projek ini. Bagi saya menjadi satu kemusykilan bagaimana projek Mutiara Height ini boleh diluluskan sedangkan projek J.E. Way tidak disiapkan sepenuhnya. dengan mempercepatkan lagi projek J.E. Way Fasa 3 dapat mengurangkan kesesakan di Lintang Hajah Rehmah. Ini sudah menjadi tanggung jawab Kerajaan Pakatan Rakyat kita sekarang dan kita perlu mengambil langkah-langkah selanjut demi mengurangkan masalah-masalah yang berpunca dari pembinaan projek Mutiara Height ini. Kesilapan begini tidak boleh diulangi lagi di masa hadapan. Setiap cadangan projek perumahan Kerajaan di Negeri kita pe

rlu dikaji dengan lebih teliti lagi dengan mengambil berat semua aspek termasuk kehidupan dan kebajikan penduduk setempat.

Y.B. Tuan Speaker, akhir sekali saya mencadang agar Kerajaan Pakatan Negeri kita membuat satu perubahan yang berkonsep jiwa rakyat terhadap soalan saman. Buat masa ini Kerajaan Negeri mendiskaun 50% terhadap saman yang diselesaikan dalam tempoh 14 hari, tetapi usaha ini boleh dipertingkatkan lagi jikalau kita dapat memupuk kesedaran rakyat supaya tidak melanggar undang-undang dan seterusnya mengurangkan pengeluaran saman. Pihak MPPP dan Kerajaan Negeri perlu mengadakan banyak program untuk rakyat bagi membolehkan mereka sedar akan cara untuk mengurangkan jumlah saman di Negeri kita. Hanya dengan memberi saman sahaja kita tidak dapat mengurangkan orang ramai dari tidak melanggar undang-undang. Itu merupakan satu *system konvensional* kesedaran itulah yang paling penting iaitu bagaimana boleh kita elak dari diberi saman dengan menggunakan cara yang betul. Bagi membolehkan Negeri kita untuk mencapai status international City CAT, kesedaran dan tingkah laku rakyat kita juga perlu diambil kira. Saya berharap agar Kerajaan sedar akan keperluan untuk memupuk taraf rakyat kita untuk setanding dengan Negara-negara lain. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Dipersilakan Ahli Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatan Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera. Bismillahirrahmanirrahim, (doa).

Y.B. Tuan Speaker, ucapan sulung saya di Dewan Yang Mulia ini dan terima kasih diucapkan kepada Pakatan Rakyat yang membantu saya dalam kempen Pilihan raya di Permatang Pasir baru-baru ini yang membolehkan saya menduduki kerusi ADUN Permatang Pasir yang ditinggalkan oleh Allahyarham Dato Haji Mohd. Hamdan Abdul Rahman. Kerja-kerja akan terus disambung untuk rakyat Permatang Pasir yang ditinggalkan oleh Allahyarham dan Insya Allah dapat diteruskan.

Y.B. Tuan Speaker, Permatang Pasir berjiran dengan Sungai Dua dan juga Seberang Jaya yang kebetulan pada petang ini seluruh para pembangkang tidak dapat mengikuti perbahasan kemungkinan apabila mungkin tidak menarik balik seperti mana yang dikehendaki oleh Y.B. Tuan Speaker dengan merujuk bahawa mereka tidak menginginkan melihat atau mendengar perbahasan di dalam Dewan ini.

Y.B. Tuan Speaker, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini menyambut Sambutan Jubli Emas yang ke-50 tahun bermula 1959 sehinggalah 2009. Sudah 7 orang TYT atau Yang Di-Pertua Negeri, sudah 12 kali Pilihan raya Umum dan saya pula pertama kali bersama-sama Ahli Dewan Yang Mulia ini bersidang dengan tujuan untuk membincangkan perkara-perkara yang boleh menyumbangkan pembangunan Negeri Pulau Pinang yang kita cintai ini tetapi saya amat tidak gembira apabila Dewan yang baru bersidang baru-baru ini dicemari dengan peristiwa demonstrasi jalanan yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan yang sedia kita maklum yang saya kira belum pernah berlaku sedemikian rupa sebelum ini dan suasana yang cukup dianggap mendatangkan kesan yang tidak baik kepada imej Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker, Saya rasa sudah ramai rakan-rakan membahaskan ucapan yang telah diucapkan oleh Ketua Menteri dalam pembentangan bajet baru-baru ini dan bagi saya Bajet 2010 yang dibentangkan bukan sekadar bajet biasa. Sedar ataupun tidak, Bajet 2010 merupakan bajet kali kedua Kerajaan Pakatan Rakyat selepas Bajet 2009. Ini menandakan sudah hampir 2 tahun, hampir 24 bulan, hampir 700 hari Kerajaan Pakatan Rakyat berdiri, bertapak menyumbang budi, kepada tanah sekebum seri, Pulau Pinang nama diberi. Bukan sekadar bertahan, malah Kerajaan Negeri hari ini bersama 1.5 juta rakyat Pulau Pinang terus mencipta pelbagai kejayaan. Tahniah kepada Kerajaan Negeri dan semua pihak yang berjaya melakukan pencapaian sebegini hebat. Alhamdulillah, Cuma sama-samalah kita beringat, agar pencapaian sebegini tidak melekakan kita hingga menyebabkan kita lupa, kita alpa; sebaliknya menjadikan semua kejayaan ini sebagai motivasi berterusan untuk kita terus mencipta lebih banyak kejayaan dengan prinsip moral yang tinggi dan gerak kerja yang berkualiti; yang mana akan membuahakan kejayaan-kejayaan melangit namun hati dan budi tetap merendah ke bumi.

Y.B. Tuan Speaker, saya tertarik untuk melanjutkan perbahasan ini dengan menyentuh kejayaan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang yang berjaya mengurangkan anggaran perbelanjaan Negeri pada tahun 2009. Tambah manis, ia disusuli dengan kejayaan menambahkan pendapatan Negeri, jauh daripada anggaran pendapatan yang disasarkan. Tambah manis lagi, kejayaan ini adalah kejayaan yang berkualiti kerana ia dicapai dengan penuh integriti, bebas daripada sebarang bentuk penyelewengan, merdeka daripada skandal orang-orang politik hingga layak diiktiraf oleh *Transparency International* dan Ketua Audit Negara. Jelas membuktikan tanpa amalan rasuah pun, ekonomi sesebuah Negeri masih mampu dipacu dengan gah. Tanpa mengamalkan kronisme pun, kita mampu menikmati pembangunan malah pembangunan yang dinikmati jauh lebih baik. Dalam Islam, inilah dipanggil barakah, Orang Melayu sebut berkat. Konsep barakah itu mudah, kita ikut perintah Tuhan, Tuhan kasi lagi banyak ong kepada kita, kita jauh dari Tuhan, Tuhan kasi lagi banyak sue pada kita. Duit mungkin banyak tapi hati tarak senang punya bila kroni kita kenang tetapi sekarang, duit pun banyak, hati banyak tenang, bila rakyat kita sama-sama sayang. Untuk kejayaan-kejayaan ini sekali lagi saya rakamkan jutaan tahniah kepada Kerajaan Negeri, seluruh kakitangan yang terlibat dan rakyat Pulau Pinang kerana usaha keras bersama.

Y.B. Tuan Speaker, untuk perkara ini saya mempunyai beberapa pandangan berkenaan dengan isu penggunaan lebihan wang pendapatan. Sesungguhnya isu lebihan wang pendapatan merupakan antara isu klasikal ekonomi yang bersifat sentrik dan fundamental. Dalam ekonomi, penggunaan sumber-sumber

ekonomi seperti pendapatan adalah amat kritikal. Pengurusan sumber yang berjaya ialah pengurusan secara efisien yang membuahkan output yang produktif lagi optimum. Pendek kata, persoalan yang timbul ialah bagaimanakah caranya Kerajaan Negeri memastikan lebihan pendapatan ini mampu dioptimumkan penggunaannya? Apabila kita bercakap berkenaan lebihan pendapatan, secara tidak langsung Negeri mempunyai kapasiti untuk melebarkan lagi skala ekonomi. Bagi pakar ekonomi, sememangnya semakin melebarnya skala ekonomi ini, semakin banyak kelebihan buat pembangunan ekonomi Negeri, ekonomi Negeri semakin berkembang. Walaupun begitu, perkara yang dirisaukan oleh kebanyakan pakar ekonomi ialah ketidakupayaan organisasi terlibat; dalam konteks kita, Negeri kita ini; dalam mengurus perkembangan skala ekonomi yang pesat ini. Apabila skala ekonomi makin membesar, kita memerlukan pengurusan yang lebih besar, beban kerja semakin bertambah sekali gus menambahkan beban kerja para kakitangan Kerajaan Negeri. Untuk menyelesaikan permasalahan ini; ada dua cadangan ingin saya utarakan; satu bersifat jangka masa pendek. Dan satu lagi bersifat jangka masa panjang. Dari sudut jangka masa pendek, saya mengesyorkan Kerajaan Negeri menambahkan bonus kepada kakitangan Kerajaan Negeri berdasarkan pencapaian gerak kerja yang berkaitan. Pemberian bonus ini sememangnya akan menaikkan lagi motivasi para pekerja untuk bekerja dengan lebih produktif dan efektif.

Dari segi jangka masa panjang pula, saya merujuk nota nombor 3 berkenaan dengan Hub Pendidikan Cemerlang di Pondok Upeh, Balik Pulau. Saya menyokong penuh usaha ini kerana usaha sebegini akan menambahkan lagi keupayaan Kerajaan Negeri dalam tenaga kerja yang berkualiti sekali gus mampu memenuhi tuntutan perkembangan skala ekonomi. Namun, dalam mendidik para pelajar dengan pendidikan bersifat fizikal, kita sering lupa akan elemen spiritual dan moral yang kental ditekankan juga. Justeru, saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memastikan mekanisme untuk memastikan pendidikan spiritual dan moral ditekankan dalam ko-kurikulum pendidikan ini dengan pendekatan yang baru yang lebih segar mengikut pagedaran zaman. Ini penting agar contohnya andai mekanik yang dihasilkan nanti, bukan hanya baik perkhidmatan memperbaiki mesinnya tetapi juga baik dan amanah orangnya.

Y.B. Dato' Speaker, ingin saya menarik perhatian Dewan akan nota nombor 9 dalam pembentangan bajet berkenaan skandal penyelewengan tanah Tang Hak Ju yang menyebabkan Kerajaan Negeri kita terpaksa menyalurkan RM40 juta semata-mata untuk menyelesaikan isu ini dari menjadi lebih parah. Yang hangat diperbincangkan oleh rakan-rakan saya tadi. Di sini suka saya ingatkan tentang dua perkara. Pertama, Kerajaan Negeri mesti pastikan penyelewengan seumpama ini tidak berlaku lagi di masa depan bagi mengelakkan dana Negeri terpaksa disalurkan ke perkara-perkara yang sepatutnya boleh disalurkan ke tempat yang lebih baik seperti pembangunan sosial dan ekonomi Negeri untuk kepentingan rakyat. Dan yang kedua, saya berharap agar isu ini tidak dipolitikkan sebaliknya setiap daripada kita insaf dan mengambil pengajaran akan isu ini. Pendek kata, Y.B. Dato' Speaker, yang salah, bertaubat. Yang masih betul, ambil pengajaran. Saya berharap kita sebagai Kerajaan yang baru tidak mewariskan pentadbiran yang berlaukkan rasuah, berbuah kronisme sepertimana yang berlaku sebelumnya di bawah Kerajaan UMNO, Barisan Nasional.

Y.B. Dato' Speaker, kini saya ingin menarik perhatian Dewan akan nota nombor 24 dalam pembentangan bajet berkenaan isu pelancongan. Sebagaimana yang kita tahu, ekonomi Negeri Pulau Pinang pada tahun 1970-an adalah berasaskan industri pertanian kemudian berkembang ke industri pembuatan dan hari ini, industri perkhidmatan; yang mana entiti industri pelancongan merupakan antara enjin

pembangunan yang utama. Ini merupakan ciri-ciri sesebuah Negara, sebuah Negeri yang maju. Dengan itu, amat penting agar perkhidmatan pelancongan yang bersifat segar, kreatif, mesra pelancong dititikberatkan. Di sini, saya ingin mencadangkan beberapa usaha dalam memperkasakan bidang pelancongan ini.

Yang pertamanya, penganjuran *World Food Festival*(dengan izin),. Tidak dinafikan, bila sebut Penang, kalau di Negeri-Negeri yang lain kalau kita cakap kita datang dari Pulau Pinang, orang akan ingat khususnya makanan sepertimana kita kata, pasembor, mee goreng mamak, nasi kandar, teh tarik dan berbagai lagi makanan yang ada di Pulau Pinang ini. Justeru, itu saya mencadangkan agar Exco Pelancongan menganjurkan *World Food Festival* seperti yang terkenal di Melbourne, Australia bagi memastikan aset pelancongan berharga Penang ini tidak dipersia-siakan. Kita punya begitu banyak kekuatan yang boleh ditonjolkan di sini termasuklah promosi produk-produk makanan halal seperti mana yang sering diuar-uarkan. Dengan peningkatan penganut baru Islam di Negara-negara maju akhir-akhir ini, pastinya ini akan mempromosikan pasaran baru produk makanan halal di Negara-negara berkenaan dengan lebih giat lagi menerusi penganjuran seumpamanya. Saya rasa ia mampu dilakukan di samping *World Music Festival* yang dianjurkan sebelum ini.

Usaha pelancongan kedua menerusi usaha-usaha memantapkan *tourist centre* atau *information centre, i-centre*....(dengan izin). Saya tertarik dengan usaha penyediaan kit ataupun macam buku panduan pelancongan yang sungguh informatif sepertimana yang diamalkan di Wilayah Victoria, Australia. Mungkin Ahli Dewan tertanya-tanya macam mana, apakah saya telah pergi ke Australia dan sebagainya. Sebenarnya saya mendapat maklumat ini melalui bacaan. Bacaan-bacaan nampak banyak yang boleh mendatangkan keuntungan. Y.B. Tuan Speaker, bagaimana untuk menarik minat di kalangan para pelancong sama ada luar Negara ataupun tempatan. Apa yang berlaku di Victoria, i-centre di sana, pertamanya ia didirikan di kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai yang bukan sahaja menarik pelancong asing tetapi juga pelancong tempatan seperti di pusat-pusat membeli belah. Kedua, dalam kita berkenaan diadakan *system mapping*, pemetaan dan informasi berkenaan program mengikut musim-musim. Memanglah Penang tidak mempunyai empat musim, namun saya rasakan usaha memperbaharui kit secara kerap ini adalah idea yang segar dan sentiasa *updated*. Malah, dalam kit berkenaan penuh dengan potongan promosi ke tempat-tempat pelancongan berbayar. Ini penting, kerana ia bukan sahaja menarik pelancong asing malah juga pelancong tempatan seperti yang ditegaskan sebelumnya. Saya rasa sudah sampai masanya kita juga menitikberatkan usaha menarik pelancong asing menerusi potongan promosi ini bagi mengelakkan krisis dalam bidang ekonomi.

Y.B. Dato' Speaker, saya sekarang juga ingin menarik perhatian Dewan akan nota nombor 28 dalam pembentangan bajet berkenaan yang telah dinyatakan berkaitan dengan pembentangan bajet Pelan Induk Pengangkutan Negeri. Berkenaan dengan isu pengangkutan awam khususnya, saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri melaksanakan sistem penjadualan yang kemas sepertimana yang banyak diamalkan di Negara-negara maju, mungkin di kalangan Ahli-ahli Dewan biasa berada di Negara-negara maju yang lain. Saya mengambil contoh di sini contohnya Australia terutama di Melbourne. Di sana, terdapat satu sistem di bawah seliaan MetLink Company di mana

setiap pengangkutan awam; baik bas, baik tram macam kereta api tengah jalan mahupun kereta api antara bandar; dipamerkan jadual perkhidmatan 7 hari dalam 24 jam dipamerkan berserta dengan peta jalan pengangkutan jalan di setiap perhentian. Ini bukan sahaja memudahkan perjalanan semua penumpang; malah penumpang mampu

membuat perancangan sebelum menggunakan perkhidmatan awam. Ini juga akan memupuk imej profesionalisme di kalangan sektor pengangkutan awam dan membantu industri pelancongan. Andai kata sistem penjadualan ini segera dimulakan, saya pasti ia dapat dipanjangkan dengan sistem yang sama bagi perkhidmatan monorel di masa akan datang. Sekarang saya ingin menarik perhatian Dewan akan nota nombor 38 berkaitan isu krisis bekalan air. Pertamanya, saya ingin menimbulkan sedikit persoalan dan inginkan penjelasan lanjut berkenaan mengapakah tanda aras Singapura dan Hong Kong digunakan kerana saya merasakan perbandingan *like-to-like* itu tidak berapa ada bila dibandingkan dengan Singapura dan Hong Kong. Pertama, iklim cuaca yang berbeza di Hong Kong kerana isu penggunaan air banyak berkait rapat dengan cuaca setempat. Kedua, dari budaya penggunaan yang berbeza di Hong Kong dan Singapura itu sekali gus nampak kurang relevan perbandingan di antara Singapura dan Hong Kong. Malah Singapura memang terpaksa mengamalkan dasar penjimatan memandangkan mereka tidak mempunyai empangan seperti Negeri kita Pulau Pinang ini. Saya membangkitkan hal ini kerana jika kita melihat nota 38, hujah bahawa rakyat Negeri kita membazir adalah berdasarkan anggapan ini, lantas langkah denda dikenakan.

Berkenaan dengan langkah denda, saya menyokong cadangan ini. Namun, mengambil kira krisis bekalan air yang dihadapi di Negara-negara maju yang lain yang berhadapan dengan krisis kemarau berpanjangan yang mana mereka turut melaksanakan langkah mendenda. Kritikan terhadap langkah denda ialah ia akan merencatkan ekonomi dan cara hidup rakyat kerana air antara input utama sektor pembuatan, pertanian dan sebagainya. Justeru, andai sampai satu tahap yang dirasakan perlu, kita perlu memikirkan sumber air yang lain yang tidak bergantung kepada air hujan seperti *water distillation*....(dengan izin), macam air bukit umpamanya contoh ataupun air semula jadi. Malah, kalau kita mahu mendidik rakyat untuk tidak membazir air, pendidikan melalui hebahan kempen boleh digiatkan dan disegarkan pendekatannya. Sebagai contoh, kalau kita sebelum ini Y.B. Ketua Menteri menekankan, *Amar Makruf Nahi Mungkar*, mungkin untuk isu pembaziran air, kita boleh tegaskan, jangan membazir kerana membazir amalan syaitan. Boleh kita ketengahkan dengan kita kompromi *Amar Makruf dan Nahi Mungkar* itu.

Berkenaan dengan isu kempen juga, saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk menggiatkan lagi sebarang usaha positif menerusi kempen digiatkan menerusi pendekatan yang segar di rumah-rumah ibadat dan pusat-pusat sosial komuniti seperti masjid-masjid, gereja-gereja, balai-balai raya dan sebagainya. Ini bukan sahaja berkenaan Kempen Membazir Air semata-mata malah juga Kempen Bumi Hijau yang terdapat menerusi Nota 46 dan seterusnya dalam pembentangan bajet. Dalam Al-Quran begitu banyak dinyatakan berkenaan dengan isu pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar sebagai contoh dalam surah Ar-Rum, ayat 41 yang bermaksud, "Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan-tangan manusia (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali insaf dan bertaubat." Oleh itu, andai kata kita tidak mampu mengubah sistem pendidikan formal sedia ada dek kerana ia di bawah Kerajaan Persekutuan, mana-mana institusi sosial seperti rumah-rumah

ibadat di bawah kawal seliaan Kerajaan Negeri harus dioptimumkan penggunaannya menerusi program-program pendidikan sebegini. Sebab itulah kita lihat akhir-akhir ini berbagai-bagai suasana dan keadaan yang mengakibatkan dari persepsi di kalangan masyarakat dan sikap rakyat itu sendiri. Sebab itu kita mampu dan dapat mengharapakan Kerajaan Negeri melakukan dengan lebih baik lagi di masa-masa akan datang.

Y.B. Tuan Speaker, di dalam pembentangan bajet juga nota 59 dengan pemberian wang tunai berjumlah RM100 setahun kepada warga emas yang berdaftar dengan pejabat ADUN Kawasan. Pertamanya, tahniahlah kepada Kerajaan Negeri atas keprihatinan Kerajaan Negeri dalam menyediakan peruntukan kepada warga emas ini. Namun saya mengambil kira kadar inflasi dan kos sara hidup yang meningkat adalah wajar bagi pihak Kerajaan meningkatkan lagi peruntukan warga emas ini ke jumlah yang lebih tinggi. Ini bagi membolehkan sumbangan yang diberikan bukan bersifat semata-mata nak bagi, tapi memang kita betul-betul nak beri untuk bantu mereka di dalam mengharungi kehidupan yang makin terdesak ini. Berkat doa dari orang-orang miskin dan dhuaafa yang selama ini diabaikan kehidupannya mudah-mudahan membuka pintu langit dan menambahkan keberkatan selama kita melaksanakan amanah mentadbir Negeri Pulau Pinang insya-Allah.

Di sini, saya juga ingin memuji tindakan Kerajaan Negeri menambahkan peruntukan kepada para huffaz, kepada program pengimarah masjid dan banyak lagi sepertimana yang dijelaskan di dalam nota 72-76 dalam belanjawan Negeri. Cuma di sini, saya ingin lebih lagi mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar menggiatkan lagi usaha untuk menekankan peri pentingnya institusi-institusi agama seperti masjid ini untuk menggunakan pendekatan-pendekatan baru dan lebih segar bagi menarik lagi penglibatan rakyat Negeri Pulau Pinang terutama dalam kalangan generasi muda agar kesan penggunaan wang yang kita salurkan akan lebih kelihatan sekali gus meningkatkan usaha mewujudkan iklim ketakwaan kepada tuhan sepertimana yang ditekankan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam pembentangan bajet tahun lepas. Untuk itu, bentuk-bentuk latihan penggunaan teknologi dalam kalangan ahli jawatankuasa masjid di samping menerapkan ahli jawatankuasa terdiri daripada generasi muda boleh difikirkan di dalam merencanakan lagi usaha murni ini.

Y.B. Timbalan Tuan Speaker, selain daripada pengiktirafan Al-Huffaz oleh Kerajaan, kita tidak harus lupa pengorbanan-pengorbanan Imam masjid yang amat diiktiraf oleh masyarakat Islam. Imam masjid amat dekat dengan masyarakat amnya umat Islam itu sendiri. Setiap tempat, di setiap kawasan saya cadang dan syorkan juga Imam-imam masjid di seluruh Pulau Pinang yang sudah berkhidmat di masjid 10 tahun ke atas juga perlu diberi pengiktirafan oleh Kerajaan kerana jasanya, baktinya yang amat bernilai di sisi masyarakat. Bukan mudah melahirkan Imam-imam masjid bukan mudah dapatkan imam yang berwibawa dan berintegriti. Jadi, dengan adanya sedikit pengiktirafan oleh Kerajaan Negeri mudah-mudahan dengan apa yang dilakukan itu akan lebih meningkatkan lagi berkenaan dengan peranan yang dilakukan oleh imam-imam masjid.

Y.B. Timbalan Tuan Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan perbahasan pagi ini, amatlah diharapkan segala perancangan dan pembentangan ini akan dapat rahmat dari Allah jua. Mudah-mudahan Allah akan sentiasa mendorong kita yang diberikan peluang memikul amanah ini untuk terus bersabar dan bertakwa kepada Allah serta bertawakal kepadaNya bagi meneruskan agenda pembangunan yang direncanakan. Saya memohon menyokong.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Y.B. Timbalan Tuan Speaker, Y.B. Y.B. salam sejahtera dan selamat petang. Terima kasih kepada Y.B. Timbalan Tuan Speaker kerana memberikan peluang kepada saya untuk ucapan perbahasan pada saya untuk ucapan perbahasan pada Mesyuarat yang ketiga, Penggal yang Kedua, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ini.

Beberapa isu yang akan saya akan sentuh pada petang ini. Y.B. Timbalan Tuan Speaker, ekonomi adalah amat penting ke atas rakyat semua di Pulau Pinang adalah dijangka ekonomi akan berterusan lemah dan akan mengambil jangka masa yang panjang untuk memulihkan walau bagaimanapun, jangkaan ini mungkin tidak dipersetujui mungkin kesemua pakar-pakar ekonomi berkata akan memulihkan dengan cepat pada tahun depan yang akan datang tetapi sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab Kerajaan Negeri Pulau Pinang haruslah bersedia untuk menghadapi masalah-masalah ekonomi kalau ia timbul pada masa akan datang.

Y.A.B. Ketua Menteri

Y.B. Timbalan Tuan Speaker, selaras dengan peraturan 6A(1) Peraturan-peraturan majlis mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mohon masa persidangan hari ini 2 Disember 2009 dilanjutkan sehingga jam 6.45 petang ini.

Y.B. Timbalan Tuan Speaker,

Ahli-ahli Y.B., Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini sehingga jam 6.45 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Usul dipersetujui dengan sebulat suara.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Terima kasih Y.B. Timbalan Tuan Speaker, oleh yang demikian saya ingin mencadangkan beberapa langkah untuk mempertimbangkan melanjutkan projek infrastruktur dengan secepat mungkin.

Projek Monorel, yang saya dimaklumkan dengan sudah lama Negeri Pulau Pinang menimbangkan melanjutkan projek infrastruktur supaya lebih ramai orang akan memilih untuk menaiki kenderaan awam berbanding dengan mengambil kenderaan sendiri, terutamanya kenderaan seperti monorel. Dengan adanya kenderaan-kenderaan awam ini, maka orang ramai akan mempunyai lebih banyak pilihan.

Yang kedua ialah bas, selain daripada itu, stesen-stesen perhentian bas juga harus di naik taraf nampaknya kebanyakan stesen-stesen bas sudah lama dan perlu diperbaiki. Saya pernah nampak sebuah perhentian bas yang mana bumbungnya terletak di sisi tepi jalan. Ada juga stesen bas yang mananya tidak ada lampu jalan raya

yang berdekatan ataupun perhentian bas itu sangat gelap, ini akan menambahkan risiko penumpang. Salah satu masalah adanya syarikat bas cuma menguruskan perjalanan bas yang beruntung sahaja tidak peduli penumpang-penumpang orang ramai dari taman-taman atau jalan-jalan yang kurang menguntungkan.

Saya bercadang supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang harus campur tangan ke atas urusan rancangan perjalanan bas dalam Negeri dan mempertingkatkan infrastruktur yang sedia ada. Jikalau kita tengok dari segi ekonomi masa merupakan salah satu unsur kos peluang *opportunity cost*(dengan izin), yang sangat penting. Ketepatan ketibaan bas adalah sangat penting. Akan tetapi, bas di Negeri ini jarang tiba pada masa yang tetap dan masa-masa perjalanan tidak pernah dilampirkan. Saya mencadangkan bahawa uruskan papan pameran jadual waktu dan informasi yang diperlukan dengan secepat mungkin.

Seterusnya stesen teksi bermeter, sebab sering kali teksi yang tidak bermeter ini membuka harga dengan sesuka hati dan harga-harga ini adalah sangat tinggi. Ianya menambahkan beban orang ramai dan menyebabkan pelancong-pelancong kurang berkeyakinan dan memberi komen buruk ke atas dan kepada kenderaan awam di Pulau Pinang. Ini menjatuhkan imej Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri *tourism* ataupun yang akan menjadi sebuah Negeri *International City*. Justeru, menjejaskan sektor pelancongan di Negeri ini. Saya faham, urusan berkaitan dengan teksi bermeter adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat tetapi saya harap Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil langkah-langkah atau tindakan-tindakan yang perlu dalam kuasa Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. Dengan menjalankan langkah-langkah ini, maka penduduk atau rakyat di Negeri Pulau Pinang akan mempunyai pilihan yang lebih banyak.

Maka kita semua dapat menggunakan kenderaan awam dan tidak perlu mengambil beban dengan kenderaan sendiri. Beban-beban yang dikurangkan adalah membiayai ansuran kereta, membiayai petrol yang kian mahal dan kos membiayai kenderaan. Satu masalah lagi kenderaan awam selesai dengan masa ke masa depan akan mengurangkan beban *individual* dan akan menaikkan *purchasing power* (dengan izin) ini akan menambahkan lagi wang di pasaran kita Y.B. Dato Speaker, saya faham bahawa dalam jangka masa yang pendek tidak mungkin Kerajaan Negeri dapat meningkatkan kesemua infrastruktur di Negeri ini seperti yang saya tersebut akan tetapi terdapat juga langkah-langkah yang boleh diambil dalam masa yang pendek. Masalah kesesakan lalu lintas yang dihadapi telah mengurangkan *effective* dan *productive* rakyat Pulau Pinang. Ramai rakyat jelata membazirkan masa dan tenaga dalam kesesakan lalu lintas andaikan jikalau masa dan tenaga yang dibazirkan di jalan raya dapat digunakan untuk kerja ataupun kepada keluarga mereka dengan aktiviti yang lebih bermakna. Oleh itu, seperti yang dicadangkan oleh saya dalam ucapan tadi pada penggal yang lalu saya cadangkan bahawa pada jangka masa pendek ini tanah lapang Kerajaan atau tanah agensi Kerajaan yang sesuai dan belum dibangunkan digunakan sebagai tapak letak kereta sementara.

Selepas ini, sistem kotak letak kereta di tepi jalan boleh dihapuskan untuk kelancaran lalu lintas dengan ini, usaha bersusah payah untuk melebarkan jalan raya tetapi dengan kaedah demikian jalan raya akan menjadi luas. Hukuman yang berat harus diberi kepada sesiapa yang meletak kereta di jalan raya dengan sesuka hati seperti apa yang dilaksanakan di kawasan Pulau Tikus, sesiapa yang meletakkan kereta mereka di tepi jalan akan dikenakan hukuman tetapi akan meronda kereta. Langkah-langkah tersebut akan mengakibatkan perjalanan bas-bas akan lebih lancar dan sampai

dengan masa yang tepat dan kenderaan-kenderaan persendirian juga dapat sampai ke destinasi mereka dengan lebih lancar. Walau bagaimanapun, untuk merancang jangka masa panjang tambahan pula perkhidmatan bas awam, projek monorel atau *airor bus*, tren di kawasan atau perkhidmatan teksi dan persendirian dan persediaan jalan laluan basikal adalah diperlukan dan kesemua projek-projek ini dengan secepat mungkin rakyat Pulau Pinang telah pun menunggu terlalu lama untuk projek-projek yang akan dilaksanakan tersebut dengan pengurusan pengguna kereta persendirian dari segi *effective* dan *productive* maka kita juga dapat menolong mengurangkan pembaziran sumber semula jadi dan dapat membantu menjaga kebersihan udara yang kian menjadi buruk. Di samping itu, pelaksanaan bina projek-projek infrastruktur tersebut juga akan menggiatkan ekonomi dalam Negeri, Kerajaan Negeri boleh menentukan syarat-syarat yang memanfaatkan pekerja tempatan seperti mungkin 70% atau lebih daripada pekerja dan pembekal haruslah dari tempatan.

Y.B. Dato Speaker, saya amat menyokong kepada Polisi yang diamalkan Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Lim Guan Eng, terhadap *Count, Transparency, Accountability* (CAT) dan bersetuju Polisi ini amat menguntungkan rakyat Pulau Pinang saya berasa bagi Polisi *transparency* boleh diperluaskan lagi kepada beberapa sektor Kerajaan setiap jabatan Kerajaan Negeri mempamerkan prosedur dan masa diguna dengan teliti permohonan atau kelulusan saya telah menerima aduan bahawa banyak kali apabila rakyat menghantarkan dokumen permohonan, permohonan ini akan dihantar balik kerana kurang lengkap dengan sering kali apakah mereka menghantar borang permohonan mereka diberitahu oleh kaunter penerima bahawa borang sedia ada sudah cukup atau sesetengah dokumen adalah tidak diperlukan dan dikembalikan oleh kaunter ini. Akan tetapi selepas berapa hari atau minggu *official* pegawai yang bertanggungjawab pula akan menelefon dan meminta dokumen tersebut masalah ini memang senang diselesaikan dengan panduan yang jelas. Sepatutnya setiap kakitangan Kerajaan harus jelas dengan setiap proses permohonan dan dokumen-dokumen yang diperlukan saya juga difahamkan semua permohonan terdapat satu *checklist*(dengan izin), tetapi sering kali ianya telah dipatuhi *progress* permohonan perlu diberitahu kepada orang ramai di bawah prinsip *transparency* kita sepatutnya memberitahu oleh orang ramai bagi sesuatu permohonan akan beberapa jabatan yang permohonannya akan melalui.

Setiap jabatan bertanggungjawab ke atas apa prosedur yang berlainan susunan jabatan-jabatan itu juga harus diberitahu semasa permohonan malangnya tentang status permohonannya, proses permohonan harus diketahui dan jawapan yang jelas seperti hingga tahap apa permohonan itu dan ada beberapa jabatan atau progress yang diperlukan lagi. Saya mencadangkan kalau boleh suatu jabatan *one stop service centre* ...(dengan izin), diadakan untuk urusan *internal* menguruskan kos *department* untuk selesaikan semua jabatan yang perlu dilalui, rakyat cuma bertemu seorang pegawai perkhidmatan sahaja. Y.B. Dato Speaker, saya juga ingin menyentuh isu pelabur asing saya difahamkan Kerajaan Negeri memang berusaha untuk menaik pelabur asing untuk melabur di Negeri. Tanya kepada semua Exco-Exco dan Ahli-ahli yang terlibat dengan usaha ini, saya dapat lihat memang ramai pelabur yang berminat melabur di Negeri Pulau Pinang akan tetapi sebagai Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kita juga harus memastikan bahawa pelabur-pelabur asing dapat melabur di Negeri ini dengan lancar dan cepat. Terdapat terlampau banyak persijilan yang mereka harus diikuti dan jangka masa yang terlalu panjang untuk meluluskan satu projek dalam pelabur asing untuk melabur seperti yang diajar oleh orang-orang tua kita masa itu emas terutamanya bagi peniaga-peniaga atau pelabur-pelabur, masa yang terlebih dan prosedur yang terbanyak akan menyebabkan mereka mengalami kerugian dari segi kelambatan pengeluaran dan lain-lain. Jikalau berbanding dengan Negara-negara jiran

kita yang sedang membangun seperti Thailand, Vietnam, China dan Indonesia kita memang lambat sekali lagi semasa pelabur bertanya tentang proses permohonan mereka hanya diberitahu dalam proses dan atau sila tunggu yang lebih itu sering kali kakitangan Kerajaan sendiri pun tidak tahu di manakah proses itu sedang dijalankan? Di manakah permohonan itu sudah sampai ke siapa yang bertanggungjawab terhadapnya?

Agensi Kerajaan menyediakan informasi-informasi yang perlu untuk pelabur asing dan penempatan khas untuk membantu pelabur mempercepat proses atau permohonan tersebut satu insiden ...(dengan izin), yang saya tidak sebegitu baik adalah bertemu pelabur dari Hainan, China pada bulan September baru-baru ini. Informasi-informasi yang tidak lengkap dan bukan dalam bahasa China dan bahasa tunggal untuk pelabur dari China, mereka amat minat melabur dalam usaha halal hub Pulau Pinang tetapi sukar mendapat harga dan plan konkrit terhadap halal hub Pulau Pinang. Saya di sini menarik perhatian Kerajaan Negeri, Negara-negara seperti China, India dan Middle East adalah pasaran yang kita perlu perhatikan mestilah siapkan informasi dalam bahasa yang *comfort* ...(dengan izin), untuk mereka dengan ini saya bercadang supaya proses permohonan ini dibuka untuk semakan di web-web Kerajaan supaya pemohon tahu sampai ke tahap manakah permohonan mereka dan proses permohonan sepatutnya diringkaskan dan dipercepatkan untuk menarik pelabur-pelabur itu.

Y.B. Dato Speaker, selain dari isu ini kestabilan ekonomi ini dipengaruhi oleh kestabilan politik. Kestabilan politik pula dipengaruhi oleh kestabilan Kerajaan Negeri. Oleh itu, setiap keputusan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri perlu dipatuhi oleh semua pihak Kerajaan Negeri jikalau sentiasa ada kakitangan yang tidak mematuhi pesanan atau mengikut keputusan yang diberikan oleh Kerajaan manakala apa-apa keputusan Kerajaan adalah tidak berguna *useless* ...(dengan izin), oleh itu, adalah penting untuk setiap Ketua Jabatan menentukan pegawai-pegawainya mematuhi dan mengikut pesanan dan keputusan yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri. Saya mencadangkan menambahkan bajet *training* ...(dengan izin), untuk pegawai-pegawai atas tujuan memperkuat kapabiliti dan menaikkan taraf perkhidmatan kakitangan Kerajaan. Y.B. Dato Speaker, saya juga ingin menyentuh beberapa isu yang saya membentangkan dalam soalan lisan bagi isu mengambil ronda di kawasan Pulau Tikus, saya memang bersetuju ke atas tindakan ini saya juga memberikan sokongan sepenuhnya keputusan ini tetapi beberapa *factnya* yang saya ingin bangkitkan di sini yang pertama, publisiti dan pendidikan haruslah diperkuatkan lagi terdapat banyak ramai penduduk atau ramai rakyat tidak mematuhi Polisi yang akan kami akan jalankan terutama di Pulau Tikus yang seterusnya keseluruhan Pulau Pinang. Yang kedua, membuatkan kerja-kerja penguatkuasaan saya dapat aduan terhadap pegawai penguat kuasa kita dari MPPP tidak menjalankan tugasnya kerana yang kami tentukan masa itu untuk mengambil ronda mereka tidak ada di tempat *duty* mereka.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji) :

Minta laluan. Terima kasih Y.B. dari Pulau Tikus. Adakah Y.B. dari Pulau Tikus juga mengetahui kadangkala memang selalunya tindakan penguatkuasaan tidak diambil tapi bila ada kejadian-kejadian tindakan penguatkuasaan diambil mesej yang salah disampaikan kepada pihak penjaja di mana pegawai-pegawai penguatkuasaan dengan terus memaklumkan dengan mengatakan kepada penjaja, ADUN kawasan kamu ini dia surat minta tindakan diambil supaya kamu dihalau dari kawasan ini dan tidak dibenarkan untuk menjaja. Saya rasa tindakan itu harus diberi teguran yang paling keras kerana sebagai pegawai penguat kuasa beliau mengambil arahan daripada pihak atasan dan bila kita mengeluarkan permintaan untuk tindakan itu diambil ia adalah disebabkan oleh

gangguan-gangguan ataupun aduan-aduan yang diberitahu kepada kita oleh penduduk di kawasan tersebut. Umpamanya sekiranya berlaku penjajahan secara haram di kaki lima di mana pada pagi-pagi dan petang dan sewaktu balik, orang-orang yang menggunakan kaki lima itu tidak dapat berjalan di atas kaki lima bila buat

aduan kita membuat permintaan tindakan penguatkuasaan diambil tetapi mesej yang salah disampaikan kepada orang di situ. ADUN yang kamu pergi lantik yang kamu undi itu minta supaya kamu dihalau dari kawasan ini, saya rasa tindakan ini harus diberi teguran dan amaran kepada pihak-pihak kakitangan yang terlibat supaya tidak mengulangi perbuatan itu dibuat, terima kasih.

Terima kasih Y.B. Seri Delima. Saya dimaklumkan bahawa sudah ada arahan untuk MPPP atau MPSP tidak boleh mengemukakan nama-nama ADUN atau sesiapa yang membuat aduan, tetapi saya juga bersetuju kepada Y.B. Seri Delima ada lagi pegawai-pegawai penguatkuasaan memberitahu yang penjaja atau pemilik rumah itu yang aduan itu dari siapa-siapa bukan sahaja ADUN tetapi sesiapa-sesiapa yang orang ramai yang mengadunya. Saya juga meminta tindakan disiplin harus diambil dari Kerajaan Negeri yang saya juga faham ini tidak betul dan ini mungkin pegawai-pegawai tersebut hakikatnya yang jahat untuk memberi masalah kepada ADUN-ADUN di kawasan itu dan seterusnya saya juga meminta harus bajet yang dikeluarkan dari Kerajaan Negeri untuk melancarkan projek-projek yang tersebut tadi saya kata itu mengapit roda di Pulau Tikus yang faks keempat menimbangkan cara lain seperti menunda kereta yang kesemua orang ramai beringat lebih kesan daripada mengapitkan roda, faks yang kelima iaitu saya ingin memberikan pandangan saya yang untuk mengapit roda pandangan saya adalah di semua jalan raya yang besar seperti Jalan Burma yang melalui Jalan Pulau Tikus seperti Jalan Datok keramat seperti Jalan Macalister. Kalau yang projek ini berjaya di kawasan Pulau Tikus saya meminta Kerajaan Negeri ,menjalankan Polisi ini kesemua Negeri Pulau Pinang dan juga saya tidak bersetuju Polisi ini dijalankan di *residential area* ...(dengan izin) yang seterusnya saya juga ingin membangkitkan soalan jawapan lisan yang hendak meminta penjelasan yang soalan-soalan lisan saya adalah ...(dengan izin), saya membacakan soalan ini apakah objektif Polisi Kerajaan Tempatan menambahkan *density* pembangunan dan apakah kesannya jika dia diguna pakai. Apakah kebaikannya kepada rakyat, Kerajaan dan pihak pemaju? Di sini saya mungkin ada sikit meminta penjelasan terhadap adakah berapa projek telah diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang belum dijalankan kerana jawapan ini ia ada menyentuh *density* dari tiga puluh sebab sebagai dari kawasan Tanjung Bungah ke Telok Bahang dari tiga puluh unit per ekar kepada lima belas unit per ekar dan juga ia sentuh ke atas Batu Maung yang *density* telah dinaikkan daripada 10 unit per ekar yang kami selalu nampaknya ada sedikit masalah terhadap oleh Y.B. Tanjung Bungah. Di kawasan Tanjung Bungah saya hendak minta penjelasan ke atas berapakah projek telah diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum yang garis panduan baru ini dipergunakan.

Saya faham Kerajaan sekarang tidak akan meluluskan sebarang projek yang menggunakan garis panduan yang dahulu jika saya hendak meminta juga diluluskan berapa lamakah pemaju tersebut mesti menjalankan kerja kontraktor atau berjalan pembangunannya, saya cadangkan berikan satu *time frame* ...(dengan izin), untuk pemaju kalau pelan perancangan ataupun *building* perancangan telah diluluskan Kerajaan Negeri haruslah memberikan satu *time frame* ...(dengan izin), untuk mereka membangunkan dan yang akhir sekali saya hendak sentuh ke atas soalan ini ...(dengan izin), saya bacakan soalan ini apakah rancangan dan strategi untuk program *visit*

penang 2010 dan 2012 berapakah peruntukan untuk rancangan tersebut. Saya minta jawapan dengan lebih teliti, kerana di sini cuma menyentuh ke atas menyediakan pakej imbau dari persatuan MATTA dan juga berusaha untuk penerbangan terus(dengan izin), *direct flight* lagi menyentuh dengan promosi pakej bulan madu, so selain itu saya

tidak nampak apa-apa strategik yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri oleh saya meminta penjelasan ke atas strategik yang langkah-langkah apakah Kerajaan Negeri yang akan diambalkan dan saya juga meminta peruntukan 3 juta yang akan diberikan untuk rancangan-rancangan tersebut memberikan senaraikan sektor mana peruntukan akan dilaksanakan, sekian terima kasih.

Ahli Kawasan KOMTAR (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Y.B. Dato' Speaker, saya hendak bangkitkan satu isu berkenaan Ahli-ahli Pembangkang kita telah meninggalkan Dewan dan tidak berhajat, berminat untuk semula ke Dewan saya rasa kita tidak perlu membazirkan masa kita, saya hendak mohon supaya Y.B. Dato Speaker untuk membuat ketetapan di sini bahawa semua perbahasan perlu dijalankan pada hari ini dan esok kita bermula dengan penggulungan jikalau mereka tidak sudi balik ke Dewan pada malam ini jadi kita tidak akan memberi peluang untuk berbahas, kerana tadi saya terjumpa seorang bentara sedang mengemaskan barang-barang kepunyaan Ahli Y.B. Seberang Jaya ini bermaksud mereka takut untuk masuk ke Dewan, jadi kita tidak payahlah membazirkan masa dan saya pohon ketetapan dibuat oleh Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli Y.B. Komtar, yang keluar Dewan hanya seorang dan selebihnya lagi belum membuat, ada juga yang meminta kebenaran kepada saya untuk sebahagian daripada hari ini tidak dapat hadir tetapi dia akan hadir esok, jadi kita berilah peluang sekejap lagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon minta izin, saya menghormati keputusan yang akan dibuat oleh Y.B. Dato' Speaker tetapi saya difahamkan masa itu saya tidak ada di sini, cuma Y.B. Timbalan Speaker, mengarahkan Y.B. daripada Penaga di perintahkan keluar jadi kalau katakan dia diberi peluang untuk sambung pembahasan sepatutnya beliau balik ke Dewan lebih kurang pukul lima, kerana penggantungan adalah sehingga pukul lima tetapi, perkara kedua adalah sewaktu beliau diperintah keluar Dewan, beliau telah meminta semua Ahli-ahli Barisan Pembangkang untuk turut keluar meninggalkan Dewan dan mereka telah keluar dari Dewan, jadi menunjukkan mereka tidak menghormati prosiding Dewan. Kalau kita membenarkan mereka keluar bila-bila sahaja mereka suka, masuk bila-bila saja mereka mahu dan tingkah laku Y.B. dari Penaga itu tadi pun yang menunjukkan beliau dikeluarkan. Kalau sepatutnya beliau menghormati Dewan selepas waktu penggantungan beliau telah berakhir, beliau sepatutnya balik ke dewan dan bolehlah kita pertimbangkan. Itu pun adalah kuasa Y.B. Dato' Speaker untuk pertimbangkan sama ada beliau dibenarkan meneruskan atau tidak di sini sudah pukul lima mereka tidak datang semula adakah kita perlu menunggu sehingga mereka balik semula.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya ikut peraturan ini dan saya masih beri peluang kerana nanti macam kita menafikan hak mereka sebagai wakil ADUN, wakil rakyat jikalau saya tidak memberi peluang lagi dan mengikut jadual kita, kita ada masa lagi sampai hari Jumaat jadi saya buat ketetapan ini kita beri peluang.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Y.B. Dato' Speaker, saya rasa kita tidak menafikan peluang mereka untuk berbahas, tetapi mereka kena menyertai perbahasan kita selagi ada ruang, saya hendak Y.B. Dato' Speaker memaklumkan kepada Ahli-ahli di dalam Dewan ini siapakah Ahli-ahli Pembangkang yang meminta supaya dapat berbahas pada keesokan hari bagi mereka yang tidak mengemukakan permohonan sebegini maka permintaan mereka tidak perlu dilayan sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli Yang Berhormat Bayan Lepas yang menulis surat, tetapi apa yang saya katakan tadi, saya beri peluang sekali lagi kita kena beri peluang lagi, kalau ikut jadual kita sampai hari Jumaat, itu ketetapan saya.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Perbahasan bajet ini hanya sampai pada hari ini, esok bermula dengan penggulungan jadi masa akan dibazirkan kalau mereka tidak masuk lagi.

Y.B. Dato' Speaker:

Kalau mengikut jadual kita, kita ada sampai hari Khamis, lepas itu baru penggulungan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. Dato' Speaker, kita meminta Y.B. Dato' Speaker menggunakan kebijaksanaan untuk menguruskan *debit* sepertimana usul sudah menerima dilanjutkan sehingga jam 6.45 petang dan kalau ada orang yang ingin membahaskan pada esok kita terbuka juga ruang.

Y.B. Dato' Speaker:

Jadi saya akan teruskan, Y.B. Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

Terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 2010 dan Usul Anggaran Pembangunan 2010, sebelum saya meneruskan perbahasan saya ini dan saya ingin membangkitkan satu insiden yang sedikit akan berkait dengan isi kandungan yang saya bahaskan nanti. Tadi semasa perbahasan oleh Ketua Pembangkang, Ahli Penaga. Saya nampak satu *insiden* yang saya rasa cukup mengecewakan di mana Ahli Penaga telah naik geram dan memusingkan dan membalikkan bahagian belakangnya terhadap rakan saya Ahli Pantai Jerejak. Saya

percaya kejadian telah disaksikan oleh semua hadirin di sini. Saya rasa ini adalah satu tingkah laku yang cukup tidak bersopan. Walaupun kita bertikam lidah dengan bahasa yang cukup panas tapi saya rasa itu adalah satu tingkah laku yang cukup tidak bersopan dan sebenarnya memalukan Dewan ini secara keseluruhan. Jadi saya cuma ingin membangkitkan satu yang ini.

Saya teruskan dengan perbahasan saya, dalam Bajet 2010 yang dibentangkan oleh YAB. Ketua Menteri pada hari Isnin lalu, Yang Amat Berhormat telah membentangkan usaha-usaha, rancangan-rancangan pembangunan kepada sepuluh tajuk yang meliputi hampir kesemua aspek termasuklah usaha meningkatkan daya saingan ekonomi, pembangunan infrastruktur dan juga kemudahan awam. Usaha-usaha memperkasakan sektor pertanian dan industri asas tani, pembangunan belia, sukan dan wanita sebagainya. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa satu lagi aspek yang tertinggal daripada Bajet 2010 itu iaitu usaha untuk ataupun rancangan program untuk memperkukuhkan atau memperkasakan peranan Dewan Undangan Negeri ini. Memanglah kita ketahui bahawa Dewan Undangan Negeri adalah satu badan penggubal undang-undang dan juga satu forum bagi Ahli-ahli Dewan ini untuk mengutarakan pendapat dan juga satu forum untuk kita menyemak tindakan institusi Kerajaan.

Walaupun bagaimanapun peranan yang dimainkan sekarang memanglah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan ataupun Perlembagaan Negeri tetapi sama ada fungsi yang diperuntukan itu sekarang pada hakikatnya kita betul-betul memainkan peranan dan fungsi seperti yang diperuntukan itu secara berkesan. Itu yang persoalannya kalau kita keluar macam kata umum, biasanya mereka berpendapat bahawa badan perundangan seperti Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri berada di kedudukan yang lebih rendah iaitu *sub body* kepada badan eksekutif. Kabinet di peringkat Persekutuan dan Majlis Mesyuarat Kerajaan, iaitu Exco di peringkat Negeri di mana apa yang dicadangkan, atau apa yang dicadangkan, kebanyakan Polisi yang dijalankan di Dewan Undangan Negeri akan diluluskan akan diteruskan tanpa sebarang halangan dan kita yang ini memberi satu pandangan kepada kaca umum di mana badan perundangan ini cuma satu *rubber stamp*(dengan izin), kepada badan *executive*. Kalau persepsi ini susah kita nafikan kalau kita bandingkan dengan *benchmark* (dengan izin), *benchmark* bagi sebuah badan perundangan yang demokratik, *benchmark* ini bukanlah saya cadangkan saya petik daripada *benchmark* yang dicadangkan oleh *Commonwealth Parliamentary Association* memang banyak tetapi cuma saya petik 10 point sahaja.

1. Badan Perundangan haruslah mempunyai infrastruktur fizikal yang mencukupi untuk membolehkan Ahli-ahli dan kakitangan memenuhi tanggung jawab mereka.
2. Badan Perundangan mempunyai hak untuk membentuk jawatankuasa bertaraf tetap dan sementara.
3. Perbicaraan jawatankuasa haruslah dilaksanakan secara umum sebarang pengecualian haruslah ditarik secara jelas di dalam peraturan prosedur.
4. Jawatankuasa mempunyai hak untuk menuntut kehadiran orang, kertas-kertas dan rekod-rekod dan kuasa ini merangkumi saksi-saksi dan bukti daripada bahagian ataupun badan eksekutif termasuk pegawai-pegawai.

5. Badan perundangan haruslah mempunyai kakitangan profesional bertaraf bersifat *non-petition*(dengan izin), yang mencukupi bagi menyokong operasinya termasuk operasi jawatankuasa.
6. Badan perundangan dan bukannya badan eksekutif haruslah mengawal *service* berkenaan dengan badan perundangan dan menentukan terma-terma perjawatan.
7. Ahli-ahli dan kakitangan badan perundangan haruslah mempunyai akses ke atas penyelidikan, perpustakaan dan kemudahan ICT yang mencukupi.
8. Hanya badan perundangan mempunyai kuasa untuk menentukan dan meluluskan bajet bagi badan perundangan itu sendiri.
9. Peluang harus diberi kepada orang awam untuk memberi pandangan dan pendapat terhadap proses perundangan.
10. Badan perundangan hendaklah mempunyai kaedah untuk mendapatkan maklumat yang memadai daripada badan eksekutif untuk melaksanakan fungsi pengawasan dengan cara yang bermakna, dan
11. Akhir sekali badan perundangan harus diberikan tempoh yang munasabah untuk menyemak cadangan bajet.

Ini cuma antara 10 *benchmark* yang dicadangkan oleh *Commonwealth Parliamentary Association*. Kalau kita bandingkan *benchmark* ini kita memanglah kita tidak nafikan persepsi bahawa adalah berasas. Bagi membawa satu perubahan dan meningkatkan martabat Dewan ini saya ingin mencadangkan beberapa langkah dan program bagi mengembalikan ataupun menambahbaik kedudukan Dewan Undangan Negeri sebagai satu penggubal undang-undang dan juga satu institusi dan juga pemeliharaan sistem demokrasi di Negeri ini. Cadangan pertama bagi mencerminkan konsep pemisahan kuasa iaitu *separation of power*(dengan izin), satu enakmen diperkenalkan bagi memperbadankan perkhidmatan Dewan Undangan Negeri agar bebas daripada cabang badan eksekutif dan diletakkan di bawah Pejabat Speaker, Dewan Undangan Negeri. Perbadanan ini akan diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif di mana ia bertanggungjawab kepada segala urusan perkhidmatan, contohnya keselamatan di Dewan Undangan Negeri, perkhidmatan-perkhidmatan kakitangan-kakitangan Dewan Undangan Negeri dan juga segala pembangunan sama ada secara fizikal ataupun secara rohani tentang Dewan Undangan Negeri ia harus dipertanggungjawab kepada Ketua Pegawai Eksekutif ini.

Cadangan yang kedua kita harus memperbanyakkan lagi program lawatan yang melibatkan Ahli-ahli Dewan ini sama ada ke luar Negeri ataupun untuk menambah ilmu dari segi tentang fungsi dan juga peranan yang boleh dimainkan oleh Ahi-ahli Dewan ini. Seterusnya adalah penambah baik infrastruktur yang sedia ada di sini. Saya apabila menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri sejak Mac 2008 itu, perkara pertama yang saya cuba dapatkan ialah segala enakmen, *hard copy* yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri tetapi sampai sekarang tiada satu tempat yang boleh saya dapat kecuali Pusat Sumber di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri itu pun Rang Undang-undang yang macam ini, Rang Undang-undang yang kita terima biru itu, jadi tiada satu tempat yang simpan enakmen yang diluluskan sejak 1959.

Menurut rekod Dewan Undangan Negeri telah meluluskan sebanyak 287 enakmen sejak 1959, jadi kalau kita sebagai Ahli Dewan di sini kita tidak dapat merujuk enakmen yang pernah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri bagaimana kita hendak melaksanakan tugas kita sendiri di Dewan Undangan Negeri. Jadi saya rasa pusat sumber, ataupun perpustakaan kita di Dewan Undangan Negeri perlu ditingkatkan dengan lebih banyak buku dan sekurang-kurangnya satu salinan setiap enakmen yang pernah diluluskan di Dewan Undangan Negeri disimpan di Perpustakaan Dewan Undangan Negeri.

Seterusnya dan juga berkenaan dengan penambahbaikan infrastruktur itu saya rasa kita perlu mungkin satu projektor di dalam Dewan ini. Saya nampak kadang-kadang kita cuma cakap tetapi apabila sampai ada jalur susah hendak tunjuk susah hendak cakap kalau ada sekurang-kurang ada jadual kita boleh paparkan pada projektor dan pada masa itu juga kalau ada pandangan, cadangan terus kita boleh bangkitkan terhadap jadual itu, kalau tidak banyak apabila Barisan Exco apabila hendak menjawab *detail* itu cukup panjang ada jadual bagi kepada ahli, tetapi ahli tersebut tidak dapat memberi maklum balas kepada jadual tersebut ataupun Ahli-ahli lain tiada berpeluang untuk memberi maklum balas terhadap jadual tersebut.

Seterusnya cadangan yang ketiga iaitu peranan jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Dewan Undangan Negeri ini perlu diperbanyakkan. Salah satu ciri Dewan ataupun badan perundangan yang kuat dan juga boleh mencerminkan Dewan Undangan yang demokratik iaitu melalui pembentukan jawatankuasa-jawatankuasa. Di mana jawatankuasa ini, boleh mengendalikan perbicaraan secara terbuka dan mempunyai kuasa mengikut *benchmark* tersebut(dengan izin), boleh memanggil saksi-saksi dan juga boleh membuat *public hearing*(dengan izin), memanggil saksi-saksi memanggil kertas-kertas bagi sama ada menyemak tindakan Kerajaan ataupun mengumpul maklum balas ataupun pendapat daripada orang ramai tentang isu-isu tertentu.

Contohnya sekarang kita berbahas tentang bajet 2010 tetapi saya percaya kalau sebelum ada bajet ini dibentangkan Dewan ini boleh mengadakan satu tertubuhkan satu jawatankuasa bajet ataupun kewangan. Jawatankuasa tersebut terdiri daripada Ahli *Backbencher* Kerajaan ataupun Pembangkang boleh memanggil badan-badan NGO, badan-badan profesional ataupun orang ramai untuk memberi pandangan mereka secara terbuka apa harapan mereka terhadap bajet 2010 itu. Jawatankuasa itu akan memberi input kepada badan eksekutif ini adalah satu fungsi di mana orang awam boleh mengambil bahagian dalam memberi maklum balas kepada bajet ini. Selain daripada jawatankuasa bajet atau kewangan yang saya cadangkan itu saya juga cadangkan tertubuhnya jawatankuasa Kerajaan Tempatan, jawatankuasa Tanah dan Pejabat Daerah, Jawatankuasa Agensi Kerajaan Negeri dan Perbadanan Kerajaan Negeri dan juga Jawatankuasa *Petition* di mana aduan-aduan rakyat boleh dibawa kepada Jawatankuasa Dewan itu. Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan ini bukan sahaja boleh menyemak tindakan Kerajaan dengan lebih berkesan tetapi juga merupakan satu forum untuk memberi cadangan, pandangan kepada Badan Eksekutif dengan lebih sistematik lagi. Saya berharap pejabat ataupun Unit Dewan Undangan Negeri yang ketua oleh Tuan Speaker sendiri dapat membuat kajian segera dan mencadangkan perkara tersebut sebelum sidang Dewan Undangan Negeri akan datang.

Seterusnya saya cadang agar jawatan-jawatan pegawai penyelidikan ataupun Pegawai Undang-undang yang bersifat *nonpartisan* bertempat di Dewan Undangan Negeri bagi membantu Ahli-ahli Dewan termasuk juga Ahli Pembangkang, sebab dia *non-partition* bagi kita membantu kita dari segi penyelidikan *research* ataupun *research*

terhadap dasar-dasar dan penggubalan undang-undang. Saya percaya ia adalah satu *practice* di mana Ahli-ahli di Dewan ini boleh membawa Rang Undang-undang persendirian (*private member bill*) tetapi saya percaya kita walaupun saya sendiri sebagai peguam dari segi *draftee* ataupun penggubalan terma-terma undang-undang kita kurang arif. Jadi, dengan adanya pegawai sedemikian ia boleh membantu Ahli-ahli

Dewan ini untuk mengutarakan isu mereka dan kalau boleh pun kita boleh mengemukakan *private member bill* sebagai satu tindakan yang lebih efektif menunjukkan kita membawa satu kita menerajui sesuatu Polisi dengan penggubalan undang-undang.

Maka dengan empat cadangan tersebut kalau boleh bajet tambahan Bajet 2010 ini sebanyak mungkin RM1.5 juta ditambahkan. Kalau kita dari segi kalau rujuk kepada buku merah ini, muka surat 32 anggaran untuk perbekalan hampir mencecah RM14 juta dan untuk anggaran pembangunan untuk Dewan Undangan Negeri iaitu di muka surat 126 hanya RM200,000.00. Jika kita lihat keseluruhan kita campur dua bajet ini masih keseluruhan RM14 juta jadi kalau saya tambah RM1.5 juta mungkin cuma RM15 juta sahaja. Jadi saya berharap cadangan saya dapat disokong dan dengan ini saya memohon menyokong. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya Ahli Berhormat Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk berdebat dalam Bajet 2010 yang mana telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri tempoh hari. Saya ingin syabas dan tahniah Ketua Menteri kita khususnya rakyat Pulau Pinang amnya kerana segala dalam isi kandungan dalam Bajet 2010 adalah satu pembentangan yang berjiwa rakyat dan berwawasan. Walaupun dengan keupayaan puncak kewangannya yang agak terhad dan penat Kerajaan Negeri kita masih lagi berupaya melaksanakan berbagai agenda pembangunan dan program bantuan sosial yang baik menerusi dasar-dasar utamanya iaitu untuk melancarkan dasar ekonomi, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan menjamin keadilan sosioekonomi serta memberi keutamaan kepada pelaburan dalam sektor pendidikan.

Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada Kerajaan kita sekali lagi. Apa yang membanggakan kita adalah prestasi dan kejayaan yang telah pun dicapai oleh Kerajaan Negeri dalam memerangi rasuah atau memperoleh kepujian ulung kalinya diperoleh daripada *transparency international* kerana mengamalkan prinsip urus tadbir CAT. Yang Berhormat Dato Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat izinkan saya mahu tekankan pada petang ini adalah mengenai masalah di Nibong Tebal. Iaitu sebuah pekan yang telah lama terbiar oleh pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional di selatan Negeri Pulau Pinang kita. Apa yang saya harap Kerajaan kita harus memberikan perhatian dan keutamaan dalam membangunkan bandar ini yang dianggap sebagai tidak bermaya dan mundur ditelan zaman. Apa yang saya nampak, Nibong Tebal telah ketinggalan daripada arus pembangunan yang sebelum ini boleh dikatakan keadaan perniagaan sangatlah kurang dan tidak mengizinkan rakyat untuk hidup dengan lebih senang.

Memandangkan keadaan dan masalah ini adalah satu masalah yang serius dan saya meminta kepada Kerajaan Tempatan kita, supaya menundakan pelaksanaan membuat kutipan hasil letak kereta di sana. Sehingga Nibong Tebal dapat maju seperti kawasan-kawasan lain di dalam Negeri Pulau Pinang kita. Dalam menghidupkan Nibong Tebal menjadi sebuah tempat yang lebih selesa untuk hidup dan untuk berniaga saya mencadangkan Kerajaan supaya membina sebuah perhentian bas yang bertaraf *Interchange* di dalam pekan Nibong Tebal. Supaya

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Minta laluan. Ahli Kawasan Jawi meminta Kerajaan membina *interchange* supaya *bus interchange* untuk Seberang Perai Selatan. Adakah Yang Berhormat sedar dari mana datangnya wang bagi bas *interchange* itu? Jikalau MPSP yang berhasrat melaksanakan kutipan tempat letak kereta pun tidak dipersetujui oleh Yang Berhormat bagaimana kita nak mendapat duit itu untuk membina *interchange*?

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Terima kasih atas soalan dari Yang Berhormat KOMTAR kita. Apa yang saya nampak sebelum ini Kerajaan dapat menjimatkan sejumlah wang besar iaitu sebanyak RM30 juta daripada hasil perusahaan pelupusan sampah di Pulau Burung. Jadi untuk tahun.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta laluan. Y.B. Jawi adakah kutipan letak kereta akan berlaku di Pekan Jawi Nibong Tebal dan berapa banyak? Adakah seluruh Pekan Nibong Tebal dan adakah Yang Berhormat Jawi faham MPSP akan melakukan kutipan letak kereta *fee* itu di seluruh Pekan Nibong Tebal atau hanya di tempat tertentu untuk *commercial*?

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Mengenai masalah pelaksanaan kutipan hasil letak kereta ini saya rasa kalau pihak MPSP melaksanakannya dengan keseluruhan itu akan membebankan rakyat Nibong Tebal dan pembangunan di sana. Kalau pihak MPSP melakukan sebahagian sahaja ini tidak berbaloi langsung kalau ditolak dengan upah yang akan dibayar oleh pihak MPSP kepada pekerja, kakitangan-kakitangan yang menjalankan tugas. Memandangkan kemajuan dan pembangunan yang ada di Nibong Tebal ini masih lagi tak begitu memuaskan. Saya berharap pihak yang berkaitan seperti MPSP akan menimbangkan masalah yang dihadapi oleh Nibong Tebal kerana kalau kita nak kata keadilan kita kena timbang pembangunan selama ini yang dikecapi oleh SPS. Sebab SPS telah dianaktirikan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan saya percaya Kerajaan Pakatan adalah satu Kerajaan yang lebih berprihatin dan lebih menjaga rakyat kita daripada prestasi yang sebelum ini yang telah pun ditunjukkan oleh wakil-wakil rakyat sebelum ini.

Projek-projek untuk merangsang Pekan Nibong Tebal sangatlah penting kerana kalau Kerajaan tak jalankan projek-projek untuk merangsang Pekan Nibong Tebal saya percaya lebih banyak lagi rumah kedai akan terbiar dan akan dibiarkan oleh tuan punya kedai kalau tuan-tuan tak percaya kalau senang saya cadangkan Yang Berhormat singgahlah di Pekan Nibong Tebal saya untuk melihat lebih dekat bagaimana keadaan rumah terbiar di sana. Selain daripada membuat sebuah perhentian bas, kita juga

mengharapkan infrastruktur asas seperti jalan raya, kemudahan jalan raya perlu dibuat di sana. Seperti jalan keluar masuk, Jambatan Kedua yang dijangka siap nanti dan dijangka masuk ke Pekan Nibong Tebal.

Ini adalah salah satu cara merangsang ekonomi Nibong Tebal dan kita berharap Kerajaan akan membuat sebuah jambatan menyeberangi Tanjong Berembang yang mana jambatan itu boleh digunakan oleh kereta untuk berulang-alik dengan adanya cara sebegini saya yakin Nibong Tebal akan pulih semula seperti tahun 80-an yang sebelum ini. Kita tidak harap orang-orang di SPS selalu meneruskan kata-kata untuk mencerca Kerajaan bahawa mereka telah dianaktirikan kerana ini adalah benar kerana pembangunan di SPS sangatlah lemah jika dibandingkan dengan tempat-tempat lain di Negeri kita.

Yang Berhormat, kita amat menyokong usaha Kerajaan untuk membantu warga emas menerusi Program Warga Emas yang akan dilaksanakan pada tahun depan. Saya yakin dengan pelaksanaan program ini sekurang-kurangnya warga emas, hidup warga emas kita dapat habuan dari Kerajaan kita dan boleh katakan mengikut pengalaman saya selama 1 tahun 8 bulan menduduki kerusi ini, boleh katakan saya ada menerima permohonan atau rayuan dari warga orang-orang tua kita tak kira apa bangsa sekalipun. Apa yang saya dapati orang tua kita bukan sahaja tak terjamin mereka risau dengan sekiranya mereka bangun awal pagi mereka risau dengan tentang makanan hari ini macam mana nak lepas. Adakah usaha mereka selama ini dihargai oleh Kerajaan. Jadi dengan pelaksanaan program warga emas ini, saya rasa tindakan Kerajaan memang tepat, kita memuji sekali lagi kepada Kerajaan kita kerana mengadakan satu program yang amat bermakna sekali bagi rakyat kita. Kerajaan lama dia tidak mampu untuk menjaga rakyat bermakna tanggungjawab Kerajaan baru adalah satu cara yang terbaik sekali untuk membuktikan bahawa Kerajaan kita berjiwa rakyat.

Mengenai masalah banjir di dalam kawasan SPS seperti beberapa tempat dalam Negeri Pulau Pinang juga sentiasa mengalami banjir, boleh dikatakan banjir sewaktu hujan lebat, banjir pasti akan terjadi, limpahan air bukit dikatakan selalu terjadi dalam daerah SPS. Inilah sebabnya SPS selalu mengalami banjir. Apa yang saya faham, dasar sungai yang ada di dalam SPS iaitu Sungai Kerian, Sungai Tengah dan Sungai Jejawi boleh dikatakan telah berpuluh-puluh tahun tidak pernah dikorek, boleh dikatakan dasarnya penuh dengan lumpur dan sisa-sisa kekotoran. Jadi tindakan Kerajaan untuk membersihkan dasar sungai adalah amat perlu untuk mengelakkan dan untuk mengurangkan masalah banjir di kawasan SPS. Kalau kita cuci sahaja itu tidak ada makna, masalah takungan air tidak dapat diatasi, air tidak dapat lari ke mana melainkan kita mendalamkan sungai yang ada di sana.

Saya rasa kita tidak perlu membuang masa, saya akhiri, terima kasih Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi perbahasan ini akan disambung esok pada hari Khamis 3 Disember 2009 pada jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.10 petang.